

## **Laporan Persidangan**

### **PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT PERTAMA**

#### **DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUABELAS**

---

**Hari** : **23 April 2009 (Khamis)**  
**Tempat** : **(Dewan Undangan Negeri,  
Lebuh Light, Pulau Pinang)**  
**Jam** : **9.30 Pagi.**

---

#### **HADIR**

Speaker (Y.B. Tuan Abdul Halim bin Hussain)  
Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri  
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman)  
Penasihat Undang-undang Negeri (Y.B. Puan Faiza bt. Zulkifli)  
Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Dato' Supiah bt. Md. Yusof )  
Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) – Timbalan  
Ketua Menteri II.

- “ Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)
- “ Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
- “ Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng)
- “ Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang)
- “ Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh)
- “ Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang)
- “ Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai)
- “ Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi)
- “ Machang Bubuk (Y.B. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan Speaker
- “ Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai)
- “ Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN)
- “ Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
- “ Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman)
- “ Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik)
- “ Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin)
- “ Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)
- “ Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
- “ Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)
- ” Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen)  
“ Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin)  
“ Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)  
“ Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan)  
“ Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee)  
“ Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat)  
“ Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)  
“ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)  
“ Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)  
“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)  
“ Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)  
“ Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)  
“ Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin)  
“ Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)  
“ Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)  
“ Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)  
“ Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria)  
“ Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

## **TURUT HADIR**

Encik Baharuddin bin Ahmad Suri - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

## ***Dewan bersidang semula pada jam 9.40 pagi***

### **Setiausaha:**

Doa

### **Y.B. Tuan Speaker:**

Dewan bersidang semula pada hari ini Khamis 9.30 pagi. Kita mulakan dengan sesi penggulungan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ke atas perbahasan ucapan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sila Y.B. Berapit.

### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, selamat pagi. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ke atas ucapan TYT yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sebelum saya memulakan ucapan penggulungan saya, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng dan semua rakan seperjuangan saya di barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah berjaya menerajui pentadbiran negeri selama setahun dengan jayanya menerusi urus tadbir CAT. Di bawah prinsip 5K, Kebebasan, Keadilan, Kebajikan, Kebenaran dan Ketakwaan kepada Tuhan.

Kerajaan negeri sentiasa proaktif dalam memastikan perkembangan sukan dan belia negeri supaya ia sentiasa berdaya saing dan seiring dengan pembangunan negara. Di dalam program pembangunan yang melibatkan belia negeri, kerajaan negeri telah menitikberatkan dan fokus kepada aspek kepimpinan, kesukarelaan dan keusahawanan sebagai pemangkin kepada pembangunan yang melibatkan belia dan beliawanis negeri. Setiap perancangan dan bantuan kepada golongan belia telah dan akan diteruskan untuk memastikan golongan belia Negeri Pulau Pinang sentiasa bergerak maju tanpa apa-apa halangan yang akan membantut pembangunan golongan ini. Dorongan dan galakan sentiasa diberikan kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang untuk membolehkan matlamat kerajaan negeri dicapai. Dalam hal pembangunan belia, dasar-dasar tonggak Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan akan diteruskan pada tahun ini. Antara dasar-dasar utama yang menjadi tonggak kepada program dan aktiviti jawatankuasa adalah mengambil pendekatan yang mesra belia untuk menggalakkan para belia supaya berani tampil ke hadapan dan membentuk ... (dengan izin), *smart partnership* dengan kerajaan negeri bagi menyumbang kepentingan dan bakat terpendam. Menggalakkan pembangunan insan yang menyeluruh, bukan sekadar dari segi akademik tetapi juga menerapkan unsur-unsur kebudayaan, kesenian dan sukan, menggalakkan semangat muhibah dan perpaduan antara kaum, menggalakkan kesaksamaan *gender*, penyaluran sumber negeri kepada projek yang secara langsung...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Ariff Shah bin Haji Omar):**

Penjelasan. Ada yang dinyatakan tadi ada program untuk menggalakkan muhibah dan perpaduan, apakah sebenarnya yang telah dilakukan yang dapat dilihat dengan jelas berlakunya perpaduan kaum di antara belia-belia.

### **Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Sekejap lagi saya akan beri *explanation* kepada Y.B. Seberang Jaya. Penyaluran sumber negeri kepada projek yang secara langsung membawa faedah kepada masyarakat terutamanya kepada golongan belia tanpa pembaziran mengikut prinsip CAT Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan akan menganjurkan Karnival Hari Belia Pulau Pinang pada 13 dan 14 Jun 2009 bertempat di Auto City, Juru pada tahun ini sempena dengan sambutan Hari Belia peringkat negeri. Karnival ini adalah sebagai kesinambungan yang telah dilaksanakan untuk mewujudkan kesedaran kepada orang ramai terhadap aktiviti belia masa kini, khususnya melalui pertubuhan-pertubuhan belia, negeri dan aktiviti riadah yang sihat seperti muzik, tarian, sukan dan kesenian.

Karnival Hari Belia Negeri Pulau Pinang merupakan perhimpunan tahunan yang berkonsep karnival yang melibatkan semua pertubuhan belia di bawah Majlis Belia Negeri Pulau Pinang serta badan-badan dan organisasi yang berkaitan dengan komuniti belia. Semua 21 badan gabungan belia negeri akan terlibat dengan pameran Hari Belia pada kali ini. Di samping itu kerajaan negeri juga mengambil pendekatan di dalam mendorong belia-belia di dalam bidang keusahawanan. Belia-belia negeri disarankan supaya menceburkan diri di dalam peluang-peluang perniagaan dan bagi belia-belia yang kehilangan pekerjaan atau sedang mencari pekerjaan, kerajaan negeri sedang mewujudkan pusat bantuan kerjaya dan latihan atau *Penang Career and Training, CAT Center* yang di kendali oleh investPenang. Pusat ini berperanan untuk memadankan pekerja yang telah diberhentikan kerja atau pekerja baru melalui program-program latihan yang akhirnya menyediakan peluang pekerjaan atau perniagaan kepada mereka. Selain dari itu kerajaan negeri dengan kerjasama Majlis Belia Negeri Pulau Pinang turut akan menganjurkan seminar motivasi keusahawanan belia pada tahun ini yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada golongan belia mengenai usaha meningkatkan taraf ekonomi belia.

Hanya peruntukan sejumlah RM161,070.00 diperuntukkan kepada Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dan program sepanjang tahun 2009. Selain dari itu peruntukan sebanyak RM150,000 turut disalurkan kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang dalam bentuk geran bagi aktiviti-aktiviti Majlis Belia Negeri Pulau Pinang. Dari peruntukan tersebut, sebanyak 16 badan gabungan mendapat peruntukan sebanyak RM1,000.00 manakala 5 Majlis Belia Daerah mendapat peruntukan sebanyak RM600.00 di seluruh Pulau Pinang sebagai bantuan kewangan untuk menjalankan aktiviti persatuan.

Untuk makluman Y.B. Sungai Aceh, peruntukan sedia ada kepada Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan adalah tidak mencukupi untuk menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti di bawah MMK. Sekiranya persatuan-persatuan yang disebut oleh Y.B. Sungai Aceh semalam adalah persatuan yang berdaftar dengan Pendaftar Belia, persatuan tersebut boleh memohon peruntukan sebanyak RM3,000 daripada Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang. Saya juga sudi turun padang bersama Y.B. Sungai Aceh bersama Majlis Belia Negeri Pulau Pinang untuk mengenal pasti masalah belia-belie di kawasan yang Berhormat. Prinsip saya ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Boleh saya habiskan yang ini dahulu? Dari dahulu saya bercakap, prinsip saya di bawah MMK dan kerajaan negeri, dalam hal pembangunan belia, pada masa dahulu dan sekarang juga, *because we believe that we work above politics* dalam hal pembangunan belia dan sukan. Sila Y.B. Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Terima kasih. Yang pertama, berkaitan dengan peruntukan kepada belia di peringkat cawangan, bukan atas gabungan tetapi belia-belie. Disebut seperti tadi kalau perlu kena buat permintaan, telah diberi sebanyak RM3,000. Cuma saya hendak bertanya, peruntukan sebanyak RM3,000 ini datang dari mana, sama ada dari *state* atau Persekutuan. Keduanya sudah berapa kali diberi sejak kerajaan ini memerintah dan sejak bila, maksud saya bermulanya peruntukan ini diberi. Y.B. Tuan Speaker, saya suka hendak menyebut iaitu disebutkan tadi persatuan kena minta. Saya hendak mencadangkan sepatutnya kita berjumpa dengan persatuan dan memberi taklimat dan rangsangan kepada Persatuan Belia untuk bergerak kerana mengikut apa yang saya tahu, peruntukan RM3,000 ini merupakan peruntukan keupayaan. Bermaksud hanya persatuan yang aktif sahaja diberi sedangkan persatuan yang tidak aktif tidak diberi. Itu maksud saya, terima kasih.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Untuk maklumat Y.B. Sungai Aceh, peruntukan RM3,000 ini yang diadakan oleh Kerajaan Pusat bermula pada tahun lepas, selepas kerajaan negeri diambil alih oleh Pakatan Rakyat. Sebab dahulu Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang bekerjasama dengan kerajaan negeri tetapi selepas Mac 2008, tiada lagi pertolongan dari Jabatan Belia dan Sukan Negeri kepada kerajaan negeri. Peruntukan saya hanya bergantung kepada peruntukan dari kerajaan negeri sahaja. Saya pernah berjumpa dengan Menteri Belia dan Sukan

di Kerajaan Pusat iaitu Dato' Ahmad Shabery bin Cheek dan pernah membangkitkan masalah ini tetapi beliau memberitahu Kerajaan Pusat akan menyalurkan peruntukan RM3,000 kepada setiap *NGO-NGO body*, ....(dengan izin), untuk meminta peruntukan ini bagi menjalankan program-program sesebuah NGO belia. Ini jawapan kepada Y.B. Sungai Acheh.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan. Terima kasih. Kalau kita lihat pada masa ini, kelesuan persatuan-persatuan belia di negeri kita ini nampak lesu kerana kurangnya penglibatan dari golongan belia di dalam masyarakat dan persatuan-persatuan belia. Kalau kita tengok di kawasan kita belia kurang berpersatuan, persatuan belia nampak makin lesu. Kemudian kita melihat pada Majlis Belia Daerah. Peranan dan fungsi Majlis Belia Daerah ini kita tengok kurang berkesan. Kalau kita tanya mereka kenapa kurang berkesan, mereka tidak dapat memainkan peranan untuk menggerakkan belia-belia di bawah ini mereka memberitahu kerana sekarang ini Majlis Belia Daerah hanya diberi peruntukan RM600 sahaja untuk pentadbiran saja. Untuk mereka hendak menggerakkan belia-belia di bawah ini mereka tidak ada sumber-sumber yang disokong oleh pihak kerajaan negeri. Sebab itu kita harap kerajaan negeri perlu melakukan sesuatu supaya Majlis Belia Daerah ini dapat berfungsi dengan sebaiknya ke arah untuk memberigalkan dan untuk menggerakkan belia dan peranan belia ini untuk menjadi lebih hebat pada masa akan datang.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Y.B. Sungai Dua dan cadangan Yang Berhormat. Saya sangat gembira sebab Y.B. Sungai Dua menyokong jawatankuasa saya untuk mendapat lebih banyak peruntukan dari kerajaan negeri untuk menolong persatuan-persatuan belia di Negeri Pulau Pinang. Saya akan menitik berat perkara ini dan akan menyerahkan suara Y.B. Sungai Dua kepada kerajaan negeri.

Untuk tahun 2009, di samping penganjuran Hari Karnival Belia, Majlis Belia Negeri Pulau Pinang bersama dengan kerajaan negeri turut melaksanakan dan merancang beberapa program belia seperti:-

- (i) Pertandingan Sukan Paintball bersama Badan Gabungan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang yang telah diadakan pada 28 Mac 2009 bertempat di Padang Brown, Dato Keramat. Ia telah menerima penyertaan sebanyak 240 orang peserta dari semua badan gabungan belia negeri.
- (ii) Program Kemasyarakatan Belia Benci Dadah yang akan diadakan pada bulan April hingga Jun 2009 di 5 buah daerah di sekitar Negeri Pulau Pinang.
- (iii) Kempen Pencegahan Jenayah akan dijalankan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Kerajaan negeri melalui PDC turut merancang untuk mewujudkan

Rakan Komtar yang akan melihat isu-isu keselamatan dan sosial melibatkan belia dan komuniti di kawasan KOMTAR.

- (iv) Dan sebagainya seperti Kem Generasi Penggerak Wawasan, Kursus Peningkatan *Esteem* Diri, Kem Motivasi Remaja Benci Dadah, Pendekatan Komuniti Dalam Membasmi Dadah dan Kem Motivasi Belia Benci Dadah dan banyak lagi program yang berfaedah kepada golongan-golongan belia.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Ariff Shah bin Omar Shah):**

Penjelasan. Bagaimana pula dengan program dengan penglibatan belia di dalam perniagaan. Hari itu semasa dalam mesyuarat yang lalu ada dinyatakan ada tabung khas dan sebagainya, bagaimana dan apakah kedudukannya dan berapa banyak belia yang telah dilahirkan sebagai usahawan berjaya.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Saya akan mengambil berat tentang cadangan Y.B. Seberang Jaya. Sekarang peruntukan dari PDC untuk usahawan sudah diberhentikan sementara. Saya akan minta EXCO yang berkenaan untuk menjawab kepada Y.B. Seberang Jaya.

Walaupun dengan peruntukan yang terhad, ini tidak menghalang usaha kerajaan negeri untuk mempromosikan aktiviti belia untuk semua. Untuk makluman Y.B. Bertam yang membangkitkan soalan aktiviti positif untuk belia, di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan, beberapa program mingguan yang berteraskan 'Gaya Hidup Sihat' ....(dengan izin), *Healthy Active Lifestyle* telah dilaksanakan di Padang Kota Lama untuk membolehkan belia-belia negeri menjalani gaya hidup sihat. Ini merangkumi program mingguan seperti:-

- program senaman komuniti Pulau Pinang
- aktiviti jogging untuk semua masyarakat
- program Sembang-semang Ikan
- permainan layang-layang
- demonstrasi kereta kawalan jauh
- program Berbasikal Penang Heritage Experience on Wheels dan
- demonstrasi Motosikal Mini Pocketbike

Kerajaan negeri juga telah mewujudkan program Penang X-Flow 2009 sebagai platform untuk aktiviti riadah yang berfaedah kepada para belia dan masyarakat Pulau Pinang. Antara program yang akan dilaksanakan di bawah Program *X-Flow* termasuklah *paintball*, *3 On 3 basketball*, *Frisbee*, kereta kawalan radio dan sebagainya. Program-program ini dirancang khusus untuk remaja dan belia agar mereka tidak terlibat dengan gejala sosial.

Dalam arena sukan pula, kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) telah mengatur beberapa strategi bagi mencapai keunggulan dalam persada sukan negara dan antarabangsa. Ini termasuk mencungkil bakat-bakat baru yang semakin menyinar di bidang sukan. Di dalam memastikan bidang sukan di Negeri Pulau Pinang mencapai tahap yang tinggi, beberapa program kemajuan telah dirangka sebagai pemangkin kepada kenaikan taraf mutu sukan di dalam negeri. Antara program-program yang dirangka adalah seperti:-

- (i) Sukan Pulau Pinang 2009 (SUKPEN) yang akan dilancarkan pada 30 Mei hingga 5 Jun. Ia merupakan sukan beraneka jenis sukan (*multi sports event*) yang dipertandingkan antara daerah-daerah Negeri Pulau Pinang. Ia melibatkan semua daerah, kelab, persatuan, agensi sukan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Kejohanan ini dijadikan *platform* mencungkil bakat baru, atlet-atlet muda daerah bagi mewakili Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Saya hendak tahu apakah inisiatif kerajaan negeri untuk mewujudkan jaguh harapan Negeri Pulau Pinang dan kaedah apakah digunakan supaya daripada awal terdedah terus memberikan latihan, kalau dia tu badminton, dia tu main badminton sampai betul-betul boleh menjadi jaguh antarabangsa. Dahulu kita ada budak yang pandai main golf, jadi dia juga boleh mencapai sehingga ke peringkat yang membolehkan, membanggakan yang akan menaikkan nama Negeri Pulau Pinang. Jadi adakah satu program khas iaitu Program Jaguh Harapan untuk sukan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya. Jawapan saya ada dalam penggulungan saya, nanti saya akan beritahu Y.B. Seberang Jaya. Festival Sukan Combat 2009 iaitu FESCOMB yang akan dilancarkan pada 16 Disember hingga 21 Disember melibatkan semua acara yang dipertandingkan di dalam sukan tempur atau *combat sports* melibatkan sentuhan badan. Festival ini adalah bertaraf antarabangsa yang melibatkan penyertaan dari luar negeri seperti Singapura dan Brunei, melibatkan kontinjen-kontinjen negeri termasuk pasukan jemputan dari PDRM iaitu Polis Di Raja Malaysia, ATM iaitu Angkatan Tentera Malaysia dan MASUM iaitu Majlis Sukan Universiti Malaysia.



Antara sukan yang dipertandingkan ialah tinju, silat, karate-do, tekwando, judo, silambam, lawan pedang dan juga wusyu. Program latihan bersepadu kepada atlet-atlet skuad latihan SUKMA ke – 13 pada tahun 2010 di Melaka dan keempat melaksanakan Projek Mutiara sebagai satu projek jangka panjang yang menyasarkan latihan sepanjang tahun untuk atlet-atlet elit ini dan atlet skuasy latihan SUKMA ke 13. Kelima mencungkil bakat-bakat baru skuad pelapis Pulau Pinang, meningkatkan kualiti bidang kejurulatihan dari segi sains sukan. Nombor tujuh memberi penekanan komprehensif terhadap program latihan yang dijalankan dengan agen dengan Tuan Yang Terutama, *periodization plan*. Nombor lapan memberi penumpuan kepada jenis-jenis sukan yang berpotensi dan menawarkan banyak pingat. Kesembilan penglibatan atlet-atlet di dalam pertandingan dan di luar Negara. Kesepuluh pembelian penggantian peralatan sukan sebagai langkah menambah baik kemudahan latihan untuk atlet. Sebelah membekalkan makanan tambahan iaitu *food supplement* bagi meningkatkan kadar metabolisme badan atlet dan membantu pertumbuhan badan anggota atlet. Y.B. Tuan Speaker, menyentuh tentang.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya hendak tanya Y.B. Berapit sepertimana yang disebutkan tadi, SUKPEN, Sukan Combat, *International Dragon Boat Festival*, *International Mountain Bike Festival*, ini semua adalah acara-acara yang telah di inisiatif oleh kerajaan sebelum ini. Saya hendak tanya adakah program-program yang dapat difikirkan, dapat dilancarkan, dapat dilaksanakan oleh kerajaan sekarang untuk menambah baik program-program untuk menjana bukan sahaja pembangunan sukan, berbentuk antarabangsa untuk mempromosikan Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih menitik berat hal sukan daripada saudari Telok Ayer Tawar. Sekarang saya menyentuh tentang sukan atlet di Majlis Sukan Negeri itu sukan untuk semua, *sports for all*, kita ada rancangan yang banyak untuk sukan-sukan antarabangsa pada tahun ini di bawah Jawatankuasa MMK. Selain daripada yang tadi saya sebut sukan untuk semua yang akan dijalankan pada tahun ini dalam bulan sebelas iaitu *world championship basketball invitation* yang akan dijalankan pada bulan November tahun ini. *25th Anniversary World Championship Basketball Invitation* dan lagi satu ialah Superbike yang akan datang ke Pulau Pinang yang pesertanya dari Bangkok Thailand dan juga Singapore akan datang ke Pulau Pinang pada bulan September ini dan juga pertandingan memancing antarabangsa akan dilancarkan pada akhir tahun ini iaitu *offshore* dan *inshore* pertandingan banyak lagi program sebab saya tidak dapat menjawab semua kepada Y.B. Telok Ayer Tawar dan saya akan jawab dalam jawapan bertulis dan memberitahu saudari tentang program-program yang kita akan lancarkan dengan bertulis, okey.

Y.B. Tuan Speaker, menyentuh tentang Sukan Malaysia, SUKMA, Pulau Pinang sehingga kini tidak pernah ketinggalan untuk mengambil bahagian. Untuk makluman Dewan Yang Mulia pada SUKMA Ke-11 di Kedah Tahun 2006, Negeri Pulau Pinang telah berada di kedudukan ketiga, namun pada tahun 2008 di SUKMA Ke-12 di Terengganu, Negeri Pulau Pinang mengalami kemerosotan dan sehubungan dengan itu untuk memastikan Pulau Pinang kembali memberi cabaran dan memperbaiki kedudukan keseluruhan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan program seperti yang dinyatakan sebelum ini, iaitu seperti SUKPEN, FESCOM, Sukan Latihan SUKMA, Projek Mutiara dan sebagainya.

Selain itu Majlis Sukan Negeri bukan sahaja memberi tumpuan kepada atlet elit yang sedia ada, malah ia turut memberi tumpuan kepada bakat-bakat muda yang baru, ini jawapan untuk Y.B. Seberang Jaya. Untuk memastikan bakat-bakat muda ini terus menyerlah Majlis Sukan Negeri telah mengujudkan satu skim baru iaitu atlet cemerlang negeri dan adik Brian Que Wee Yan adalah atlet utama yang telah diserapkan ke dalam skim ini. Adik Brian Que adalah seorang pemain golf yang berumur 9 tahun dan telah mendapat tempat ke enam dalam kejohanan golf kanak-kanak sedunia di Amerika Syarikat.

Untuk makluman, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga bertindak dalam membantu Persatuan-Persatuan Sukan Negeri Pulau Pinang pada setiap masa di dalam mengembangkan lagi mutu sukan di Negeri Pulau Pinang, bantuan-bantuan dari segi peruntukan kewangan, bantuan khidmat nasihat, bantuan kepakaran dalam bidang sains sukan, bantuan peralatan sukan dan persediaan kemudahan gimnasium telah dimanfaatkan. Ini telah mendorong kepada kemajuan bidang sukan negeri di mana prestasi kebanyakan Persatuan Sukan Negeri Pulau Pinang semakin meningkat terutama sukan skuasy, badminton, karate-do, silat, tinju, memanah, menembak, olah raga dan *tenpin bowling*. Selain daripada tokoh-tokoh sukan seperti Dato' Lee Chong Wei, Dato' Nicole Ann David, ini dapat dilihat melalui pencapaian yang dicapai oleh beberapa atlet sukan Pulau Pinang seperti kejayaan Cheng Chui Siang, atlet memanah yang berjaya melayakkan diri ke peringkat sukan akhir sukan Olimpik. Tidak ketinggalan adalah penyenaiaan bakat-bakat baru semakin menyerlah seperti dalam sukan skuasy Loh Wee Wern telah memenangi pingat emas SUKMA Ke-12, manakala Loh Wee Ni memenangi pingat perak dalam acara beregu skuasy dan Nasrin Ariffin memperoleh pingat perak dalam acara perseorangan.

Dalam sukan karatedo semua atlet-atlet berikut iaitu Kam Kar Sum, Tan Cheng Siang, Tan Sheng Yin, Quah Beng Huat dan Chung Beng Tan memenangi pingat emas dalam kategori masing-masing. Dalam sukan badminton juga ada kedua-dua atlet ini iaitu Chan Peng Soon dan Tan Ji Yeen telah memperoleh pingat gangsa. Dan banyak lagi atlet yang baru akan berprestasi kebolehan mereka dari segi infrastruktur dan kemudahan sukan, Majlis Sukan Negeri kini telah mengambil alih pengurusan Stadium Batu Kawan yang selama ini di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan RM1 juta di mana RM400,000.00

telah diperuntukkan untuk penambahbaikan untuk kemudahan dalam stadium dan RM600,000.00 diperuntukkan untuk kerja-kerja pengurusan Stadium Batu Kawan sepanjang tahun. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kegunaan Stadium Batu Kawan kini semakin meningkat dan pelbagai perancangan telah dibuat untuk menjalankan aktiviti sukan untuk semua stadium ini.

Melalui Majlis Sukan Negeri, Stadium Batu Kawan juga menjadi pusat latihan olahraga atlet-atlet SUKMA Pulau Pinang dan jurulatih juga telah ditempatkan di stadium ini. Stadium ini juga telah digunakan oleh sekolah-sekolah berhampiran untuk menganjurkan kejohanan olahraga tahunan masing-masing. Pada hari Selasa, 21 April, 2009 iaitu 2 hari yang lalu, kejohanan olahraga Majlis Sukan Sekolah-sekolah Pulau Pinang yang dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah diadakan di Stadium Batu Kawan. Selain daripada itu padang bola sepak di stadium ini juga digunakan setiap hari oleh pertubuhan dan individu kerana kadar sewaan yang berpatutan. Stadium ini juga digunakan untuk perlawanan bola sepak liga super dan liga perdana oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia. Persekitaran Stadium Batu Kawan juga digunakan sebagai pusat pengumpulan pelatih-pelatih Latihan Khidmat Negara yang turut sama digunakan sebagai *track* perlumbaan motosikal seperti *cubprix* dan lain-lain aktiviti sukan bermotor termasuk juga untuk pameran-pameran kereta. Pada bulan Februari tahun ini saluran ASTRO Ceria juga menggunakan perkarangan stadium untuk program mereka. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menubuhkan satu unit khas yang akan menumpukan kepada aktiviti pemasaran kemudahan stadium Batu Kawan bagi memastikan kemudahan di stadium Batu Kawan diguna secara optimum.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini terutamanya kepada Y.B. Datok Keramat berkenaan isu bunyi dan kelulusan dari MPPP bagi Pusat Kegiatan Sukan Air Pulau Pinang. Pusat Sukan Air di Tanjung Bungah merupakan salah satu pusat sukan khusus untuk aktiviti sukan air yang terkenal dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat Pulau Pinang dan juga masyarakat di luar dari Pulau Pinang. Pelbagai aktiviti sukan yang berkonsepkan sukan air diadakan di kawasan tersebut terutamanya yang melibatkan para remaja dan pelajar-pelajar sekolah untuk beriadah. Bagi mengelakkan kacau ganggu bunyi-bunyi bising tersebut, terutamanya di waktu larut malam, maka isu ini telah dibawa ke pengetahuan pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan juga pihak pengurusan sukan air tersebut agar segala program dan aktiviti yang diadakan tidak melewati larut malam dan kawalan bunyi bising perlu dilaksanakan terutamanya dari segi penggunaan siaraya supaya tidak akan mengganggu ketenteraman penduduk-penduduk sekitar kawasan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia semua tindakan ini di ambil oleh kerajaan negeri walaupun mendapat hanya satu sahaja aduan selama ini. Untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah, aduan mengenai pencemaran bunyi di Pusat Kegiatan Sukan Air, beberapa langkah telah di ambil antaranya ialah mengambil langkah-langkah untuk memperlahankan bunyi sistem siaraya

daripada jam 8.00 malam serta menamatkan sepenuhnya sistem siaraya pada jam 10.00 malam yang telah dikuatkuasakan walaupun mengikut undang-undang Polis membenarkan aktiviti sehingga pukul 12.00 malam. Menghalakan pembesar suara speaker ke arah laut serta mengadakan pengadang bunyi serta menanam pokok di sekitar halaman Pusat Kegiatan Sukan Air Pulau Pinang. Pengawalan dan pemantauan terhadap semua tempahan pada waktu malam dan semua aktiviti yang dijalankan di pusat ini supaya ia tidak mendatangkan kacau ganggu kepada orang awam atau jiran yang tinggal berdekatan dengan pusat tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya bangunan Pusat Kegiatan Sukan Air Pulau Pinang telah didirikan di atas tanah kerajaan, rizab pantai, bagi kegunaan Majlis Sukan Negeri sebagai pusat kegiatan dan latihan sukan air di Negeri Pulau Pinang. Dengan itu status bangunan tersebut adalah sah sebagai bangunan milik kerajaan negeri kerana ianya bukan sahaja terletak di atas tanah kerajaan negeri dan kos pembinaannya juga disediakan oleh kerajaan negeri dan diuruskan agensi kerajaan negeri iaitu Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang turut serta dalam proses menyelaraskan dan bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang untuk mendapatkan pelan Pusat Kegiatan Sukan Air Pulau Pinang untuk dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Penjelasan. Memandangkan apa jawapan yang telah diberikan oleh Y.B. berkenaan latar belakang dan sejarah Pusat Kegiatan Sukan Air ini, tiada pelan selama ini untuk bangunan tersebut. Dari segi itu, soalan yang saya bangkitkan semalam ialah adakah sah bangunan tersebut masih wujud di situ dan aktiviti yang dijalankan olehnya diteruskan, so, itu apa yang saya minta. Penjelasan.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Datok Keramat maklumat daripada Daerah Timur Laut sudah diberikan kepada Y.B. Datok Keramat iaitu tanggungan Pusat Kegiatan Sukan Air ini ialah sah, sebab ia di bina di atas tanah kerajaan negeri dan kosnya dibelanjakan oleh kerajaan negeri. Ini ialah sah, tetapi tanpa pelan, so, dari Majlis Sukan Negeri kita juga mengambil langkah untuk bekerjasama dengan JKR untuk mendapatkan pelan bangunan ini untuk dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Minta penjelasan. Mengapakah keadaan ini berlaku di mana tiada permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan dikemukakan membina Pusat Sukan Air ini?

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Komtar. Saya dapat maklumat semua daripada jabatan-jabatan kerajaan yang menyatakan Pusat Sukan Air ini sah walaupun tiada pelan. Sebab jawapan dari jabatan-jabatan ini ialah *building* yang dibina oleh kerajaan negeri di tanah kerajaan negeri. Kalau ada apa-apa yang tidak memuaskan saya akan meminta jabatan-jabatan untuk menulis jawapan kepada Y.B. Datok Keramat, Y.B. Komtar, okey.

**Ahli Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Cuma satu soalan yang pendek, memandangkan apa yang rakan saya daripada Komtar baru nyatakan mengapakah perkara ini boleh berlaku. Jelas bahawa bangunan yang baru berada di situ begitu lama sekarang dan dibenarkan untuk berada di situ tanpa *plan*. *Of course ini* bukan angkara kita kerana kita baru masuk Mac dahulu. *Now*, soalan yang saya ingin nyatakan ataupun tanya kalau itu bangunan tak ada pelan bagaimana dengan bangunan-bangunan lain di dalam negeri di Pulau Pinang boleh beri maklumat berapa bangunan yang menjalankan aktiviti-aktiviti sebelum kerajaan negeri ini yang tiada pelan? Yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut. *Cause this is very serious* tak ada pelan boleh jalankan aktiviti-aktiviti ini satu kes sahaja.

Ini satu kes yang spesifik dan ini mungkin kalau Yang Berhormat Puan tak boleh jawab mungkin EXCO yang lain dapat beri serba sedikit penjelasan nanti.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Y.B. Datok Keramat, saya akan minta EXCO yang berkenaan untuk memberi jawapan yang teliti untuk saudara-saudara Y.B. Datok Keramat dan Y.B. Komtar. Biar saya sambungkan sebab banyak lagi kena menggulung penggulungan saya. Y.B. Tuan Speaker, saya rasa bersyukur rakan-rakan seperjuangan di dalam kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, memandang berat terhadap perjuangan hak wanita Pulau Pinang buktinya apabila kerajaan negeri telah meluluskan bajet yang lebih tinggi secara *reluctive* kepada Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti ini iaitu sebanyak RM600,000 bagi pelaksanaan dasar dan Program dan Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti. Sebagai titik perbandingan di Dewan Yang Mulia ini peruntukkan bagi Jawatankuasa MMK ini oleh bekas kerajaan negeri ini hanyalah RM200,000.

Dengan sokongan kerajaan negeri Jawatankuasa MMK telah bagaikan telah diberi mandat untuk berjuang bagi mempertingkatkan kaum wanita di Pulau Pinang. Objektif utama perjuangan ini adalah kesaksamaan gender iaitu mewujudkan sesuatu persekitaran di mana seseorang itu tidak lagi dinilai berdasarkan gender atau jantina tetapi kecekapan serta ketulusan beliau. Dalam mencapai objektif ini dan sejak penubuhan Jawatankuasa MMK Pembangunan

Wanita, Keluarga & Komuniti, Badan-Badan Bukan Kerajaan iaitu NGO Pulau Pinang telah dijemput jadi Ahli Jawatankuasa MMK ini bukan sahaja satu pengiktirafan terhadap sumbangan NGO-NGO wanita setempat selama ini untuk memajukan kaum wanita dengan atau tanpa sokongan kerajaan negeri.

Langkah tersebut juga bertujuan untuk memperkasakan lagi pelaksanaan dasar-dasar Jawatankuasa MMK ini melalui kerjasama Pintar *Smart partnership* ....(dengan izin), antara kerajaan negeri dengan Badan-badan Bukan Kerajaan. Badan-badan Bukan Kerajaan yang mempunyai perwakilan di dalam Jawatankuasa MMK termasuklah Pusat Kesedaran Wanita, Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang, Wanita Jemaah Islah Malaysia, *National Council of Women Organization* iaitu NCWO ....(dengan izin), serta Pusat Penyelidik Pembangunan Wanita iaitu KANITA dari Universiti Sains Malaysia, YWCA dan juga NGI seperti Puan Yen Yew seorang Tokoh Senaman Komuniti di Pulau Pinang.

Amat dukacita di sini saya ingin mengatakan bahawa Pejabat Pembangunan Wanita Pulau Pinang sehingga kini tidak pernah menghulurkan sebarang kerjasama dengan Jawatankuasa MMK bagi memperkukuhkan lagi perjuangan kita. Saya sekali lagi ingin memohon kerjasama terutamanya saudari-saudari Y.B. Bertam dan Y.B. dari Telok Ayer Tawar untuk merapatkan jurang ....(dengan izin), Y.B. Tuan Speaker *close ranges* serta mengetepikan perbezaan politik bersama-sama menjayakan matlamat kita. Iaitu kesaksamaan *gender* bermula di Pulau Pinang seterusnya berkembang ke seluruh Malaysia yang tercinta.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk merakam akan ucapan tahniah kepada Menteri Pembangunan Wanita Keluarga & Komuniti yang baru iaitu Y.B. Senator Datuk Seri Sharizat Abdul Jalil. Saya percaya beliau adalah lebih matang kerana beliau pernah menerajui kementerian tersebut dan berharap beliau akan benar-benar membawa perubahan kepada nasib wanita di Pulau Pinang dan seluruh Malaysia.

Bagi mencapai matlamat kesaksamaan *gender* fokus projek Jawatankuasa MMK adalah ke arah pengupayaan wanita serta Pengurus Utama *gender* antara projek utama gender pada tahun ini termasuklah dua buah pusat perkhidmatan yang ditubuhkan sebagai salah satu langkah pengupayaan wanita di Pulau Pinang terutamanya kaum ibu tunggal dan wanita daripada kalangan keluarga yang berpendapatan rendah. Pada bulan Januari tahun ini, Jawatankuasa MMK dengan kerjasama National Council of Women Association (NCWO) ....(dengan izin), dan Jemaah Islam Malaysia (JIMS) telah melancarkan sebuah pusat jagaan kanak-kanak di Kawasan Padang Tembak.

Pusat tersebut menyediakan perkhidmatan jagaan kanak-kanak kepada penduduk setempat bagi membolehkan para wanita untuk bekerja untuk menambahkan pendapatan keluarga ataupun untuk memajukan diri sendiri. Justeru kanak-kanak mana-mana rakyat Pulau Pinang yang dianggap sebagai sesuai akan diterima ke dalam Pusat Jagaan Kanak-Kanak tersebut. Dan bukan

hanya untuk satu komuniti semata-mata. Perancangan juga sedang dibuat tahun ini untuk menubuhkan sebuah lagi Pusat Penjagaan Kanak-kanak di kawasan Barat Daya atau di Seberang Perai Tengah berdasarkan kesesuaian dan keperluan yang wujud pada tahun 2009 dan seterusnya.

Selain daripada Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Jawatankuasa MMK telah menubuhkan sebuah Pusat Perkhidmatan Wanita di Perai seperti Pusat Penjagaan Kanak-Kanak, Pusat Perkhidmatan Wanita ini juga dilancarkan melalui kerjasama PINTAR dengan Badan Bukan Kerajaan iaitu Pusat Kesedaran Wanita iaitu WCC ....(dengan izin), yang ditubuhkan sejak 1985 yang lalu. Mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan kaunseling, nasihat guaman, perlindungan serta pengendalian krisis yang dihadapi oleh kaum wanita. Kerajaan negeri memandang berat nasib segolongan wanita yang ditindas.

Justeru untuk makluman hujah yang dikemukakan oleh Y.B. Bertam Pusat Perkhidmatan Wanita yang ditubuhkan ini bertujuan untuk membantu wanita-wanita yang menjadi mangsa keganasan kosmetik, jenayah seksual dan mereka yang menghadapi masalah kehidupan ataupun masalah rumah tangga. Sejak penubuhan pada Januari tahun ini pusat tersebut telah pun menerima dan berjaya mengendalikan sebanyak 138 kes, selain itu pusat tersebut juga berfungsi untuk menyebarkan kesedaran tentang isu hak wanita. Salah satu aktiviti yang dijalankan iaitu program pendidikan komuniti ataupun ....(dengan izin), *community communication programme*. Program tersebut bertujuan untuk memberi latihan dan pengetahuan tentang pengendalian krisis yang dihadapi wanita. Melihat kepentingan projek seperti ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri juga telah menyatakan hasratnya kerajaan negeri untuk menubuhkan sebuah lagi pusat perkhidmatan wanita di Pulau Pinang.

Saya ingin mengkhabarkan berita baik kepada kaum wanita dan saudara saudari wakil wanita yang saya hormati iaitu kajian sedang dijalankan untuk menentukan kesesuaian mendirikan pusat perkhidmatan wanita yang kedua ini di Seberang Perai Utara yang merangkumi kawasan kedua-dua oleh Ahli Yang Berhormat.

Bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan dasar untuk mencapai kesaksamaan *gender*, Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita Keluarga & Komuniti telah meluluskan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pengurus Utama *Gender* iaitu *Gender Mains Streaming Community* ....(dengan izin), pada Mac 2009. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Y.B. Puan Chong Eng Ahli Parlimen Bukit Mertajam seorang tokoh dan pejuang hak wanita yang tidak asing lagi di negara kita

Fungsi kuasa ini antara lain adalah satu menjalankan atau yang dianggap sesuai dan akan membantu ke arah mencapai matlamat kesaksamaan *gender*. Nombor dua, memberi cadangan kepada Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti termasuk cadangan dasar dan program-program dalam usaha mencapai matlamat kesaksamaan *gender*. Nombor tiga, melaksana

dan memantau program yang dianggap sesuai untuk menjurus ke arah mencapai kesaksamaan gender.

Matlamat penubuhan Jawatankuasa Kesaksamaan *Gender* ini adalah selaras dengan dasar wanita negara dan tuntutan artikel dalam konvensyen berkaitan penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita iaitu (CERDAL) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini merupakan komitmen jangka masa panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pengupayaan wanita kerajaan negeri.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):**

Memang kita mengalu-alukan penglibatan MMK Wanita untuk menengahkan isu kesaksamaan gender ini menjadi tuntutan dasar kementerian dan juga pihak persekutuan yang selaras dengan pihak negeri. Soalan saya di sini ialah setakat manakah dasar-dasar kerajaan negeri yang baru ini telah dapat disesuaikan dengan tuntutan kesaksamaan gender ini dari aspek penglibatan wanita di dalam sektor-sektor ataupun, badan-badan untuk membuat keputusan terutama sekali di dalam MPSP, MPPP dan lain-lain badan JKKN dan sebagainya, di mana ini memang amat ketara dan tidak ada satu kesaksamaan gender.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Y.B. dari Telok Ayer Tawar. Saya akan menitikberatkan tentang *suggestion* dari Y.B. Telok Ayer Tawar dalam program-program yang kita akan sebutkan dalam penggulungan dan kita menjawab soalan Y.B. Telok Ayer Tawar. Biar saya sambung ya. Tadi saya menyentuh tentang (CERDAL), Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menjadi kerajaan yang pertama untuk mengurus utamakan gender dalam aspek pentadbiran sehingga akhirnya menunjukkan masyarakat progresif tanpa demokrasi di mana semua rakyat Pulau Pinang boleh menikmati keharmonian, kekayaan serta kemakmuran negeri kita tidak kira bangsa, agama dan jantina.

Saya percaya sudah amat jelas arah tuju Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti Masyarakat Madani bukan sahaja progresif dari segi pembangunan, fizikal, tetapi juga perlu kematangan pemikiran. Ini termasuk penghormatan sewajarnya kepada wanita serta pengiktirafan wanita sebagai aset pembangunan negara. Kepimpinan modus wanita berbeza dengan lelaki dan wanita jarang berkonfrontasi secara terus.

Kaum wanita lebih diplomatik dan mementingkan perhubungan dan juga keharmonian inilah yang dikatakan *soft power* ....(dengan izin), yang dilaungkan dengan Puan Hillary Clinton Setiausaha Negara Amerika Syarikat dalam dunia di mana keganasan sering dijadikan masalah. Kita memerlukan lebih lagi pemimpin wanita justeru salah satu dasar Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita Keluarga & Komuniti ialah untuk memastikan penambahan bilangan wanita dalam peranan membuat keputusan bermula di sektor awam kepada 30 peratus



jumlah keseluruhannya menyedari kepentingan memperkasa dan mengupayakan wanita untuk peranan tersebut.

Tema Hari Wanita peringkat negeri pada tahun ini ialah Pengupayaan Wanita Melalui Pengetahuan dan Maklumat atau dalam Bahasa Inggeris .... (dengan izin), *Empowering Women Through Knowledge and Information*. Sambutan tahun ini yang dianjurkan oleh Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita Keluarga & Komuniti telah melibatkan pelbagai NGO wanita dan berlangsung selama 2 hari iaitu dari 7 sehingga 8hb Mac 2009 di Gurney Plaza. Kita telah berjaya menganjurkan Karnival dan Pameran NGO-NGO Wanita serta pelbagai forum yang bertujuan untuk memberi maklumat berkaitan pengetahuan dengan kaum wanita tentang isu-isu yang berkaitan dengan wanita.

Sepanjang tahun ini juga Jawatankuasa MMK akan terus bekerjasama dengan NGO tempatan untuk menganjurkan aktiviti berunsurkan seperti forum dan seminar bagi tujuan pengupayaan wanita. Selain itu terdapat satu usul untuk menubuhkan sebuah pusat pembangunan wanita yang berfungsi sebagai pusat kemahiran dan latihan. Pusat tersebut antara lain akan menganjurkan kelas kemahiran teknologi maklumat, menaip ataupun kraf tangan selain ataupun kraf tangan. Selain kursus-kursus wanita setempat bagi berkeupayaan mereka untuk memajukan diri.

Setakat ini usul ini masih lagi dalam peringkat perancangan dan saya amat berharap mendapat bantuan terutamanya peruntukkan daripada Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti di Kerajaan Pusat untuk menjayakan rancangan ini. Dalam keadaan ekonomi yang mencabarkan ini, saya amat bersyukur kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B Ketua Menteri telah *Work the talk* ....(dengan izin), untuk menjadikan rakan kepada rakyat Pulau Pinang sebagai sebuah *Government World Shoal* ....(dengan izin), dengan *penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan ataupun Career Assistant and Training iaitu CAT Center* kerajaan negeri telah menunjukkan keprihatinan sebagai rakan dalam masa kesusahan. Kaum wanita yang menghadapi isu pengangguran atau kehilangan kerja tidak perlu risau dengan adanya pusat perkhidmatan CAT ini adalah komitmen kerajaan negeri terhadap kebajikan tenaga kerja Negeri Pulau Pinang.

Selain itu juga satu projek pemulihan alam sekitar dengan kerjasama MMK Alam Sekitar sedang dikaji. Projek tersebut untuk menggalakkan komuniti Pulau Pinang membersihkan sungai tindakan air semula jadi dengan bebola lumpur *effective micro originations*. Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti sedang mengkaji satu program yang bekerjasama dengan swasta-swasta awam CSR di mana wanita daripada keluarga berpendapatan rendah boleh diambil bekerja menghasilkan bebola lumpur secara sambilan. Ini sedikit sebanyak menambahkan lagi pendapatan kekeluargaan dan meringankan beban kewangan mereka. Saya berharap pihak Kerajaan Pusat terutamanya Kementerian Pembangunan Wanita dan Komuniti akan lebih giat membantu rakyat Pulau Pinang dan rakyat Malaysia khasnya melalui pakej rangsangan ekonomi kedua sebanyak RM60 bilion yang

diumumkan pada bulan Mac yang lalu. Saya juga berharap pihak Kementerian yang telah mengumumkan pelantikan 800 pekerja kontrak di bawah “Program Cari” akan memberi lebih banyak peluang lagi kepada penduduk Pulau Pinang. Dan peluang tersebut adalah sama rata kepada semua tanpa imaginasi dari segi kaum, agama ataupun pendapat politik.

Selain itu, peranan memandu di Pulau Pinang haruslah dikaji semula supaya bekerjasama dengan kerajaan negeri dapat diperhalusi lagi supaya kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat tidak mengulangi apa-apa kerja yang dilakukan bagi mengelakkan pembaziran sumber. Saya berharap pihak Kementerian yang di bawah pimpinan Menteri yang baru akan mengarahkan pengurus-pengurus memandu seperti yang saya sebut di atas, Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri terutamanya melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti untuk sama-sama berkhidmat untuk kaum wanita. Walaupun kita menyediakan peruntukkan seperti yang dinyatakan di atas termasuk bantuan wang sehingga RM200 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada ibu tunggal yang layak yang berpendapatan kurang daripada RM400. Saya percaya yang paling penting adalah pembentukan dasar-dasar yang akan mewujudkan suatu persekitaran yang positif bagi kemajuan kaum wanita. Kita bukan hanya sekadar ingin menghulurkan wang dan harta benda tapi matlamat kerajaan adalah pengupayaan wanita supaya berdaya saing supaya mempunyai peluang untuk memperkembangkan potensi mereka sebagai insan ciptaan tuhan yang maha Esa. Biarpun dalam bidang kekeluargaan, perniagaan, kerjaya ataupun dalam politik saya percaya teras kepada dasar Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti termasuk projek-projek seperti yang disebut di atas berupaya untuk mencapai matlamat tersebut. Justeru saya berharap mendapat kerjasama daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bagi merealisasikan matlamat kerajaan negeri di mana *Penang Lid* ....(dengan izin). Dengan pengaruh keutamaan Gender dengan menunjukkan masyarakat yang seimbang dan bebas daripada diskriminasi *Gender* sebelum saya..... (gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Pengumuman. Ada sedikit pengumuman. Hari ini kita menerima kunjungan daripada pelajar-pelajar Kolej Swasta Segi, di belakang sana, sila berdiri, yang sama-sama ingin mengikuti perbahasan Dewan hari ini. Terima kasih. Sila sambung.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato’ Hajah Jahara bt. Hamid):**

Penjelasan, sebelum berundur. Terima kasih Y.B. Speaker, saya ingin menjelaskan di sini apa yang disebutkan oleh Y.B. Berapit tentang kerjasama sebenarnya tak mungkin ada pertindihan kerana dari segi aspek pembangunan wanita yang selama ini ataupun baru saja mendapat perhatian dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita bak pepatah Inggeris, *The More*

*The Merrier* lagi banyak pihak yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pembangunan wanita ini lagi baik, lagi banyak pusat khidmat wanita ditubuhkan, lagi bagus untuk wanita terutama sekali kalau boleh jangan lagi di pekan-pekan saja, tubuhkan di kawasan luar-luar Bandar sama, di situlah masalah *magnetize* atau wanita yang tidak mendapat perhatian itu, boleh membuat rujukan-rujukan. Jadi saya berharap dengan pertambahan peruntukkan yang telah diberi oleh kerajaan negeri ini ianya akan boleh dapat menyemarakkan lagi pembangunan wanita terutama sekali di kawasan-kawasan yang selama ini tidak mendapat perhatian. Jadi berbaloi lah kata orang bila Y.B. Berapit menangis semasa ucapan penggulungan pada penggal mula dulu kerajaan negeri dah tambah peruntukkan baguslah, jadi saya terima kasih, bukanlah nak suruh menangis selalu, tapi nampak gaya adalah kaedah wanita yang secara lembutnya dapat melembutkan hati.

**Y.A.B Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng):**

Y.B. dari Telok Ayer Tawar, saya rasa bukan kerana kita tidak berlembut lah, harus menerusi cara kaedah seperti yang disebutkan tadi Y.B. kita berikan peruntukkan. Saya nak berikan jaminan bahawa memang menjadi satu komitmen kerajaan negeri untuk memberikan keutamaan kepada golongan wanita dan seperti yang saya telah keluarkan kenyataan kalau ada sebarang masalah komunikasi, kita memang kesal dan akan cuba berusaha untuk pastikan ia tidak akan berulang lagi. Tapi seperti yang kita sebut sebelum ini, kalau kita lihat bukan saja dari segi *meteoric* tapi dari segi tindakan ini memang telah dibuktikan dan telah ditunjukkan bahawa kita berusaha untuk memperkembangkan lebih banyak kemudahan untuk kaum wanita seperti yang *Human Centre* yang kita telah dirikan di Seberang Perai yang pertama, sebelum ini belum ada dan kita tak mahu *squall politer point* ....(dengan izin), kita harap sama-sama Y.B. Telok Ayer Tawar, boleh sama-sama menggembeleng tenaga dan kalau sudi kita harap pun sama-sama menyertai program dengan hubungan pihak pusat sama kita mempromosikan dan sama-sama memperkembangkan peluang kepada golongan wanita di Pulau Pinang. Sekian.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Y.B. Tuan Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat, kerana membantu saya dalam hal pembangunan wanita. Inilah yang dikatakan *solve power* saudari Telok Ayer Tawar.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.A.B. saudari ini remaja.

**Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):**

Sebelum saya mengundur Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua-ketua Jabatan terutamanya Pengarah dari Majlis Sukan Negeri dan kawan perjuangan

saya dari Majlis Sukan Negeri dan kakitangan yang selama ini membantu saya dalam portfolio saya. Saya memohon menyokong TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Seterusnya Y.B. Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. Tuan Speaker, terutama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat baik dari barisan-barisan kerajaan ataupun dari juga pembangkang yang telah menyentuh sebanyak sedikit tentang isu-isu di bawah portfolio saya perancangan bandar dan desa serta perumahan. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini terhadap pembentukan Lembaga Rayuan yang baru. Untuk makluman semua, Lembaga Rayuan merupakan sebuah badan berkecuali yang ditubuhkan di bawah Bahagian VI, Seksyen 36 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bertujuan untuk mendengar rayuan daripada pihak awam yang terkilan dan tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan. Pengerusi Lembaga Rayuan yang lama, Dato/ Ho Mei Ching, telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Alor Setar dan ekoran peletakan jawatan beberapa ahli-ahli Lembaga Rayuan, maka kerajaan negeri telah membuat rombakan terhadap komposisi keahlian Lembaga Rayuan.

Kerajaan negeri telah melantik Yang Arif Dato' Abd. Rahim bin Uda (Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang) sebagai Pengerusi, Puan Siti Khadijah (bekas Pengerusi Mahkamah Perusahaan Pulau Pinang yang kini telah bersara) sebagai Timbalan Pengerusi serta ahli-ahli lain seperti mana yang telah diperuntukkan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Pelantikan ini telah diwartakan pada 26 Mac 2009 dan berkuat kuasa pada 1 April 2009. Tempoh pelantikan adalah selama 3 tahun. Panel Lembaga Rayuan dijangka mengadakan prosiding yang pertama pada 28 April 2009. Terdapat satu perubahan paradigma dari segi pelantikan ahli-ahli Lembaga Rayuan di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat berbanding pelantikan di bawah Barisan Nasional. Apabila saya menyemak senarai ahli-ahli lama saya terkejut juga melihat biodata-biodata mereka yang pertama seorang Setiausaha Barisan Nasional Pulau Pinang ini adalah ahli-ahli yang lama. Seorang Ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri Parti Gerakan Rakyat Malaysia, ketiga seorang Ketua UMNO Cawangan Sungai Ara, keempat seorang Bendahari UMNO Permatang Pauh, kelima seorang Timbalan Pengerusi MIC Cawangan Farlim. Walaupun saya tidak menafikan mereka mempunyai kelayakan dari segi profesion masing-masing. Tetapi hakikatnya pelantikan tersebut yang dulu adalah atas kuota parti politik. Walau bagaimanapun ahli-ahli tersebut telah meletak jawatan sejourus Pakatan Rakyat menerajui kepimpinan di Pulau Pinang. Ahli-ahli panel yang baru dilantik oleh kerajaan negeri...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Minta penjelasan, minta laluan. Adalah begitu mengejutkan mendengar keterangan yang telah diberikan oleh Y.B. EXCO tentang pelantikan ala fahaman politik yang dilakukan dulu. Ini amat mengejutkan dan saya ingin mengatakan di sini “menabik” apa yang telah dibuat oleh kerajaan sekarang untuk melantik atas merit dan bukan atas fahaman politik. Walau bagaimana pun Y.B. Tuan EXCO, pelantikan Pengerusi yang lalu iaitu Dato’ Hong Weng Cheng saya percaya dia tidak terlibat di dalam fahaman politik *to be fair* ....(dengan izin), mungkin kita dapat memperjelaskan ini kerana dia daripada *batches* dari pihak, dia bekas hakim pada waktu itu, *in fact* pada waktu sekarang pun dia telah dilantik sebagai seorang hakim Mahkamah Tinggi sekarang. *Just to clarified that*. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Sebenarnya kadang-kadang pelantikan itu bukannya dilantik berdasarkan kepada latar belakang politik. Dia orang itu adalah *very learned man* kalau kata pasai apa, profesional, betul, kalau kata sebagai Bendahari UMNO dia sebagai seorang peguam, setiausaha sebagai seorang peguam, *ceritera* yang diambil kira pada masa itu bukan atas berdasarkan kuota politik dan sebagainya. Ini bermakna, kerajaan sekarang cuba nak mencampuradukkan politik dengan pentadbiran, tidak. Kalau secara kebetulan, dia itu adalah sebagai Setiausaha Agong DAP sekali pun, kalau dia layak jadi Ketua Menteri, jadi Ketua Menteri la, *it is ok*, tak ada apa.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Apa yang mengejutkan juga kalau seorang.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):**

Minta laluan.

**Y.B. Tuan Speaker :**

Bukit Tengah, tadi Bukit Tengah yang bercakap.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):**

Saya terkagum dengan apa yang disebut oleh Y.B. Seberang Jaya. Kalau secara kebetulan mungkin seorang dua tetapi yang tadi disebutkan oleh Y.B. Air Itam itu 5 orang, betul seperti yang disebutkan oleh Y.B. Air Itam tadi mungkin mereka juga ada latar belakang profesional tetapi takkan secara kebetulan itu 5 orang, itu sahaja terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya juga turut kagum dengan kenyataan yang dibuat oleh Y.B. daripada Seberang Jaya. Kalau betul berwibawa RM14 juta dah kena dah kita kena bayar, RM14 juta kalau betul berwibawa, mahkamah telah perintahkan kita bayar RM14 juta untuk satu kesalahan yang dilakukan oleh pentadbiran dahulu, kalau betul berwibawa. Ini bermakna mereka bukan berwibawa tetapi ikut kuota politik, lantik MIC lagi kena RM20 juta lagi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Ini yang RM14 juta tidak ada kena mengena dengan Lembaga Rayuan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ini *example* lah . Ini satu *example* menunjukkan kalau ikut kuota ini yang akan berlaku, bukan kerana mereka berwibawa kerana ikut kuota politik, lantik orang UMNO, lantik orang GERAKAN, lantik orang MIC bayar RM20 juta, RM30 juta macam inilah kena. Ini kesimpulan ini

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, Y.B. Tuan Speaker, saya nampak bahawa kita cuba mengungkit-ungkit benda yang lama sedangkan sekarang ini kita hendak menuju ke hadapan untuk membina satu rakyat yang ke depan. Kalau dok ungit benda lama dia jadi masalah, sekarang ini apa yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri kalau dia kata dia telus dia baik, teruskan benda yang baik kita sokong. Kalau dok ungit benda lama tak selesai. Apa tujuan diungkit-ungkit benda lama..... (gangguan)

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bila Speaker bercakap sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bercakap, tetapi biar Sungai Dua bercakap habis lepas itu baru bangun saya akan bagi laluan pada semua. Y.B. Air Itam akan beri laluan, bercakaplah sebanyak mungkin tetapi janganlah jadi tempat untuk meninggikan

suara kerana kita diperhatikan tadi saya kata ada kolej swasta kita hendak tengok berdebat dengan cara yang berhemah. Silakan Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Sebab itu saya harap, saya haraplah Y.B. dari Air Itam orang yang baik, orang yang profesional kalau boleh janganlah dok buang masa..... (gangguan), saya belum habis, saya belum habis mengulas lagi, saya bercakap sikit. Kalau boleh saya minta benda yang lepas, lepaslah. Jangan dok ungkit, dok cungkil kawan ini, kerana ini tetapi mereka semua profesional, itu kita tidak nafikan dilantik kerana profesional mereka tetapi janganlah dok ungkit benda ini takkan selesai. Y.B. Bercakap A, kami akan kata B, bila pun tidak akan selesai sebab itu kita harap Tuan Speaker kita selesaikan. Biar kita cari ketelusan untuk kebenaran untuk masa akan datang.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. Speaker, saya tidak menyebut nama pun. Saya hanya menyebut terdapat perubahan paradigma yang dimaksudkan Kerajaan Pakatan Rakyat lantik orang-orang bebas dan berkecuali. *This is the advance* yang kita utarakan dan saya tidak sebut satu nama pun dari senarai yang 5 orang itu yang saya sebut tadi. Ini adalah untuk memastikan bahawa badan-badan ini bebas. Saya juga ingin menarik perhatian semua kepada satu laporan akhbar "Kontraktor kelas F perlu sokongan Ketua UMNO Bahagian" yang disebut oleh Ketua Pembangkang pada 10/3/09 dan saya juga pada waktu itu buat kenyataan Azhar berbau politik tetapi tidak dijawab walau pun dikeluarkan oleh Sinar Harian, STAR, Malaysia Kini semua tetapi tidak dijawab. Saya baca dahulu "Kontraktor Kelas F" perlu mendapat tandatangan sokongan Ketua UMNO Bahagian untuk mendapatkan kontrak. Ketua Pembangkang Dato' Azhar berkata beliau akan meminta semua kontraktor Kelas F daripada pemimpin tempatan. Ini saya rasa sebelum Pilihan Raya Majlis Tertinggi UMNO. Mungkin ini adalah satu cara Ketua Pembangkang kita untuk memancing undi tetapi ini adalah berlawanan dengan semangat, ini adalah satu cara kronisme seperti yang disebutkan kerana melibatkan Ketua UMNO Bahagian supaya ada *endorsement* dalam kontraktor-kontraktor ini semua. *I think this is the political move*

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Saya dulu Dato', terima kasih Y.B. Dato' Ketua Pembangkang, terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Jadi setuju tak Y.B. Air Itam kita mengamalkan konsep *why carries liberty* ....(dengan izin). Jika kerajaan dahulu sudah buat salah, jadi kita boleh merampas harta yang dimiliki oleh Menteri-menteri dahulu dan untuk membayar jumlah RM14 juta itu.... (ketawa)

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Ini boleh dikaji dari segi perundangan *I think*. Ya, silakan

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Inilah *I* kata lain, tajuk lain yang dibawa. Tadi kita tengok menjerit-jerit dua tiga orang. Yang dikatakan saya buat *statement* itu ini adalah bertujuan untuk *check* betul-betul kontraktor itu menjalankan tugas takut kontraktor Kelas F itu tidak melaksanakan kontrak yang diberikan kepadanya tetapi di Ali Babakan sekurang-kurangnya apa yang dibuat oleh Ketua UMNO Bahagian itu dia tolong *check* betul-betul benda itu. Benarkah dia kontraktor yang berwibawa atau pun hanya untuk mendapat komisen? Mereka cuba nak betulkan itu supaya berjalan dengan lancar. Tidak salah, adakah menyalahi undang-undang? Bukan Ketua UMNO Bahagian atau wakil rakyat yang rekomen supaya ini orang dapat atau tidak, dia mengesahkan, saya ingat tidak salah yang dituduh yang macam-macam pasal apa, okey.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):**

Saya difahami berkenaan dengan lesen F, Kelas F ya, saya difahami ada Ahli UMNO yang mempunyai satu orang 7 lesen tetapi hari ini mungkin saya tidak boleh bawa butirnya. Bolehkah Ahli Air Itam boleh siasat perkara ini. Mereka satu ahli sahaja boleh dapat 7 lesen Kelas F.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Minta Penjelasan. Lesen kontraktor Kelas F ini Tuan Speaker sebenarnya bukan UMNO yang bawa keluar. Ini Ahli Sungai Pinang kena faham. Lesen untuk Kelas F yang dikeluarkan ialah PKK iaitu daripada Jabatan Kerajaan di mana dengan syarat permohonannya kita tahu mana-mana pertubuhan pun mana-mana H & R company pun dia tidak boleh satu nama untuk dua syarikat, ini tak benar. Ini bukan UMNO yang dikeluarkan, kenyataan ini tidak betullah. Ini pertuduhan liarlah.



**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Terima kasih Bayan Lepas, saya setuju dengan pandangan Bayan Lepas, (gangguan).... biar saya teruskan, saya setuju ini bukan dikeluarkan atas parti politik. Saya sebenarnya bersimpati dengan Seberang Jaya. Dia bukan Ketua Bahagian UMNO, oleh itu dia tidak dapat ucap. Sebenarnya kalau satu keadaan yang boleh dipraktikkan ADUN, ADUN seperti Seberang Jaya, dia juga boleh meng *endorse* betul tak, tetapi sekarang link dengan Ketua UMNO Bahagian yang cuba mempolitikkan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Dia memang *endorse* oleh Ketua Bahagian, tetapi ada persefahaman. ADUN pun *endorse* juga, *endorse* untuk memastikan bahawa macam kata tadi tuduhan satu orang ada 7 lesen, supaya orang itu diberikan sama rata. Siapa yang belum dapat, dapat, siapa yang dah dapat jangan bagi kali kedua. Sebenarnya dia cabut undi dan dalam proses cabut undi itu juga ada dia punya *system control* dia jadi sebenarnya ADUN pun diiktiraf juga cuma kita tidak ada kuasa untuk kata bagi pada A,B,C, D dan sebagainya. Terima kasihlah kerana simpati sebenarnya saya ...(gangguan)

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Okeylah kenyataannya bagi betullah Ketua UMNO Bahagian sepatutnya ADUN seperti Seberang Jaya juga boleh memainkan peranan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta laluan, terima kasih Tuan Speaker. Y.B. Seberang Jaya tadi kata sama rata dan kita dengar juga yang Perdana Menteri yang sekarang Dato' Seri Najib kata dia hendak buat Satu Malaysia dan saksama kepada semua kaum rakyat dan yang saya fahami Kelas F Kontraktor adalah terdiri daripada kaum yang tertentu sahaja. Adakah ini benar, saya rasa Pengarah PBT boleh bagi tahu dan walaupun kata ini lesen kontraktor diberi daripada Kerajaan sahaja dan adakah ini saksama untuk semua kaum rakyat. Kalau kata kontraktor ia hanya tertentu kepada kaum tertentu.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Yang dibangkitkan oleh Padang Lalang kepada kita, kita bukan kerajaan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Kerajaan Pusat bukan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Kena bangkit dalam parlimen, kita bukan kerajaan sekarang ini.....  
(gangguan), jadi tempat yang tidak kena, forum yang tidak kena.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Speaker, saya minta laluan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Silakan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ini masalah dengan Padang Lalang. Sila duduk.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Saya tidak beri laluan pun.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Taklah, saya minta kepada Y.B. Tuan Speaker, dia angguk oleh Ketua Bahagian.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Saya bercakap sekejap.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, saya bercakap Yang Berhormat kena duduklah.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Berhormat Padang Lalang sudah habis?

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Belum..... (gangguan) ya, saya katakan kontraktor Kelas F itu cuma terdiri daripada kaum tertentu. Ini memang tidak saksama kepada kaum rakyat Malaysia dan ini tidak *fulfill* polisi yang Menteri Dato' Seri Najib kata, nak buat Satu Malaysia adakah Ahli-Ahli dari Yang Berhormat-Yang Berhormat bersetuju ini memang tidak saksama dan tidak membuktikan Perdana Menteri akan melaksanakan saksama kepada semua kaum, semua rakyat. Adakah betul, kalau bersetuju kata 'Ya'..... (ketawa).

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Biar saya buat rumusanlah, sepatutnya..... (gangguan) biar saya habis. Dalam urusan sebegini ia adalah urusan Kerajaan, bukan urusan parti dan sekarang tindakan kenyataan Ketua Pembangkang ini *political Inteference*, *political inteference....* (tepukan)

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Tuan Speaker, minta penjelasan. Sekarang kita bincang tentang perumahan Tuan Speaker, portfolio perumahan ni, tengah gulung ini. Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sepatutnya dibangkitkan oleh Y.B. Bagan Jermal, itu berkenaan dengan kontrak JKR semua. Kita buang masa sekarang, masa terhad, kita fokus kepada tajuk itu.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Teruskan Air Itam

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Saya teruskan dengan Y.B. Datok Keramat telah membangkitkan tentang *building plan*. Majlis Sukan Negeri boleh mengemukakan *as-built plan* untuk memastikan Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai rekod manakala untuk bangunan-bangunan kerajaan di atas tanah kerajaan dengan kebenaran merancang bolehlah dikecualikan. Walau bagaimanapun untuk memastikan terdapat rekod di Pihak Berkuasa Tempatan maka adalah disarankan *as-built plan* dikemukakan oleh pihak JKR atau jabatan kerajaan yang berkenaan untuk semua bangunan yang dibina tanpa pelan bangunan dan ini adalah selaras dengan Seksyen 19 (2) (g) di bawah *Town and Country Planning Act*. Berkenaan soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Seberang Jaya berkenaan dasar dan juga polisi pembinaan rumah ibadat bukan Islam dan juga masjid, surau dan dasar yang berkaitan dengan penyediaan rumah ibadat Islam dan bukan Islam adalah tertera dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 dan pada dasar GS 42 iaitu berkenaan penyediaan kemudahan keagamaan hendaklah berdasarkan keperluan makro mengikut piawaian berikut iaitu 0.05 meter persegi ruang bangunan atau 0.1 meter persegi ruang tanah tapak surau bagi penduduk atau dan bagi bangunan keagamaan lain ibadat adalah 0.1 meter persegi ruang tanah.

Ini adalah seperti dalam GS 42 Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang dan saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini secara umumnya pada tahun 2008 sebanyak 13,016 buah rumah merangkumi berbagai kemajuan dari segi kos sederhana rumah kediaman teres atau pun berkembar, rumah *cluster*, berbagai jenis 13,016 unit telah dibina telah diperolehi sijil layak menduduki bagi tahun 2008 dan daripada itu kos sederhana rendah 2,248 unit di bahagian pulau, 624 unit kos rendah di bahagian pulau dan bagi kawasan Seberang Perai 1935 unit kos rendah telah memperolehi OC pada tahun 2008 dan beberapa ADUN termasuk ADUN Seberang Jaya, Bukit Tengah, Bayan

Lepas dan Padang Lalang telah membangkitkan isu-isu berkenaan dengan pelaksanaan COB iaitu Pesuruhjaya Bangunan.

Ini adalah seperti dalam GS 42 Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang. Dan saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini, secara umumnya pada tahun 2008 sebanyak 13,016 buah rumah merangkumi pelbagai pementasan dari segi kos sederhana rendah, kos rendah, rumah kediaman teres, ataupun berkembar, rumah kluster, pelbagai jenis 13,016 unit telah dibina, telah peroleh sijil kelayakan penghuni pada tahun 2008 dan daripada itu kos sederhana rendah 2,248 unit di bahagian Pulau, 624 unit kos rendah di bahagian Pulau dan bagi kawasan Seberang Perai, 1935 unit kos rendah telah memperoleh O.C pada tahun 2008. Dan beberapa Adun termasuk Adun Seberang Jaya, Bukit Tengah, Bayan Lepas dan Padang Lalang telah membangkitkan isu-isu berkenaan dengan pelaksanaan COB iaitu Pesuruhjaya Bangunan..

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, sebelum ke isu ini. Saya cuma risau kerana pada tahun 2008 hanya 258 unit sahaja pelan yang dikemukakan untuk rumah-rumah kos rendah di bahagian seberang dan 639 unit perumahan kos rendah pelan-pelan dah dikemukakan. Jadi adakah jumlah ini boleh menepati keperluan rumah kos rendah yang ada. Adakah tren ini membimbangkan, jika ianya membimbangkan mungkin pihak swasta tidak melibatkan dalam pembinaan ini, adakah kerajaan negeri sendiri akan mengadakan satu mekanisme supaya diperbanyakkan lagi di dalam tren kemelesetan ekonomi, mungkin mereka tidak mahu melibatkan maka kerajaan sendiri melalui tabungan yang ada mewujudkan pembinaan dan mengemukakan pelan-pelan supaya tahun ke hadapan ini, kita tidak berada *vaccum* kekurangan rumah kos rendah.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Terima kasih Seberang Jaya. Pelan-pelan bangunan yang dikemukakan pada tahun 2008, tidak bermaksud dia akan dibina pada tahun itu ataupun tahun 2009, ia merupakan jadual pelaksanaan adalah bergantung kepada *planning* sama ada dia pemaju ataupun agensi kerajaan. Oleh itu mungkin dia *submit* pelan 2008 dia hanya bina 2012 dan saya juga memahami maksud yang dibangkitkan oleh Y.B. Seberang Jaya dan kita akan terus memantau tren-tren tersebut dan mencari ikhtiar baru dan jika idea-idea baru untuk memperbanyakkan rumah mampu milik ini. Dan berkenaan dengan .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan. Bila disebut tentang rumah mampu milik dan sebagainya, saya teringat kembali tentang permohonan PERDA untuk membangunkan kawasan iaitu di Telok Bahang dan juga di Sungai Batu. Ini saya bangkitkan dalam penggal lepas, penggal sebelum itu, tak bergerak pun dah setahun dah. Saya dengan Y.B. Batu Maung berjumpa dengan pegawai PERDA bincang, bincang, bincang. Bincang apa sampai setahun ini. Ini kali ketiga saya bangkitkan perkara ini belum lagi diluluskan. Kalau tak boleh lulus beritahu mengapa tak boleh lulus. Jangan ambil fail itu peram di situ. Kata nak ubah paradigma dan sebagainya, yang kritik orang kalau buat kerja pun tak betul. Setahun masuk pelan yang dihantar oleh Pejabat Daerah bukan PERDA hantar, PERDA hantar melalui Pejabat Daerah, Pejabat Daerah hantar ke PTG setahun dah, dok peram di KOMTAR itu. Jadi apa yang cakap ini, sila semak balik yang itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Okey. Kita akan semak, tetapi Y.B. Penaga tadi menanyakan sebagai seorang kapasiti Pengerusi PERDA ke ataupun. Bila Padang Lalang bertanya soalan, kamu tak mahu jawab kerana tak mahu sebagai Pengerusi PERDA. Walau bagaimanapun kita akan membuat semakan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan. Saya nak *explain* tang tu, saya tak bertanya sebagai Pengerusi PERDA saya bertanya kapasiti sebagai Ketua Pembangkang yang mana melihat tentang keadaan-keadaan kecelaruan yang ada yang sedang berlaku di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Kita akan membuat semakan. Berkenaan dengan pelaksana tentang COB dan CCC, kedua-dua isu ini melibatkan Akta Parlimen. Bagi memastikan penyelenggaraan flat-flat sentiasa teratur, kerajaan negeri melalui penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan 2007), iaitu Akta 663. COB yang telah dilantik di kedua-dua PBT memainkan peranan dalam menangani masalah-masalah yang timbul di bangunan bertingkat. Dalam masa yang sama juga, pemilik-pemilik unit perlu memainkan peranan dalam memastikan bangunan tersebut sentiasa dalam keadaan baik. Tanggungjawab tersebut adalah tanggungjawab bersama antara pemaju dan penduduk. Adalah diharapkan juga YB Adun kawasan juga memainkan peranan dalam membantu untuk menyelesaikan perselisihan faham antara penduduk-penduduk dalam pembentukan JMB. Dan saya ingin menarik perhatian semua sama ada dari Adun kerajaan ataupun pembangkang bahawa kita juga seorang *legislator*, bukan sahaja kita bercakap tentang urusan tebang pokok, tentang longkang-longkang semua, kita ada seorang *legislator*. Dan ingin memaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memulakan langkah-

langkah *consultation* dengan *stakeholders* dan telah meminta badan-badan profesional seperti Badan Peguam, Juru Ukur, Pemaju untuk memberikan input-input terhadap pindaan Akta 663 ini. Saya juga menjemput semua Adun-adun dan Ahli Parlimen juga harus memainkan peranan menjalankan inisiatif *legislation reform* ini dan kita mengakui bahawa terdapat, ini peringkat Parlimen terdapat kelemahan di Akta 663 contohnya tiada *subsidiary law*, tiada undang-undang kecil dan prosedur-prosedur yang untuk menyokong Akta 663 ini dan saya seperti yang saya kata lagi, saya meminta wakil rakyat mengambil maklum terhadap perkembangan itu dan membawa isu-isu *legislation reform* di forum-forum yang bersesuaian.

ADUN Bayan Lepas telah membangkitkan isu CCC dan *non-technical requirement*.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sebelum ke subjek lain, berkenaan dengan masalah penyelenggaraan flat dan penubuhan JMB dan sebagainya saya mintalah atas kapasiti Air Itam untuk memohon supaya PDC lebih serius sikit di dalam membantu supaya JMB di flat-flat PDC yang ada sekarang ini yang diserahkan kepada penduduk setempat yang sendiri pun tak mahu nak wujudkan JMB dan sebagainya. JMC dan JMB, *Join Management Body*, maknanya dipercepatkan. Kalau boleh pegawai PDC yang mana yang rasa kurang agresif itu tukar ambil yang lebih agresif, jumpa juga Adun kawasan. Untuk kawasan saya, saya sentiasa bersedia untuk menyelesaikan masalah itu supaya masalah ini tidak berbangkit termasuklah sekarang kalau boleh minta Air Itam, 21 flat nak kena potong api kerana tidak dibayar oleh PDC bagi pihak penduduk berkenaan bil-bil kawasan-kawasan awam penyelenggaraan. Jadi kalau boleh minta PDC baik hati sikit tolong bayar lebih kurang RM100 ribu lebih. Dan saya rasa kecewa bila TNB panggil pegawai PDC mai berbincang untuk menyelesaikan masalah saya hadir di pejabat TNB, pegawai PDC tak hantar orang pun, kemudian telefon pula suruh datang. Dia punya Pengurus Besar telefon untuk pegawai PDC, tak hadir juga. Dan akhirnya 2 / 3 hari ini api akan dipotong. Jadi atas kapasiti wakil Air Itam tolong segerakan selesaikan masalah ini sebelum penduduk-penduduk di flat-flat tersebut bergelap. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Terima kasih, Seberang Jaya. Seberang Jaya memang seorang man *on the ground* yang tahu isu-isu. Dan saya rasa semua Adun kawasan kena belajar dari beliau, kerana selalu turun padang, saya tahu. Kita akan memerhatikan kes ini.

Adun Bayan Lepas telah membangkitkan isu CCC dan *non-technical requirement*. Sekiranya kita lihat kepada pindaan Akta yang dilakukan pada tahun 2007, dan syarat-syarat *non-technical* yang dimaksudkan oleh Bayan

Lepas seperti pelepasan kuota Bumiputera dan 30% *low cost housing* ini adalah antara lain *non-technical requirement*. Dari Akta itu PSP hanya ambil maklum tentang keperluan teknikal sahaja. Dia Arkitek, dia *technical people* dia hanya tahu tentang perkara *technical*. Saya rasa seperti yang diucapkan oleh Padang Lalang, niat Parlimen semasa pindaan Akta, dia hanya fokus kepada *technical requirements* sahaja. Dia hanya, niat legislator pada masa itu dia hanya fokus kepada *technical requirements*. Dan apabila satu Akta di pinda, dan buat seketika waktu kita akan dapat *feedback* daripada *stakeholder* berkenaan bahawa terdapat kelemahan, tadi kata COB Act. Terdapat kelemahan-kelemahan dalam Act tersebut. Sama juga dengan Akta ini dia mempunyai kelemahan dari segi Akta yang langsung tidak mempertimbangkan isu-isu *non-technical* yang saya sebutkan. Oleh itu dia bukan sahaja akan memberi impak kepada Negeri Pulau Pinang dan Akta ini adalah meliputi kesemua negeri, oleh itu saya mengulangi apa yang saya cakap tadi, sebagai seorang *Legislator* semua ADUN dan juga Ahli Parlimen juga hendaklah membawa isu-isu ini yang ini adalah isu di Akta Parlimen. Kita sebagai ADUN kita juga boleh melalui *contacts* kita di Parlimen ataupun melalui seminar-seminar membawa inisiatif *legislative reform* dan kita di bahagian peringkat Negeri, kita memang berhasrat untuk terus mengekalkan *non-technical requirements* kerana ia adalah, kita akan mengambil langkah-langkah antara lainnya adalah *undertaking letter*, *bank guarantee* tetapi kita juga hendak berbincang dengan *stakeholder*, *stakeholder* iaitu dari *housing industry*. *Stakeholder* berkenaan bawa berunding baru dapat mencapai satu formula yang boleh memberi keseimbangan kepada kepentingan semua pihak dan isu ini juga seperti saya kata nasional isu dan kita hendaklah terus sebagai seorang legislatif membawa isu-isu ini dan kepada *authority-authority* yang berkenaan.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Penjelasan dan juga cadangan. Saya nampak kelemahan kerana perbincangan peringkat awal tahun 2007 di bincang dalam Majlis Kerajaan Tempatan di mana dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu dan saya sebagai EXCO Perumahan tak dapat hadir. Yang merasai masalah ialah EXCO rumah tetapi sebagai EXCO Kerajaan Tempatan dia mahu hadir. Jadi perkara ini saya cadangkan kalau boleh di dalam mesyuarat yang akan diadakan Majlis Kerajaan Tempatan di peringkat kebangsaan kalau boleh dibangkitkan oleh wakil daripada EXCO Kerajaan Tempatan untuk dibangkitkan perkara ini semula dalam masalah ini.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Ya, begitu juga saya EXCO perumahan, saya tidak hadir, sama-sama keadaan. Walau bagaimanapun kita akan menyediakan memo-memo kepada *authority-authority* yang berkenaan. Ok.

Y.B. Batu Uban mencadangkan pindaan kepada *Town & Country Planning Act* berkaitan dengan tempat letak kereta. Sebenarnya *Town & Country Planning Act* tiada peruntukan berkenaan tempat letak kereta. Ia adalah garis panduan Pihak Berkuasa Tempatan dan cadangan Batu Uban bahawa disyaratkan membina setiap rumah dengan kemudahan letak kereta dan ini akan mendatangkan sedikit masalah kerana rumah kos rendah hanya akan meningkat dengan cadangan tersebut. Dan sekiranya pemaju disyaratkan membina *multi-level carpark* akan melibatkan kos yang tinggi.

Walaupun bagaimanapun kita akan terus mengkaji cadangan-cadangan tersebut. Y.B. Batu Uban juga menyatakan tentang kesedaran terhadap operasi kebakaran. Sebenarnya *fire-risk assessment* boleh diusahakan bersama antara Adun Kawasan dengan Jabatan Bomba & Penyelamat. Antara program-program yang boleh dijalankan seperti *adopt* pili Bomba, usaha menubuhkan pasukan Bomba sukarela, dan juga mesyuarat ataupun temu janji dengan Jabatan Bomba & Penyelamat untuk memastikan, membuat satu *fire-risk assessment* di kawasan masing-masing.

Y.B. Bagan Dalam telah membangkitkan isu setinggan dan satu kajian inventori setinggan di Pulau Pinang telah dijalankan di Jabatan Perancang Bandar & Desa dengan bantuan SERI, *Social Economy Research Institute* pada tahun 2006 berdasarkan data-data 2005. Kajian mendapati lokasi Ujung Batu adalah atas tanah kerajaan negeri seluas 12 ekar dengan 353 unit rumah dengan kepadatan 29.42 unit seekar. Satu perjanjian telah ditandatangani antara kerajaan negeri dan Syarikat Ilham Dimensi Sdn. Bhd. untuk membangunkan kawasan tanah kerajaan tersebut seluas 19 ekar di Ampang Jajar dan satu kawasan seluas 12 ekar di Kampong Ujung Batu. Oleh kerana kegagalan pihak pemaju dalam pelaksanaan projek ini perjanjian telah ditamatkan pada 30 Januari 2008. Satu writ saman telah difailkan terhadap kerajaan negeri di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang atas penamatan perjanjian. Kerajaan negeri akan melihat kembali cadangan pembangunan perumahan di Ujung Batu.

Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Telok Bahang telah membangkitkan cadangan tentang PPR dan Kerajaan Persekutuan sebenarnya mempunyai obligasi kewangan terhadap kerajaan negeri. Cukai-cukai pendapatan dan cukai korporat telah disalurkan kepada Kerajaan Persekutuan dan baru diperuntukkan kepada kerajaan negeri. Dalam hal-hal senarai bersama dalam Perlembagaan Persekutuan, *housing* ialah satu perkara dalam senarai bersama dalam Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan mempunyai tanggungjawab bersama-sama dengan kerajaan negeri dan perlu mengeluarkan tanah kepada kerajaan negeri. Dan baru-baru ini kerajaan negeri telah meluluskan cadangan PPR di sewa di Telok Kumbar sebanyak 500 unit akan di bina di atas dana Kerajaan Persekutuan dan sumbangan kerajaan negeri adalah dari segi tanah.



Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Tanjong Bunga dan Y.B. Permatang Pasir telah membangkitkan isu pembangunan Tanjong Tokong dan saya telah menjawab secara panjang lebar pada hari itu. Tapi saya ingin mengulangi bahawa kerajaan negeri telah meminta UDA mengkaji asal pembangunan dengan mengambil kira perubahan yang dicadangkan kepada pembangunan Kampung Warisan Tanjong Tokong.

Y.B. Datok Keramat pula membangkitkan isu mengenai wang sumbangan rumah kos rendah. Untuk makluman, rancangan struktur negeri Pulau Pinang yang diwartakan pada tahun 2007, telah menetapkan wang sumbangan perlu dikenakan kepada pemaju dan membina 5 hingga 99 atau 149 unit mengikut kawasan kemajuan. Jawatankuasa Teknikal Wang Sumbangan telah ditubuhkan dan kini dalam peringkat akhir sebelum ianya dibentangkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Mengenai pengecualian rumah kos rendah, tiada projek yang diberikan pengecualian daripada membina rumah kos rendah jika melebihi 100 atau 150 mengikut kawasan pembangunan dan Yang Berhormat Datok Keramat telah membangkitkan isu pembangunan E&O. Latar belakangnya adalah perbincangan awal antara kerajaan negeri dan pihak pemaju pada tahun 1998. Pemaju telah meminta agar di beri pilihan sama ada menyediakan 30% rumah kos rendah atau 60% rumah kos sederhana rendah. Walau bagaimanapun, pemaju telah memilih penyediaan 60% rumah kos sederhana rendah. Pemaju juga atas dasar sukarela telah menyediakan sebanyak 180 unit rumah kos rendah. Bagi fasa 2, penyediaan 30% rumah kos rendah adalah sebagaimana dalam perjanjian.

Y.B. Permatang Berangan membangkitkan isu Perumahan Awam Kos Rendah, Padang Chempedak dan Kampung Besar yang mana pemohon lambat mendapat kunci. Dan jawapan bertulis telah diberikan kepada beliau sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam soalan bertulis, perjanjian jual-beli dan telah ditandatangani dan kini dalam proses kelulusan pinjaman bank. Penyerahan kunci telah di buat kepada pembeli-pembeli, pembayar tunai. Penduduk yang telah menyelesaikan pembayaran telah menerima kunci. Satu perjumpaan akan diadakan dalam masa terdekat antara pembeli, pihak bank, kontraktor bagi membincangkan masalah-masalah berkaitan dengan pinjaman.

Y.B. Sungai Aceh telah menanyakan kerajaan negeri tentang 30% kuota perumahan bumiputera. Untuk makluman, kuota tersebut masih dikekalkan untuk setiap projek perumahan. Pemaju yang memohon pelepasan tersebut perlu memohon kepada satu jawatankuasa perlepasan kuota yang dianggotai oleh EXCO Perumahan, EXCO Agama dan EXCO Kebajikan. Antara ahli jawatankuasa ialah MPPP, MPSP, PPG, Jabatan Kewangan Negeri, Pejabat Daerah, JPPD, UPEN dan Bahagian Perumahan sebagai urus setia.

Y.B. Sungai Aceh telah juga menanyakan jumlah bayaran sumbangan ini telah disalurkan kepada satu akaun sementara, Akaun Amanah Perumahan

Awam Kos Rendah dan sehingga 01 April 2009 sebanyak RM7, 023,719.32, bayaran sumbangan telah di bayar oleh pemaju. Daripada jumlah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perlepasan Kuota Bumiputera. Jawatankuasa ini akan telah meneliti beberapa cadangan supaya menambah hak milik hartanah bumiputera di Pulau Pinang.

Secara kesimpulan, saya rasa isu-isu perumahan adalah multi dimensi dan ini ucapan penggulungan saya hanya meliputi sebahagian sahaja. Isu-isu lain seperti isu projek terbengkalai, isu pengurusan rumah bertingkat juga. Saya meminta kerjasama semua Adun-adun kawasan daripada kerajaan atau pun pembangkang supaya kita sama-sama dapat menyelesaikan isu-isu perumahan rakyat. Sekian, terima kasih. Saya mohon sokong.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan akan berhenti berehat hanya 20 minit. Dewan akan bersambung semula pada pukul 11.45 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 11.20 pagi***

***Dewan disambung semula pada jam 11.55 pagi.***

**Y.B. Tuan Speaker:**

Dewan disambung semula penggulungan, Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam penggulungan perbahasan. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan tahniah kepada Tuan TYT yang telah pun dilanjutkan tempoh jawatan dan juga tahniah kepada Y.B. Setiausaha Kerajaan selamat menjawat jawatan SUK.

Pada keadaan ekonomi yang begitu lembap ini kita tidak naif bahawa kerajaan negeri tetap sedang sedikit sebanyak menghadapi masalah perkembangan ekonomi di negeri kita tetapi agak baik dari segi sektor pertanian dalam negeri kita bahawa sektor ini tidak begitu banyak dijejaskan malahan kita menengok sedikit sebanyak juga perkembangan yang jelas dalam sektor pertanian. Saya rasa ini perlu kita memperkembangkan lagi memperbanyakkan lagi program-program pertanian di negeri kita supaya dalam ekonomi yang lembap ini peranan pertanian ini boleh dimainkan lebih penting lagi dalam menjana ekonomi negeri ini. Saya memberi penghargaan yang tinggi kepada semua warga-warga daripada jabatan MOA kerana mereka sedang menanti satu masalah yang jauh beza daripada sektor-sektor industri dan pelancongan.

Mereka terpaksa menerima kerja yang lebih kerana banyak peminat untuk memasuki sektor pertanian.

Saya hendak meneruskan kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Ketua Pembangkang mengenai kematian kerang di Kuala Juru. Saya rasa untuk makluman Ahli-ahli Berhormat di Dewan ini faktor yang mengakibatkan kematian sesuatu haiwan ataupun ternakan adalah mempunyai pelbagai faktor mungkin faktor iklim, perubahan suhu dalam laut, penyakit ataupun cara ternakan. Untuk menjawab soalan yang telah pun dibangkitkan jabatan telah menerima bahawa tiada bukti yang kukuh yang boleh dijadikan alasan kerajaan negeri untuk bertindak menyelaraskan tuntutan pampasan daripada pihak penternak kerana dakwaan daripada penternak kerang yang mengalami kerugian dibuat sebelum 14 April tahun ini iaitu sebelum kerajaan negeri memberi kebenaran pihak jambatan kedua Sdn. Bhd. Meneruskan kerja-kerja awal pembinaan di kawasan tapak kerang yang terletak dalam jajaran.

Maka walau bagaimanapun, kerajaan negeri akan sentiasa juga memantau kerja-kerja pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang ini. Dalam hal ini tindakan berikut telah pun dibuat oleh kerajaan negeri iaitu mengarahkan pihak jambatan kedua Sdn Bhd meneruskan kajian FIA ....(dengan izin), *Fisheries Impact Assesment* cara berkala agar ia dapat dijadikan satu bahan rujukan sekiranya berlaku tuntutan pampasan pada masa lepas dan juga mengarahkan pihak Jambatan Kedua Sdn Bhd mengikuti garis panduan kerja yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam kerja-kerja pembinaan mereka. Juga kita telah mengarahkan Pejabat Daerah, Jabatan Perikanan dan agensi-agensi seperti LKIM memaklumkan kerajaan negeri mengenai sebarang isu yang timbul berkaitan dengan pembinaan Jambatan Kedua ini. Seterusnya saya hendak sampai ke.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan. Mengenai kerang, sebelum Yang Berhormat masuk ke perkara kedua. Jadi, daripada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa kerajaan tidak bertanggungjawab tentang bayaran pampasan itu. Tidakkah kita sedar bahawa golongan penternakan kerang ini terdiri daripada golongan miskin. Kerang mereka mati ratusan ribu. Ini adalah akibat salah satu daripadanya ialah pembinaan Jambatan. Mengapa kerajaan tidak bertanggungjawab tentang hal ini? Setidak-tidaknya pampasan harus diberikan kepada golongan ini. Mereka kehilangan mata pencarian.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Penaga. Memang kerajaan negeri memainkan peranan penting dan bertanggungjawab juga dalam isu membela periuk penternak kerang. Misalannya penternak-penternak kerang yang telah pun dijejaskan oleh pembinaan Jeti sementara di kawasan Batu Kawan telah pun melalui jabatan kerajaan negeri telah pun menuntut pampasan yang telah dibayarkan oleh Jambatan Kedua Sdn. Bhd. Tetapi isu yang di Kuala Juru ini telah pun saya jelas bahawa sebelum ini belum lagi kita mempunyai bukti yang lebih kukuh tetapi juga sepertimana yang saya sebut kita akan memantau. Kalau kita mempunyai alasan lebih kukuh maka pihak kerajaan negeri dengan jabatan-jabatan yang terlibat akan membela dan menuntut pampasan daripada Syarikat Jambatan Kedua Sdn Bhd.

Saya pergi terus kepada Sg. Acheh. Di mana Sungai Acheh telah pun membangkitkan satu dua soalan yang saya rasa perlu saya perelaskan di sini mengenai pangkalan nelayan yang telah pun dibangkitkan oleh Sungai Acheh. Saya perlu memberi sedikit maklumat supaya Dewan ini tidak dikelirukan. Pada halnya isu ini telah pun lama isu keuzuran pangkalan jeti di Tanjung Rambai itu memang sudah lama kalau mengikut keratan surat khabar pun nelayan di situ mengakui bahawa pangkalan itu sudah berusia hampir lebih daripada 30 tahun. Pada ketika saya membuat lawatan, saya ke kawasan situ pada Mei lepas pun saya telah pun dibangkitkan diberitahu isu tentang pangkalan jeti ini.

Saya juga dapati bahawa ada janji daripada jabatan di masa itu bahawa peruntukan sebanyak RM100,000.00 akan dibina untuk tujuan pembinaan pangkalan nelayan di Tanjung Berambang. Juga di sebut dalam satu majlis penyampaian lesen bot juga pada Januari 2008 saya di sini bukan saya hendak melepaskan tanggungjawab yang saya pikul tetapi cuma saya hendak beri satu penjelasan kerana selepas itu segala saya pun dapat surat penjelasan daripada jabatan seperti LKIM dengan jabatan perikanan untuk memastikan adakah peruntukan RM100,000.00 itu benar-benar akan di salur untuk pembinaan pangkalan nelayan itu tetapi selepas penjelasan di bagi maka saya diberitahu bahawa peruntukan itu tidak ada disediakan maka selepas itu saya mengambil tanggungjawab untuk melalui Jabatan Pengairan Saliran untuk membantu setakat yang saya boleh untuk membina pangkalan nelayan baru itulah untuk jawapan Sungai Acheh kontraktor yang telah berjaya dalam tawaran sebut harga adalah Solok Menawar Enterprise. Kos bagi pembinaan jeti nelayan ini adalah RM180,000.00 dan inden kerja-kerja pembinaan telah pun dikeluarkan dan jeti dijangka siap pada awal bulan Julai 2009. Itu adalah sedikit sebanyak saya perlu jelaskan.

Bersabit dengan pewartaan tanah sawah padi juga saya rasa Y.B. Sungai Acheh perlu juga memberi sedikit pengiktirafan kepada kakitangan JPS saya tidak suka bahawa usaha mereka di perkecilkan kerana untuk mewartakan tanah-tanah sawah ini bukan senang dan itu memerlukan proses yang harus dan saya rasa setakat ini kemajuan kerja yang dalam pewartaan tanah sawah padi ini bagi saya adalah memuaskan walaupun setakat ini hanya dikatakan 80 peratus tetapi saya harap kerja untuk mewartakan tanah sawah padi ini boleh disiapkan

dalam satu dua bulan ini. Saya harap ini adalah juga satu usaha yang cukup susah untuk kerja-kerja untuk mengenal pasti.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):**

Penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat cakap tentang menggazetkan tanah-tanah sawah makna saya faham kerajaan negeri serius tentang perkara ini. Tentang kekalkan tanah-tanah sawah ini tapi mungkin Y.B. tidak tahu ataupun sudah tahu bahawa di Balik Pulau ini sudah ada cases yang orang pergi tambun tanah bendang, tanah sawah dia tambun dan hari ini menjadi masalah kerana orang lain pun hendak ikut sama hendak tambun bina rumah. Minta disiasat perkara-perkara ini. Ada dua lot hendak tambun.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Telok Bahang. Saya rasa itu perlu kita siasat terhadap mereka yang telah pun menambun tanah di kawasan tanah padi kalau mengikut syarat-syarat yang kita letak memang ia perlu melalui proses-proses permohonan kalau tidak dibenarkan untuk ditambun kita boleh angkat tindakan. Terima kasih kepada Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan Y.B. Bukit Tambun. Kalau tanah bendang itu telah ditambun tanpa pengetahuan jabatan dan juga mana-mana agensi kemudian apakah tindakan kerajaan untuk memastikan tempat berkenaan dikekalkan sebagai tanah sawah. Ia telah ditambun terutamanya pada hari minggu dia masuk tambun dan tidak dapat disekat jabatan agensi. Kemudian apa tindakan selanjutnya yang boleh dibuat.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Sungai Dua. Kalau ikut kuasa yang telah diberikan saya rasa Pejabat Tanah boleh mengangkat tindakan supaya mereka boleh mengorek balik tanah supaya tanah tersebut kalau mengikut peruntukan kuasa yang diberikan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Berhormat cuma saya hendak celah sikit minta penjelasan. Kalau ikutkan perikanan negara tanah-tanah pertanian luas lebih daripada satu ekar boleh dibuat rumah sebuah. Jadi ia akan menggunakan ini tanah bendang itu ditakrifkan sebagai pertanian dia tambun tanahnya untuk membuat rumah kediaman sebuah sebab itu dia tambun. Kadang-kadang tanah dia itu dia tambun sampai seluruh satu ekar hampir. Dia tidak nyatakan bahawa berapa luas atau berapa bahagian daripada satu ekar itu tidak dinyatakan tapi itu yang digunakan lumpur itu. Adakah kerajaan negeri akan menimbang balik peruntukan dalam kanun tanah negara ini untuk dimajukan ke peringkat Persekutuan bahawa tanah bendang ini tidak boleh disentuh yang boleh bangkitkan kalau

boleh ianya digazet. Walaupun kita tahu hendak digazet tanah bendang bukan mudah.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Saya rasa pandangan daripada ketua pembangkang perlu kita ambil berat kerana dalam proses permohonan tanah kita pun dapati ada kes-kes yang di mana disebutkan oleh Y.B. Ketua Pembangkang. Selalunya jenis itu yang menjadi masalah kerana mereka telah tambun habis baru mereka membuat permohonan dan tindakan kalau diangkat pun kita mempunyai kuasa tetapi adalah lebih baik kita mempunyai satu mekanisme yang boleh meneliti mereka yang hendak menukar tanah-tanah padi itu untuk pembinaan bangunan.

Saya rasa pandangan ini perlu diambil berat dan untuk menjawab Batu Uban yang mengatakan bahawa pintu air yang telah pun lama di minta tetapi tidak dapat disesuaikan, disiapkan dalam masa yang begitu lama dan saya hendak memberikan maklumat kepada Batu Uban bahawa saluran dari kawasan Batu Uban adalah melalui pintu kawalan pasang surut yang berukuran lima kaki persegi yang berhampiran dengan Majlis Batu Uban. Pintu kawalan ini akan mengawal air pasang dari memasuki kawasan Batu Uban dan akan mengalirkan air keluar dari semasa air surut dan pihak JPS telah pun membuatkan siasatan dan telah pun menawarkan tender ini dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mei nanti. Saya rasa dengan pemasangan *flood Gate* itu masalah itu akan kita atasi.

Saya juga akan menjawab soalan daripada Y.B. Datok Keramat mengenai RTB Sungai Pinang Fasa II yang akan mengambil masa yang begitu panjang adakah program-program jangka pendek yang akan dilaksanakan. Ini adalah sedikit projek yang kita boleh lakukan dalam peringkat jangka pendek di mana projek Sungai Jelutong akan diiklankan tawaran tender pada awal bulan Mei dan dijangka dapat dilaksanakan pada bulan Jun 2009. Di antara komponen-komponen projek adalah pembesaran saluran Sungai Jelutong di bahagian Kampung Dodol juga termasuk pembinaan *flood wall* dan pemasangan *bill gates* di kawasan situ. Pada masa ini kerja-kerja menyiapkan penyediaan dokumen tender adalah di peringkat akhir dan projek ini akan dapat mengatasi sebahagian masalah banjir di dermaga Sungai Pinang.

Yang Berhormat daripada Kebun Bunga, telah pun membangkitkan satu itu tentang pengorekan pasir Lang, saya rasa perlu juga Dewan ini dimaklumkan dengan sedikit maklumat tentang perkara ini. Kerajaan negeri melalui pejabat daerah ada menerima permohonan permit untuk pengambilan atau pun pengorekan pasir lang. Walau bagaimanapun seperti mana yang disebut setakat hari ini kerajaan negeri belum lagi meluluskan sebarang permohonan tersebut, tetapi adanya permohonan permit bagi pihak-pihak yang berikut, untuk maklumat Y.B. Kebun Bunga.

Lokasi yang telah dipohon adalah di sekitar Kuala Muda daerah Seberang Perai Utara dan North China Pantai Tanjung Burma daerah Timur Laut dan antara pemohon-pemohon adalah seperti berikut:-

Di kawasan Kuala Muda terdapat 3 pemohon yang telah mengemukakan permohonan ialah daripada

- 1) Koperasi Pembangunan Daerah dan satu lagi
- 2) HP I, Hyperlizer .....
- 3) Brinston Konsotium Sdn. Bhd.

Manakala untuk Northern pula Pantai Tanjung Bunga, pemohonnya adalah Bungsa Sdn. Bhd. Tetapi semua permohonan ini belum lagi kita luluskan. Untuk benda-benda pengambilan pasir dari sungai, buat masa ini kita sedang menyediakan garis panduan pengambilan pasir sungai untuk di guna pakai oleh semua pengusaha pasir sungai dalam kerja-kerja pengorekan apabila kelulusan diberikan. Sementara itu untuk kerja-kerja pengorekan pengambilan pasir laut, satu pelan ISNP (Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu sedang di jalankan dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Pelan tersebut akan memberi garis panduan dan kaedah yang terbaik dalam pengurusan pesisiran pantai.

Y.B. Telok Bahang juga telah membangkitkan soalan ini yang menyatakan dalam ucapan teks TYT yang ada di sebut, tanah rizab di bawah rintis (MP) akan ditanam dengan tanaman buah pala. Ini perlu juga diberi penjelasan dari pihak saya. Kerana ini lebih maklum akan peraturan yang telah ditetapkan oleh TNB dan peraturan dalam Akta Bekalan Elektrik 1990. Jika di teliti teks ucapan TYT berbunyi "Kerajaan negeri mengakui Jabatan Pertanian dan PDC telah mengenalpastikan beberapa tanah rizab TNB dan rizab sungai untuk ditanamkan dengan tanaman nanas dan buah pala." Dari teks ucapan tersebut maksud yang ini disampaikan adalah kerana kerajaan negeri telah melalui Jabatan pertanian dan PDC akan mengenalpastikan tanah rizab TNB untuk di tanam dengan tanaman nanas, akan tetapi juga kerajaan negeri melalui Jabatan pertanian akan mengenalpastikan tanah rizab sungai untuk di tanam dengan tanaman nanas ataupun pala, ataupun yang lain-lain. Itu adalah satu penjelasan.

**Ahli Kawasan Pulau Betung (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan, sebenarnya *heritage* pokok pala, pokok *nutmeg* dia hanya terdapat di bukit-bukit di Balik Pulau ini, tanam dia berbuah tapi tempat lain kawasan Seberang Perai, tanam boleh hidup tapi mungkin tidak boleh berbuah, tanam pokok cantik saja.

**Ahli Kawasan Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Telok Bahang saya telah pun melawat ke kebun-kebun pala di Balik Pulau, saya dimaklumkan bahawa pokok pala mempunyai *charactor* dia sendiri bukan biasa boleh ditanam sana, ini adalah satu usaha kita untuk menggunakan semaksimumnya mungkin terhadap tanah-tanah rizab sungai ini, mungkin pokok pala tidak sesuai tetapi ada yang jenis-jenis lain. Untuk juga menjawab isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Permatang Berangan bersabit dengan pencemaran najis khinzir ini di Kampung Selamat yang masalah ini mengakibatkan hasil antara 10 – 20% daripada hasil potensi padi yang sebenar. Isu ini telah pun lama dihantui oleh penduduk kawasan di situ bukan sahaja Y.B. Permatang Berangan bangkit, tapi Pinang Tunggal pun pernah bangkit dalam Dewan Yang Mulia ini.

Untuk mengangkat tanggungjawab ini dan untuk menunjukkan usaha kita untuk mengurung dan mengatasi masalah di situ beberapa kaedah telah kita rancang untuk jangka masa yang pendek dan jangka masa yang panjang, ini adalah sedikit tambah makluman tambahan kepada Dewan ini. Kaedah penyelesaian untuk jangka pendek menerusi perbincangan yang sepadu dengan melibatkan Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian, JPS, Jabatan Mufti, Jabatan Alam Sekitar, PBA, atau pun Pihak Berkuasa Tempatan, MIDA, Kumpulan Pengguna Air dan juga yang penting sekali penternak dan persatuan penternak itu maka mesyuarat bersepadu itu tidak perlu dijalankan berkala untuk melihat dan mencari jalan menyelesaikan masalah yang telah ditimbulkan dan kaedah yang lain juga adalah untuk memastikan penternak khinzir ini untuk meminda kolam takungan najis sepertimana yang telah dipersetujui dalam satu majlis perjumpaan penternak khinzir dan pesawah pada bulan April dan kaedah yang telah digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan air lepasan ladang khinzir tidak melebihi BOD yang telah ditetapkan. Dan satu kaedah juga akan kita laksanakan dalam jangka masa yang pendek adalah untuk menurunkan kadar pencemaran dari pencemaran sifar melalui kepada kaedah pelepasan mikroorganisma (EM).

Kerajaan negeri melalui JPS, Jabatan Veterinar telah merancang memasang peralatan berkaitan di rumah Pinang Tunggal pada peringkat awal dan di rumah pam Tok Bedu dan Air Melintas. Seterusnya kerajaan negeri melalui JPS, PBA akan bercadang mengalirkan air yang telah dibersihkan melalui kaedah EM ke laut. Dan untuk menggalakkan penternak, yang penting sekali penternak menggunakan kaedah EM di ladang ternakan juga di Jabatan Veterinar telah siapkan kursus-kursus dan khidmat nasihat pada mereka dan juga Jabatan Veterinar akan mewujudkan proses EM di kawasan di situ dan menjalankan juga projek perintis rumah tertutup penternak khinzir di Kampung Selamat ada juga satu usaha dalam jangka masa yang pendek. Untuk jangka masa yang panjang kaedah berikut akan dicadangkan, menambahkan bekalan air ke rancangan pengairan Sungai Kulim melalui menaiktarafkan sistem yang sedia dengan menggunakan air dari Sungai Muda, Sungai Kulim mengalami pencemaran khinzir dan dari Sungai Jarak dan juga untuk mencari sumber air baru untuk negeri ini.



Yang ketiga kita sedang dalam rancangan untuk membangunkan kawasan penternak khinzir PFA secara bersepadu. Dalam hal ini dua siri perbincangan dengan pihak swasta pun telah diadakan dalam bulan Januari dan Mac, itu ada sedikit usaha matlamat kita capai untuk mengatasi pencemaran di kawasan Kampung Selamat. Saya rasa untuk soalan tambahan daripada Pulau Betong yang telah pun membangkitkan lot-lot 428 dan lot 421 Mukim H kawasan perairan Sungai Burung telah dibiarkan ditambun, walaupun dia nya telah diwartakan dalam Akta Pengairan Sungai Burung.

Di sini perlu kita sedar bahawa tanah lot kedua-dua di kawasan Pengairan Sungai Burung tidak dinafikan, pemiliknya masih lagi mengusahakan tanaman padi kerana merupakan persendirian adalah tanah kelas pertama. Kawasan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan pengairan Sungai Burung, manakala dari segi kegunaan kerana adalah kawasan tanaman padi. Kawasan di situ sememangnya kawasan pengairan yang diwartakan bahawa Ordinan Pengairan 1953, tiada tanah boleh ditambun kecuali mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Bagi kes tersebut ini telah dibawa kepada pengetahuan Pentadbir Tanah dan Daerah Barat Daya buat masa arahan oleh PTD telah dikeluarkan kepada tuan-tuan tanah terlibat agar mengorek dan mengangkut keluar tanah yang ditambun. Pemantauan berterusan dilakukan oleh Pentadbir Tanah Daerah Barat Daya supaya .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta laluan. Minta penjelasan. Yang Berhormat bercakap tentang tanah ini kita minta di sini, tadi kita mendapati kerajaan sekarang memikul beban semuanya angkara kerajaan yang dahulu Barisan Nasional. Umpamanya seperti hari ini kita dapati dalam surat khabar ada satu penghakiman meminta kerajaan sekarang membayar lebih kurang RM14 juta. Adakah ada apa-apa tindakan yang diambil untuk kita mempertanggungjawabkan Ahli-Ahli Yang Berhormat ketika itu menjawat jawatan yang telah menyebabkan kerajaan kita sekarang terpaksa membayar ini. Kalau kita perhatikan kelmarin di Pinang Tunggal minta gaji dipotong, gaji sebanyak, potong gaji daripada Ketua Menteri RM10.00, bolehkah kita sekarang mengenakan tindakan yang sama kepada ahli-ahli Barisan Nasional atau ahli-ahli pembangkang kita menyumbang kalau boleh RM500.00 sebulan untuk membayar balik pampasan, sumbang kepada pampasan yang terpaksa yang kita bayar balik kepada syarikat tersebut atau plaintif terhadap tindakan tersebut. Bolehkah apa-apa langkah-langkah atau pun tindakan digubal melalui Penasihat Undang-Undang Negeri, terima kasih.

**Ahli Kawasan Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Saya rasa segala masalah yang timbul sebab-sebab tertentu, tapi kita *look forward* untuk mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi peringkat akhirnya juga ingin memperjelaskan isu yang dibangkitkan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan, saya rasa pelik, tajuk lain bercakap lain, Yang Berhormat seorang *lawyer*, tanya pula boleh ambil tindakan undang-undang, pergi Mahkamah ambil lah, tanya pula satu perkara yang perlu dijelaskan di sini bila kita ambil alih sesuatu kerajaan, sesebuah syarikat, sebuah pertubuhan, kita bukan ambil aset dia saja, *liability* dia pun kena tanggung, kalau kita menikah seorang perempuan, bukan kerana cantiknya sahaja, segala tanggungan, perangai busuk, baik kita kena ambil.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Tuan Speaker, jangan sindir wanita begitu, tidak boleh sindir wanita begitu, saya minta dia tarik balik, itu seolah-olah penyindir kepada seseorang wanita, tidak boleh, tidak boleh buat, ketua pembangkang minta orang memberontak, minta orang merusuh, minta peraturan, saya minta Tuan Speaker, jangan sindir wanita, itu perangai busuk, ini kah kepimpinan melalui tauladan, pemberontak, pembangkang, dia kata hendak bagi orang panduan macam ini kah dia berbahas, menyindir wanita, ketua pembangkang ini mungkin tidak tahu, duduk lah jangan sindir wanita, duduk, tidak tahu hendak bahas duduk, duduk.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Kita tengok telatah dia, saya barisan pembangkang minta laluan bila pun, kami tidak bangun terus bercakap, tapi dia bangun "pok, pok, pok," sandiwara nombor satu bermula..... (bertengkar)

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Sifat dia, jangan sindir wanita.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Itulah segala hutang piutang, segala yang berlaku masa lalu, masa pemerintah barisan nasional, kerajaan kena tanggung, tanggungjawab lah, kerana sekarang pentadbiran kerajaan negeri adalah kerajaan sekarang, kenapa hendak ungit pula wanita pula, ini pasal dibangkitkan RM14 juta, cakap pasal Ketua Menteri, kita biar berbahas secara yang matang, secara yang terhormat, bukan brummmmm, saya pun boleh bagi, kami pun boleh bangkit macam itu, bangun tidak minta laluan, bummmmmmm duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ok, peraturan saya bagi tahu dia tidak mahu dengar, sekarang saya telah menjelaskan kepada ketua pembangkang, mungkin ketua pembangkang buat-buat tidak faham, ok kita rujuk balik sila lihat ketua pembangkang Peraturan 46 (13), terima kasih.

Menyentuh peribadi seorang, ini tadi ketua pembangkang cuba mengatakan, bila kita pergi melihat wanita, kita kena terima sifat-sifat dia yang baik, jangan kata macam itu, ini seolah-olah menyindir seorang wanita, kelmarin dulu dia macam seorang wanita itu pun menyindir seorang wanita, hari ini pun dia cakap macam itu, jangan sindir seorang wanita, jangan, kalau hendak bahas, bahas kita cakap lain isu mengenai tanah kita bangkit isu mengenai tanah, dia tertidur tadi, dia tidak dengar Y.B. mengulas mengenai isu tanah kita cakaplah tentang ini, mungkin dia khuatir, dia takut, siapa yang bertanggungjawab, dia takut gaji dia akan dipotong RM500.00 dia kena sumbang, bahas isu yang berkenaan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Tuan Speaker, minta laluan. Dia cakap mengenai isu, Y.B. tahu, bila isu itu disebut wanita-wanita di luar sana sudah bunyi, suara kami tidak bagus, Yang Berhormat marah sangat itu, mereka marah di luar. Awak tidak sedar itu. Itu cakap soal wanita, saya bagi contoh, kalau kita memperisterikan seorang wanita, kita terima apa adanya, jangan kita hendak tengok yang baik sahaja, itu memang natural segala tanggungan dialah, adik-adiknya ke, persekolahan adik-adik dia ke, emak bapa dia, jangan cakap lagi, itu yang saya bangkitkan tadi. Yang dikaitkan tadi RM14 juta siapa yang hendak bayar kerajaan sekarang bayarlah, tanggungan, tidak jadi pemerintah.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Yang Berhormat Dato', lain dahulu, lain sekarang, tak kan Barisan Nasional berak, Pakatan Rakyat yang kena cuci..... (sorak dan ketawa).

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Nanti-nanti saya belum cakap lagi. Apa kena ikut peraturan, saya rasa penerangan daripada ketua pembangkang tidak adil, dia cakap apa, dia suruh kita ambil satu syarikat, hendak terima segala-gala yang ada syarikat itu, kalau kita kahwin, satu betina, satu perempuan, satu wanita, okey dia hendak bela dia wanita dengan ibu bapanya memang munasabah, tapi kalau sampai anak, adik, ahli keluarga dia, mana munasabah, itu kroni punya *sight* (ketawa)

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Bukit Tambun, teruskanlah. Cukup.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) :**

Saya minta laluan, mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh ketua pembangkang berkata bahawa apabila kita ambil alih kerajaan, itu bukan sahaja termasuk sahaja aset tetapi liabilitinya itu teras apa yang diperkatakan selain daripada isu wanita yang dibangkitkan tetapi apa yang perlu ketua pembangkang akur dan akui di sini adalah liabiliti ini adalah disebabkan oleh kerajaan yang lalu itu isu yang kita hendak kita bangkitkan dan bukan saja disebabkan oleh kerajaan yang lalu tetapi ada kes di mana ia disebabkan oleh *corruption*, rasuah dan sebagainya dan ini adakah ketua pembangkang mesej yang ingin ketua pembangkang berikan pada kita ialah kerajaan sekarang mesti mengambil alih liabiliti yang telah disebabkan secara salah oleh kerajaan yang lalu, betul atau tidak? Itu yang malu..malu saya ingat itu satu kalau kita nak kata begitu malu, kemaluan yang terbesar saya tak boleh terima itu...(ketawa) saya langsung tak boleh terima macam itu.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Betulkan ayat Yang Berhormat, malu besar, bukan kemaluan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Malu yang, malu besar, serius...(gangguan) *no..okey*, baik saya perbetulkan malu yang besar dan itu adalah logik yang tidak boleh diterima oleh seorang ketua pembangkang. Oleh itu, saya minta ketua pembangkang menarik balik apa yang telah dikatakan oleh liabiliti mesti diambil ditanggung juga. Liabiliti ini disebabkan secara salah oleh kerajaan negeri yang dulu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya ( Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Y.B. Tuan Speaker, ...kalau ikutkan peraturan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sat lagi ambil...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Saya tak pernah tunjuk emosi lagi.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Lepas ni akhir, saya nak terus minta Yang Berhormat, apa ni, boleh teruskan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Liabiliti disebabkan oleh *corruption* rasuah, saya tanya sini ya di Dewan yang mulia ini berapa orang diheret ke mahkamah dan berapa orang yang kena hukuman daripada kerajaan Barisan Nasional? Jangan sedap menuduh jangan sedap membuat tuduhan *corruption*, rasuah, menyeleweng saya sudah bosan dengar tetapi sampai ke saat ini belum lagi seorang pun ya, telah dicabar ke mahkamah atau di saman ke mahkamah ataupun BPR masuk ke rumah kami atau ke pejabat kami jangan tuduh membuta tuli biarlah percakapan kita bermaruah supaya tidak memalukan. Cakaplah siapa dia memang mudah rasuah-rasuah tetapi tak ada tanya adun-adun dalam Dewan ini ataupun bekas ADUN saia yang pernah kena jangan *you* nak bangkitkan cakap jerebu jangan, sana cerita lain.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Saya bangkit kalau ada keterangan tak duduk lagi ...(gangguan), apa ni apa ni Yang Berhormat.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Saya berhenti setakat ini, Ahli-ahli Y.B. sila duduk.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya kata...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima ( Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Ya Y.B. Ada keterangan pun tidak dituduh salah pun tidak dituduh, Rembau tadi didapati terlibat dalam *money politic* tidak dituduh. Agensi-agensi kerajaan Barisan Nasional sapa tak mahu tuduh depa tak tuduh sapa tak mahu tuduh depa tak tuduh la apa cakap lagi. Cukup sandiwara, cukup, duduklah.

**Y.B. Tuan Speaker :**

Ahli Yang Berhormat. Kita bincang ini. Saya dah minta duduk.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) :**

Y.B. Tolonglah bagi *training* kat ini semua ni. Dia bangkit tak minta laluan terus bercakap tadi saya kata dia buat lagi malu la pada publik ya budak-budak sekolah budak maktab ya apakah ini yang... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Cukuplah ini sandiwara tu, saya tak mahu dengarlah dah pedih telinga cukuplah.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Seri Delima, sila duduk dua-dua kita nak sambung.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, nampaknya isu yang saya bangkitkan dalam portfolio tidak berminat...(ketawa) untuk memendekkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):**

Penjelasan Y.B. Tuan Speaker.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ya, silakan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):**

Penjelasan lain pasal tanah bukan pasal tadi, Y.B. Tuan Speaker, terima kasih. Saya nak bertanya kepada Y.B. daripada Bukit Tambun mengenai dengan persoalan tanah la yang saya cakap tadi tanah pertanian. Kita dapati bahawasanya dalam negeri kita ini tanah-tanah hutan yang ianya sudah dijadikan lot tak boleh buat apa dah sebab dia orang sudah buat rumah dan sebagainya. Dan tidakkah kerajaan negeri di bawah pimpinan kerajaan baru sekarang untuk mengkaji agar tanah-tanah lot yang telah dibuat rumah ini diberikan kebenaran oleh kerajaan sebab ini yang depa buat rumah bukan kerana mereka nak cari komersial jual tapi oleh kerana mereka jadikan tempat duduk. Beli tanah satu lot kita kata RM20,000 atau paling tinggi RM25,000 buat keluar lagi RM50,000, RM70,000 boleh beli buat satu banglo, 3 bilik 2 bilik air boleh duduk dengan famili berbanding dengan beli rumah sekarang ini rumah sampai harga sampai RM200,000 lebih. Kalau di tempat saya, kalau di Seberang Perai Tengah sudah jadi melambung sampai kadang-kadang tu RM300,000 pun ada, jadi ini tidak mampu dibeli oleh mereka. Oleh itu, mereka buat lot dan mereka buat rumah tidakkah boleh kalau tak boleh semua pun tidakkah boleh lot-lot yang telah dibuat ini diberi kebenaran supaya mereka boleh buat ialah kalau ada apa-apa boleh buat cagaran punya bolehkan jadi aset balik tanah-tanah ini kalau boleh kita buat lot kesemua pun tapi kalau tak boleh pun setakat yang mana telah dibuat di situ. Boleh tak kerajaan negeri mengkaji ya.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Permatang Pasir, saya rasa isu ini boleh dibawa masuk untuk jawatankuasa 'land-comm' untuk mengkaji kegunaan tanah-tanah tersebut tapi untuk maklumat tambahan memangnya kalau jenis tanah pertanian yang dimiliki oleh kerajaan negeri jawatan pertanian mahupun EXCO. Selalunya kita mempertahankan supaya ia dikekalkan sebagai tanah pertanian supaya keluasan tanah pertanian ini tidak disusut dan yang menjadi masalah sekarang ini adalah jenis tanah-tanah pertanian yang dimiliki oleh persendirian di mana mengikut pengezonan-pengezonan yang terkini mereka boleh menukar sarat guna tanah mereka dan dari segi itu juga. Kita juga dapati tanah-tanah persendirian yang masih belum ditukar guna sarat, kita juga dalam Dewan ini hendak menggalakkan jenis pemilik tanah pertanian yang dimiliki oleh persendirian itu untuk mereka mengusahakan tanah itu mereka dalam aktiviti pertanian kerana sepertimana yang saya disebut di sini apabila dalam keadaan ekonomi sekarang sektor pertanian yang saya lihat mempunyai ruang yang begitu besar untuk mempertingkatkan bekalan baik daripada bekalan makanan baik daripada hasilan yang mereka boleh dapat dan di Dewan mulai ini menyerulah kepada semua pemilik-pemilik tanah jenis pertanian itu supaya mereka boleh guna secara semaksimumnya tanah-tanah mereka miliki dalam pengezonan pertanian itu supaya sementara mereka menunggu pembangunan itu sampai ke kawasan itu bila pengezonan dibuat secara baru, mereka pun boleh buat melalui aktiviti pertanian dan untuk meningkatkan penggulungan saya diakhiri di pengakhiran ucapan.

Saya nak sentuh sedikit masalah yang telah dibangkitkan oleh Sungai Dua yang membangkitkan ada Y.B. EXCO dan isteri yang telah diberikan tanah kerajaan, saya nak memberi maklumat di sini memang pada tahun 2006 Jun hb 27 Y.B. EXCO Bagan Jermal dan isterinya telah mengemukakan permohonan pemberi milik tanah yang asalnya adalah sebahagian tanah milik mereka yang telah dihakis oleh laut. Tanah yang dipohon adalah tanah di sebelah lot 4381 dan 4382 Mukim 7, Seberang Perai Utara di mana lot lama adalah 122 dan 132 oleh kerana alam semula jadi pantai tersebut tidak lagi dihakis malah telah pun di timbun balik penumbuhan pokok api-apilah maka ingin ditegaskan adalah tanah yang dipohon adalah tanah yang di hilang atas hakisan laut dan kini di kembali kepada pemilik asal ini adalah satu penjelasan isu yang dibangkitkan oleh ahli Y.B. Sungai Dua dan maka dengan ini saya memohon menyokong...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Gulung sikit...(ketawa), ahli Bukit Tambun ada berapa perkara yang tak dijawab semasa soalan lisan itu iaitu masalah banjir yang saya kata tadi itu sementara menunggu peruntukan tempatan banjir, bolehkah disegerakan pendalaman sungai-sungai di Permatang Rawa, di Kampung Belah Dua, Kampung Pertama dan masalah besar saya hadapi ialah kerana koc kereta api kat titi itu yang tu nak disegerakan terus guna peruntukan sedia ada sebab saya tidak mahu lagi orang-orang di Permatang Rawa, kawasan saya dengan kawasan Permatang Pasir menghadapi masalah sama tiap-tiap kali hujan kami kena p bagi moral *support* pada depa lagi satu ialah apakah yang saya tanya berkenaan kecukupan bahan makanan macam mana tentang harga ikan

kembung dah mahal sebagainya. Apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri sama ada menggalakkan lagi penternakan ikan air tawar ka atau dalam sangkar supaya harga ikan boleh jadi kompetitif lagi kalau nelayan tidak mahu pergi ke laut dan sebagainya tapi ada ikan peliharaan ini sebagai satu makanan alternatif begitu juga macam mana dengan daging kambing, daging lembu kita masih duk import banyak lagi. Apakah inisiatif yang dimainkan oleh kerajaan negeri supaya lembu dan kambing ini banyak dipelihara supaya bekalan daging merah ini mencukupi.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya, memang dalam ucapan saya dua hari itu memang saya pun membangkitkan dan menjawab sedikit soalan yang telah pun dibangkitkan. Walaupun keadaan banjir di kawasan Y.B. Seberang Jaya, saya fahami bahawa banyak kawasan lagi masih dalam keadaan yang tidak memuaskan yang telah pun saya bagi jawapan pembesaran Sungai Utama yang akan kita lakukan tapi juga untuk kawasan-kawasan yang lain yang memerlukan kerja-kerja segera saya mengambil pandangan daripada Y.B. Seberang Jaya supaya kalau kawasan-kawasan tertentu yang memerlukan kerja-kerja kecil supaya boleh mengurangkan kesan banjir ini kita akan lakukan melalui permohonan guna pakai peruntukan caruman perparitan dan untuk masalah yang dihadapi koc-koc yang dibawa landasan kereta api itu dan saya rasa memang banyak tempat telah pun menghadapi masalah yang sama dengan pembinaan projek *double trek* itu dan tidak dinafikan bahawa dalam perjalanan projek itu semasa projek itu dijalankan masalah banjir ini mungkin akan menghantui penduduk-penduduk sekitar tapi juga kita perlu dimaklumkan bahawa segala ulasan teknikal telah pun dibuat oleh jabatan-jabatan teknikal cumanya ia akan berlaku bila proses pembinaan itu dalam proses jangka proses pembinaan itu dijalankan ia mungkin akan menjadikan masalah sedikit tetapi saya juga sentiasa menerima *fitback* daripada Y.B. tentang saliran air pengaliran air di sekitar jajaran *double trek* itu supaya kita boleh menggunakan syarikat yang menjalankan kerja *double trek* itu supaya mereka boleh mengangkat tindakan yang segera kalau tidak kita akan mengenakan mereka arahan berhenti kerja seperti yang kita pernah buat dan saya rasa pihak syarikat itu sampai hari ini memang mereka mengikut arahan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sikit ya lagi, saya terlupa tadi iaitu berkenaan dengan banjir di Taman Guar Perahu kerana dia punya pengaliran terowong di bawah sungai menghala ke Sungai Kulim juga harus diambil tindakan segera kerana apa yang berlaku sekarang ini kerosakan di terowong itu telah mengakibatkan banjir di Taman Guar Perahu pun dah jadi banjir, di kawasan Penanti.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih kerana prihatin kepada kawasan Penanti, di mana saya pun ADUN angkat Taman Guar Perahu memang telah masalah ini telah pun saya



pergi melawat sendirilah dan saya telah pun mengarahkan supaya kerja-kerja segera diangkatlah supaya masalah di sana tidak menyakitkan penduduk di sana. untuk memperbanyakkan atau pun mempertingkatkan bekalan-bekalan hasil petani, kerana jabatan Pertanian dan Veterinar, mahu pun jabatan ..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Saya minta laluan. Terima kasih, saya bangkit sebab sebenarnya saya dengar banyak-banyak yang masalah di sungai-sungai tapi tak ada sedikit terlibat dengan konsignasi saya pun walaupun saya tau saya faham ada projek-projek akan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan saya. Tetapi saya tidak faham juga kerana program-program yang akan dijalankan akan mengambil masa. Tetapi hakikatnya adalah semenjak tahun yang lalu kita ambil alih sekurang-kurang lima atau enam kali penduduk di kawasan saya terlibat dalam banjir kilat dan saya harap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau pejabat-pejabat yang berkenaan boleh ambil inisiatif program yang pendek untuk mengatasi masalah pintu-pintu air sepanjang di Sungai Rambai bagi dua belah ban ini. Masalah yang selalu berlaku adalah pintu air di Sungai Rambai itu selalu sangkut dan tidak boleh berfungsi dengan keadaan selesa dan sempurna bila air Sungai Rambai menaik air akan tendang balik dan masuk ke taman-taman tersebut itu adalah masalah yang terutama yang menyebabkan di kawasan itu banjir dan bila kita bertanya kadang-kadang JPS ataupun MPSP mereka pas bola sahaja dia kata ini tanggungjawab dia, dia kata ini tanggungjawab dan saya harap ini tidak berlaku lagi sebab tidak kira mana satu pihak yang bertanggungjawab tetapi kalau kita main pas bola sahaja akhirnya mangsa adalah penduduk di dua belah sungai itu. Itu sahaja terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Terima kasih Y.B. Padang Lalang, saya sambung sedikit kepada Y.B. Seberang Jaya, memang kerajaan negeri sedang berusaha untuk mencari jalan dalam keadaan tanah yang terhad ini supaya bagaimana kita hendak mempertingkatkan hasil pertanian kita dan tahun ini saya rasa kita mempunyai beberapa program atau projek untuk mendapatkan peningkatan hasil pertanian misalannya projek PKPM Juru dalam tahun ini kita akan melaksanakan kalau boleh kita laksanakan sebelum pertengahan tahun ini supaya dalam di situ kita boleh menambah hasil ternakan dan juga hasil daripada perikanan dan juga untuk jenis kolam-kolam yang terbiar juga selalunya dalam usaha Jabatan Perikanan mengguna balik kolam-kolam yang terbiar dan juga mencari keempat-empat yang masih boleh kita guna pakai sepertimana yang saya sebut rizab sungai telah sampai rizab sungai kita pun hendak carilah dan juga tanah-tanah bawah rintis itu supaya sedikit sebanyak kalau tanah itu diguna kita boleh tambah hasil dan saya rasa matlamat ini kita boleh capailah.

Untuk menjawab soalan daripada Y.B. Padang Lalang memang keadaan banjir di sekitar kawasan Sungai Rambai ini memang sudah lama berlaku dan saya rasa dengan projek *pump house* di Sungai Rambai yang telah pun disiapkan pada Tahun 2006 telah sedikit sebanyak mengurangkan kesan banjir di kawasan itu, memang dalam isu ini juga atas rayuan-rayuan atau aduan-aduan yang telah pun dibawa daripada penduduk-penduduk sekitar maka kerajaan negeri sedang mempertimbangkan untuk meluluskan projek-projek yang akan melibatkan kawasan di Taman Mangkuk dan juga di kawasan Taman Desa Damai yang selalunya terlibat dalam banjirlah dan saya rasa dengan soalan Y.B. Padang Lalang di Dewan yang mulia ini kita akan mempertimbangkan seserius-seriusnya untuk kita mengurangkan kesan banjir di sana dan untuk memudahkan penduduk-penduduk di sanalah, sekian saya mohon menyokong.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak mengingatkan sekali lagi bahawa bila ada Ahli-ahli yang bercakap jangan ada Ahli-ahli yang mengganggu kalau ada hendak minta penjelasan saya yang akan memberi laluan dan meminta kepada Ahli yang bercakap itu memberi laluan, kerana sudah sampai masa saya terpaksa menggunakan peraturan 51 mana-mana perenggan-perenggan satu untuk menenteramkan keadaan, jadi saya harap semua memberi kerjasama dan kita akan teruskan persidangan Ahli Yang Berhormat yang ingin memberi penggulungan, Y.B. Sungai Puyu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya ingin hendak menggulung portfolio saya, dalam persidangan dalam Dewan ini ada ramai orang yang sentuh kepada kebajikan khasnya berkenaan dengan miskin tegar. Kerajaan negeri telah menyasarkan tempoh satu tahun untuk menghapuskan miskin tegar di Negeri Pulau Pinang yang telah pun berakhir pada Mac 2009 baru ini. Kerajaan negeri mengkategorikan miskin tegar sebagai golongan yang berpendapatan seisi keluarga rumah kurang daripada RM500 sebulan manakala per kapita adalah kurang daripada RM100 dan golongan ini seharusnya mendapat perhatian serta bantuan yang berpatutan. Ini bermakna ukuran berpendapatan akan diguna pakai sebagai kriteria utama untuk mengenal pasti golongan sasaran. Pada peringkat awalnya bancian siasatan dan laporan yang melibatkan JKKK, ADUN, Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan, UPEN, NGO-NGO dan juga pemimpin-pemimpin tempatan supaya mereka menyalurkan maklumat ini kepada Pejabat Daerah dan Pejabat JKM iaitu kata Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan senarai layak yang seterusnya akan diputuskan melalui mesyuarat Jawatankuasa Kemiskinan Daerah yang dipengerusikan oleh setiap Pegawai Daerah masing-masing dan kemudiannya bentangkan di Peringkat Jawatankuasa Penyelarasan yang dipengerusikan oleh Pengarah UPEN sendiri. Senarai nama ini juga kemudiannya telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perancang Pengisian Miskin Tegar yang di pengerusi oleh saya. Jawatankuasa MMK Kesihatan Kebajikan

Masyarakat Penyayang hasil daripada itu seramai 728 orang miskin tegar telah pun menikmati agihan bantuan kewangan oleh kerajaan negeri namun begitu senarai ini sedikit berbeza dengan senarai yang sedia ada dalam program e-Kasih yang dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri ini bukan satu isu seperti yang besar-besaran dihebohkan kerana hasil daripada penelitian semula mendapati nama-nama yang tidak dapat bantuan kerajaan negeri tetapi tersenarai dalam e-Kasih adalah mereka mempunyai pendapatan isi rumah yang melebihi RM500 sebulan. Hal ini jelas memandangkan definisi penerima bantuan di antara kerajaan negeri dan e-Kasih yang berbeza. Kerajaan negeri mampu mengumpul dana selebih daripada RM1.5 juta melalui Kumpulan Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang semua penyumbang yang terlibat diiktiraf sebagai Anggota Program Rakan Anti Miskin (RAK) yang dilancarkan oleh kerajaan negeri sebagai makluman juga bantuan kewangan ini diteruskan dan pada tiap-tiap bulan akan kepada senarai yang layak dan akan dikemaskinikan dan dipantau dari masa ke semasa itu kata setiap tiga bulan akan turun padang bersama dengan Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi yang tertentu supaya pergi memantau dan kemas kini.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan, jumlah kutipan saya tengok dalam akhbar RM2.2 juta Yang Berhormat kata RM1.5 juta saya pakai yang di dalam Dewan inilah, cumanya saya hendak bertanya adakah RM1.5 juta itu sudah dipungut dalam tangan ataupun RM1.5 juta itu janji-janji yang hendak diberi kepada kerajaan negeri dalam Jawatankuasa ini yang dipegang di tangan banyak mana yang untuk diagihkan sekarang, RM1.5 juta adakah yang sudah ada di tangan ataupun janji-janji bila syarikat swasta dan sebagainya, itu sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Cek-cek yang telah menerima adalah sebanyak RM500 yang telah masuk akaun, yang lain adalah RM1 juta mereka telah hantar belum masuk akaun sahaja, ini bukan janji ini sudah beri cek kerana hari itu mereka hendak tahu macam mana hendak tulis dalam cek itu apa saja, iaitu kata Bendahari Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Maksud saya cek yang kata hendak hantar dalam Akaun Amanah itu daripada syarikat yang berjanji hendak beri sudah dihantar tetapi belum *clear* itu maksudnya.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kalau Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Acheh hari itu rela menerima jemputan saya hari ini soalan ini tidak perlu ditanya kerana jikalau dia ada dalam jawatankuasa tetapi dia enggan dah sampai dewan tunggu baru hendak tanya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan sedikit, yang pertama cek itu atas nama Bendahari Negeri Pulau Pinang ke akaun mana dimasukkan, tabung apa yang diwujudkan oleh kerajaan negeri dan yang kedua tadi kita difahamkan bahawa senarai yang dibuat berdasarkan yang miskin tegar ini RM500 yang diperakui oleh kerajaan negeri tetapi saya dapati bahawa senarai yang kerajaan negeri beri ada lebih kurang dalam kawasan saya 8 orang yang pendapatan dia melebihi RM500 yang diberi, boleh saya dapat penjelasan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Iaitu kata ada 8 orang daripada senarainya yang dapat bantuan daripada kerajaan negeri.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Senarai ini adalah senarai yang diberi bantuan oleh kerajaan negeri baru-baru ini yang dikatakan hapuskan miskin tegar itu, daripada ini kita kata tadi RM500 paras miskin tegar tetapi ada 8 orang yang melebihi RM500 yang diberi bantuan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Itulah perangai Y.B. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Apa Y.B. Tuan Speaker, saya bercakap elok minta penjelasan. Saya cakap elok -elok.....(gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker :**

Ya, silakan Y.B. Sungai Puyu teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Ya, iaitu kata hatinya tidak suci kerana apabila minta kongsi maklumat bila dijemput supaya dapat bekerjasama enggan tetapi saya akan siasat beri nama itu kerana siasatan ini adalah melalui Pejabat Daerah, Pejabat JKM

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, tidak payah siasat tengok senarai ini, tengoklah saya pun berdasarkan senarai ini tidak payah siasat tengok senarai ini oh ini pendapatan RM800 pasal apa diberi itu sahaja, ada 8 orang saya kira, saya niat hati bersih untuk membantu Yang Berhormat supaya menyelesaikan miskin tegar..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kemungkinan senarai yang Yang Berhormat dapat adalah daripada senarai yang asal, senarai yang asal adalah 869 ia belum dikemas kini. Senarai yang lepas dikemas kini jawatankuasa setiap demi setiap telah disemak dengan teliti kalau kehendak sebetulnya saya akan tunjuk macam mana *do your homework* faham tak.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, saya dapat senarai ini daripada Pejabat Daerah yang mengatakan senarai inilah yang diberi bantuan, bantuan telah pun diberikan kalau senarai ini tidak mahu diperakui makna Y.B. daripada Sungai Puyu tidak memperakui jawatankuasa yang dibentuk oleh Yang Berhormat di Pejabat Peringkat Daerah, ini senarai daripada sana, saya cuma untuk membantu Yang Berhormat hendak membersihkan nama baik Yang Berhormat supaya Yang Berhormat memastikan hanya mereka yang berpendapatan RM500 diberi bantuan yang lain siasat tamatkan bantuan itu sahaja hendak tolong bagi elok, salahkah saya membantu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tidak salah, saya ucapkan ribuan terima kasih dan 8 nama ini saya akan minta disemak siapa itu kerana saya kata dapat nasihat daripada Y.B. Sungai Dua supaya jangan bantu pada mereka.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Saya hendak tanya kepada Y.B. Sungai Puyu adakah masa diberikan kepada semua Y.B. untuk memberikan maklum balas tentang senarai yang dikemukakan dan juga adakah masa kita beri kepada Pejabat Sungai Puyu tentang maklum balas daripada *underground* pergi *check* ada miskin tegar, saya hendak tanya kenapa Y.B. Sungai Dua dan juga Y.B. Penaga selalunya tidak memberi maklumat yang tepat kepada Pejabat Sungai Puyu adakah mereka ini bermaksud tidak bertanggungjawab dan tidak beroperasi kepada kerajaan negeri patutlah mereka tidak turun padang dan patutkah gaji mereka dipotong.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya ingat Ahli Pantai Jerejak dia tak tahu apa cakap, Ahli Sungai Puyu tidak pernah menghantar sebarang surat kepada saya untuk membuat bancian dan pernah meminta untuk memberikan nama ini kepada beliau, tidak pernah saya tidak tahu ADUN-ADUN kawasan kita tidak pernah jadi jangan bercakap kalau tidak tahu mungkin dia beri kepada, mungkin dia minta kepada Ahli-ahli daripada *back benchers* tetapi kepada pihak pembangkang, tetapi ada jemputan kepada kami untuk pergi dengar taklimat, itu kami akui dan saya hantar pegawai saya pergi dengar taklimat berkenaan tetapi dia tidak daftar, dia pergi dengar

sahaja dia balik dan beritahu kepada saya, tapi kita tunggu maklumat lanjut kita tidak ada maklumat lanjut, jadi jangan bercakap kalau tidak tahu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Ini lagi satu bukti yang kukuh bahawa jikalau pergi taklimat mengapa tidak mahu daftar bahawa dia adalah wakil daripada Sungai Dua ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong berikan saya laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Nanti, ini lagi satu bukti yang kukuh bahawa, jikalau pergi taklimat mengapa tidak mahu *register* bahawa dia adalah wakil daripada Sungai Dua, adakah di segan, adakah dia malu, atau dia hanya masuk pergi curi maklumat sahaja. Saya tidak faham, secara rasmi juga di tolak, secara umum, secara am, juga di tolak dan inilah satu bukti yang kukuh bahawasanya pada pihak pembangkang selalunya ingin memainkan politik sahaja....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Nanti saya bagi, saya akan bagi. Ini memanglah satu bukti bahawa hatinya tidak suci, hatinya cuba berharap bahawa saya akan gagal, *you hope that I feel, so that you can laugh*, itulah tujuannya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Inilah Y.B. Speaker, sikap seorang EXCO. Saya tidak pernah jumpa seorang EXCO seperti ini punya *style*, tidak pernah jumpa lagi, saya pun lama dan tidak pernah jumpa *style* macam ini. Orang hendak berniat elok kepada dia, dia kata orang nak beri dia gagal, tidak pernah, kami tidak pernah niat seperti itu, kami nak bagi elok kerana kami sayang kepada rakyat Pulau Pinang, kami mahu pentadbiran kerajaan negeri buat kerja elok-elok, sebab itu kalau tidak apa-apa kami tegur, kalau kami tidak bertanggungjawab kami tidak payah tegur, biar buat silap, kami tidak mahu ada kesilapan sebab itu ditegur. Inilah peranan kami sebagai pembangkang, kalau jadi EXCO tidak boleh terima teguran boleh keluar ataupun letak jawatanlah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Itulah kerana dia telah sudah beberapa penggal pada dahulu Barisan Nasional memerintah dia tidak dapat menjadi EXCO itulah. Jika sikap yang baik sikit kemungkinan akan diberikan pertimbangan walaupun orang lama, orang baru masuk telah jadi EXCO, tetapi orang lama, selalu dipinggirkan kemungkinan ada silap mungkin.

Baiklah selain daripada bantuan kewangan langkah-langkah yang spesifik yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi miskin tegar adalah seperti program-program berbentuk motivasi seperti bengkel perubatan, perubahan minda setiap daerah, bantuan elaun harian kepada pelajar Giat Mara yang dikategorikan sebagai miskin, bantuan baik pulih rumah, bantuan baik pulih gerai perniagaan, bekerjasama dengan amanah EKIA Malaysia sebagai kepada peluang perniagaan dan bekerjasama dengan Badan Perbadanan Bekalan Air (PBA) untuk bantuan *rabbit* air, bantuan pakaian sekolah pada penerima kategori miskin pada setiap hujung tahun dan bantuan kaum nelayan. Tuan Speaker.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ya.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tadi ada disebutkan bantuan-bantuan itu, ya pakaian sekolah, hujung tahun membaiki rumah, elaun untuk pelajar dan sebagainya. Bantuan ini sudah diberikan atau belum, atau dalam perancangan. Kalau sudah diberikan bantuan membaiki rumah dalam KADUN Penaga, tolong beritahu berapa buah rumah, bantuan murid-murid sekolah yang diberi bantuan, yuran sekolah ke, atau apa-apa ke, tolong berikan secara detil, tidak boleh berikan sekarang tidak mengapa, nanti di luar Y.B. boleh berikan kepada saya seperti macam senarai 26 yang dikatakan pada hari itu, saya tidak berikan di sini, kerana saya belum fotostat, lepas *photostat in medially* saya bagi. Saya harap semua jenis bantuan dalam KADUN Penaga itu yang telah diberikan, harap Yang Berhormat dapat memberikan kepada saya.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Inilah ikut SOP, iaitu SOP, *Standard Operations Procedure* yang selalu diguna pakai, kalau hendak tuliskan secara rasmi dan saya akan menjawab secara rasmi.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan. Jadi jawab secara rasmi, jadi yang bercakap ini tidak rasmi lah, bagi saya habiskan sedikit sahaja Yang Berhormat. Kalau dalam Dewan ini, dalam Dewan yang mulia ini, apa kita bercakap ini tidak rasmi. Saya minta dan rekodkan di dalam *hand set*, saya mohon segala jenis bantuan yang katakan tadi dan saya bertanya sebelum itu, adakah ini dalam perancangan ataupun sudah diberi, kalau sudah diberi, saya minta senarai-senarai nama penerima-penerima bantuan itu. Hendak tulis SOP secara rasmi, apa ini tidak rasmi?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Nanti dahulu, biar saya jawab dahulu. Nombor satu, dalam ucapan Ahli Y.B. daripada Penaga tidak sekali suntuk, ini ada satu perkara baru yang dibangkit, perkara baru dibangkit saya berkehendakkan sedikit masa untuk mengambil keluar maklumat-maklumat ini, iaitu bukan ucapan di sini tidak rasmi, tetapi kadang-kadang apabila menghadapi orang ini, yang cuba mencari tulang dalam telur, saya tidak kenal satu demi satu, tulis apa yang dikehendaki, saya akan edarkan kepada Ahli Yang Berhormat. Sekejap kata, sekejap *you* marah lagi, saya takut orang tua ini marah, saya takut *high attack*. Saya tidak mahu seperti ini, faham tak? Y.B. Tuan Speaker.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan Yang Berhormat.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ya.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.A.B. Ketua Menteri ada di sini, elok-lah menegur sedikit Ahli daripada Sungai Puyu ini, kerana *style* dia daripada dahulu tidak berubah sampai sekarang. Kalau kita minta maklumat, kalau tidak ada maklumat, bagi tahu saya perlu notis, dan bagi kemudian, *simple, very simple* tidak perlu itu satu, yang ke dua tadi Yang Berhormat sebut tentang berbagai bantuan yang telah dikeluarkan, yang telah diberi. Saya hendak tahu jugalah untuk pengetahuan umum, yang mana satu kerajaan pusat punya, dan yang mana satu kerajaan negeri punya, yang telah diberikan kepada rakyat, itu yang saya hendak tahu. Kalau Yang Berhormat tidak berikan sekarang tidak mengapa, minta notis.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**



Nombor satu, Dato', saya terima apa nasihat yang diberi, apa yang baik saya terima, kata hendak beri notis, sekarang telah berikan notis, itu saya boleh edar dan apa yang dikehendaki akan diberikan dengan sejelesnya supaya saya boleh edarkan. Kedua inilah juga lagi satu sikap yang kehendak membuat belah dua, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Apa halnya kerajaan negeri kutipan cukai daripada kerajaan Negeri Pulau Pinang juga disalurkan kepada kerajaan pusat. Di sini dikatakan kerajaan negeri dan kerajaan pusat kita semua kena bersatu supaya edarkan untuk orang miskin, ini tidak terima kah? Ini kata tidak menerima...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Berhormat, minta penjelasan. Bila dimasukkan dengan bantuan kerajaan pusat itu, contohnya PERDA, okey, dia bagi pakaian sekolah, dia bagi bakul makanan sebulan RM100.00, bahan-bahan makanan bernilai RM100.00, dia buat rumah membaiki rumah orang-orang miskin, itu melalui agensi kerajaan pusat, *don't* cakap pasal *Income Tax*, tadi bermula dengan minta senarai, kalau tidak boleh bagi pada hari ini bagi waktu lain, sekarang asyik "Tai Chi" pula, jarum dalam telur semua, tulang dalam telur, *you* hendak bagi, bagilah, kalau tidak mahu bagi, tidak perlulah, sudahlah senang ceritalah, cakap pun suara pun sudah habis.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kalau suara habis, duduk diam-diamlah. Y.B. Tuan Speaker, untuk membuktikan bahawa kerajaan PKR tidak main politik iaitu apabila mengagihkan bantuan kepada orang miskin, khasnya miskin tegar tidak ambil kira bangsa, agama, dan kefahaman politik, tidak dan ini adalah satu bukti yang begitu kukuh untuk SPU. In SPU, Daerah Parlimen Kepala Batas, semua ada 142 keluarga yang dapat, RM46,970.00 bantuan sebulan. Untuk Parlimen Tasek Gelugor telah dapat jumlah adalah RM50,590.00 sebulan, iaitu untuk kedua-dua sahaja, jumlah adalah 222 keluarga dan sejumlah ada RM97,560 sebulan.

Saya pun tidak pinggirkan Penaga, di Penaga adalah 68 keluarga, sebulan mendapat RM18,890.00, untuk Sungai Dua adalah tertinggi sekali iaitu adalah 71 keluarga yang mendapat RM25,850.00. Di sini saya telah ditanya satu soalan oleh Ahli Y.B. daripada Penaga. Di mana dia bertanya kepada saya, e-kasih. E-kasih ini adalah memang di bawah Unit ICU dan mereka juga menggunakan miskin tegar untuk miskin tegar pendapatan sebenar RM430.00 dan miskin ada pendapatan RM729.00. E-kasih ini telah dilancarkan oleh ICU pada tahun 2007 dan pada masa itu DO, iaitu kata Pegawai Daerah, *eases* untuk tujuan rujukan sahaja kemudian di henti kerana masalah teknikal, selepas itu Pejabat Daerah tidak diberi *eases*, kini daftar yang diambil atau di input adalah daripada Ahli Parlimen dan ADUN Barisan Nasional sahaja, Jabatan-jabatan

Persekutuan, JKKP dan parti-parti komponen BN sahaja. Ahli *focus* atau *the focus room* adalah Jabatan Pertanian, JKM dan LKIM, Jabatan Perangkaan sedang membuat semakan data dan terdapat lebih daripada 2,500 sehingga 3,000 nama yang sedang dalam senarai miskin dan miskin tegar.

Tarikh terakhir untuk pendaftaran adalah 30 Jun 2009, UPEN juga telah menyerahkan nama-nama data-data negeri senarai keluarga miskin tegar kepada ICU supaya dapat masuk dalam e-kasih dan di sini pada hari yang lepas nama yang telah diserahkan kepada saya. Ini saya telah menjawab atau hari itu telah menjawab, hendak jawab pun, tidak jawab pun, tidak mengapalah. Iaitu kata apabila menunjukkan kepada saya nama 26 nama itu seolah-olah mengapa saya telah bertanya kepada orang ini, saya belum dapat, akan tetapi yang tidak membuat semakan ini adalah siapa, adalah bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Penaga. Lepas itu saya kata daripada 26 nama ini ada kebanyakan yang telah melepasi iaitu berpendapatan melebihi PGK. Nama pertama RM800.00, nama ke dua RM800.00, nama ke tiga RM800.00 dan lain. Hanya 3 orang, tiga orang yang telah dapat bantuan, satu dapat, dia tidak bekerja, bantuan daripada JKM untuk OKU, adalah bantuan orang tua RM300.00 telah diberikan, adalah satu bantuan am iaitu Abdul Rahim bin Mohd. Zain dapat RM95.00. Itu semua telah diteliti dan juga saya dapat satu senarai..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan, tadi betul Y.B. tanya hendak menjawab atau tidak jawab, Y.B. tanya, saya pun nak bertanyalah. Okey senarai itu yang diberikan oleh e-kasih yang dibuat daripada 2007, 26 orang penerima, Y.B. juga mengatakan tadi bahawa *review* akan dibuat pada bulan Jun 2009, *now* e-kasih itu dibuat melalui cara profesional yang menggunakan prosedur, *of department statistic*, bukan cara kutip orang suruh pergi tanya-tanya bukan seperti itu ya. Dia ikut prosedur, *Department of statistic* ....(dengan izin), itu golongan profesional yang membuat dan ada prosedur yang tertentu, tidak mengapa kalau nama telah dapat 800, saya pun cukup seronok. Itu menandakan bahawa segala program yang diberikan kepada rakyat termiskin sudah *in roof*, sudah meningkat, sudah naik, dan pendapatan mereka lebih. Cumanya kalau boleh, tadi dia tidak tahu hendak bagi ataupun tidak, barang peralatan. Senarai yang saya berikan kepada Y.B. itu, Yang Berhormat telah semak, yang mengatakan siapa dapat 800, 800, 800 itu boleh beri semula, supaya saya juga hendak menyemak. Senarai 26 saya yang berikan kepada Yang Berhormat kata Yang Berhormat, *check* mereka dapat 800, 800, saya tidak tahu siapa mereka, boleh tidak Yang Berhormat berikan semula pendapatan mereka itu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Ini memang boleh.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, okey, boleh, sudah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kerana apa bila dapat maklumat daripada e-kasih ini, e-kasih memang ini *professionals*, dia buat ikut proses semua dan ini juga saya dapat daripada e-kasih dan e-kasih sedang membuat semakan, dan membuat semakan pada *collum* akhir sekali catatan, pendapatan yang lebih PGK, semua ada, mengapa apabila ambil dari e-kasih tidak mahu ambil keseluruhannya, ambil separuhnya, masuk ke Dewan, tunjuk seolah-olah saya telah cuai, seolah-olah ada orang ditinggalkan. E-kasih sini, di sini telah pada bulan Januari telah pun dibuat semakan iaitu mengatakan apabila Ahli Y.B. daripada Penaga membuat kenyataan ada 494 memang betul, dan mereka hanya mengutip maklumat sahaja dan belum habiskan dan maklumat ada ditunjukkan di sini apakah mereka layak supaya siap sedia untuk memberi dan apabila pada bulan Januari bila senarai ini dapat kelompok pada JKN supaya dibuat siasatan. Siasatan telah pun dibuat dan mengesahkan apa yang dibuat e-kasih apabila e-kasih menarik saya satu soalan tidak dapat dijawab dan pada 494 nama yang ada, hanya 22 yang menerima RM1.1 juta. Saya minta nama dan senarai tidak dapat, adakah ini E-kasih atau ini adalah pilih kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Kita sekarang berbahas mengenai dengan membantu rakyat termiskin, bukan kita cakap lain. Senarai itu bermula pada tahun 2007 kemudian ditapis sehingga bulan Jun ini. Bukankah kita semua ketahui jumlah miskin tegar ini *very freed* ...(dengan izin), Y.B. Tuan Speaker. Dia hari ini boleh jadi miskin, besok dia jadi miskin tegar, kemudian dia boleh jadi golongan berada dan sebagainya. Apatah lagi kilang-kilang yang sedang tutup dan banyak menganggur ini. Jumlah ini bukanlah satu jumlah yang statik, yang kekal yang mati. So kita selalu *update*. Hari ini dia dapat RM800,00 esok bapa dia mati maka habis. Daripada golongan berada terus jadi miskin. Jadi kalau yang sudah kita buat semakan bila telah keluar daripada kepompong miskin tegar itu, jangan bantu. Kalau yang masih dalam miskin tegar, kita bantu. Itu dia tetapi kita janganlah *declare* lagi oh sudah bebas, tiada sudah miskin tegar. Belum dan usaha buat, bagus tetapi jangan *claim* sudah isytihar kata semuanya telah beres dan selesai. Banyak lagi yang bukan sahaja pendapatan tetapi rumah itu dan ini. Yang Berhormat pun tahu. Janganlah kata ini tidak betul, semua tidak betul, tidak boleh. Kita minta kalau yang tidak cukup tambah dan kalau sudah dapat cukup, potong dan jangan beri.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Terima kasih kerana sudah beri penjelasan bagi pihak saya. Apabila beri kata dia *flow*, hari ini ada, kemungkinan besok tiada. Itulah telah menjawab pada tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh parti pembangkang sepanjang dua, tiga hari ini dalam Dewan yang mulia ini. Dia kata yang ada, besok kemungkinan telah jadi tiada. Itulah kalau faham itu, hari ini dalam Dewan yang mulia boleh buat

tuduhan-tuduhan kata seolah-olah saya hendak tipu atau apa-apa. Baiklah, soalan saya .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Berhormat, sedikit sahaja lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Boleh.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak cakap panjang-panjang. Saya cakap pendek *to drage* jawapan. Semua orang di sini tahu kedudukan miskin tegar *very freed*, semua orang tahu itu dan tidak perlu terang pun. Bukan bagi pihak Yang Berhormat saya menjawab tadi. Ini semua orang tahu cuma keadaan itu yang kita dalam proses ini melihat keadaan ingin membantu miskin tegar. Mana yang patut dapat bantuan, bantu dan yang mana telah lepas miskin tegar, tidak perlu dibantu. Itu *as simple as that*.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Terima kasih. *It is a simple as that. That is the reason why* Y.B. Tuan Speaker, *simple as that*. Apa yang tidak ada serupa adalah tunggu didaftar dan turun padang untuk berdaftar. Itu ada perbezaannya. Turun padang untuk berdaftar dan tunggu orang didaftar. Oleh yang demikian, saya ingin dapatlah kalau boleh tolonglah, kalau tidak tolong saya pun tidak paksalah kerana saya tahu Ahli Yang Berhormat dari Penaga juga terhad apabila hendak dapat maklumat daripada E-kasih. Kalau dia tidak terhad, dia sudah nampak yang ada atau tiada kerana terhad. Kalau boleh minta saya beri saya maklumat, tolonglah pada 22 keluarga yang dapat sejumlah RM1.1 juta untuk pembasmian miskin tegar itu iaitu daripada kata senarai 494, Kerajaan Pusat beri RM1.1 juta *to 22 families only*. Mengapa tidak semua akan tetapi had 22. Macam mana dia pilih, pilih kasih atau semakan. Ini saya tidak faham, kalau boleh tolong, tolonglah. Kalau tidak dapat tolong, saya pun ..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Nanti dahulu saya habis dahulu. Jangan susah hati.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Okey.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

laitu kata kalau boleh beri, berilah. Kalau tidak boleh beri, tidak perlu beri, jangan paksa diri kerana saya tahu Ahli Yang Berhormat daripada Penaga ini juga terhad.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Terima kasih, bila diberi saya bangun dan saya berucap. Saya sebenarnya yang dikatakan RM1.1 juta untuk 22 keluarga daripada mana *figure* itu, siapa yang pegang duit itu, saya tidak tahu. Siapa yang pegang duit RM1.1 juta. Secara jujur saya tidak tahu, siapa yang dapat duit itu.

Sekarang ini, bila Yang Berhormat kata kalau hendak tolong, tolonglah. Bila saya minta tadi senarai yang dapat bantuan dari segi wang ringgit, dari segi baiki rumah, dari segi peralatan sekolah, pakaian sekolah, yuran sekolah itu semua. Yang Berhormat jawab ke situ ke sini, macam mana saya hendak tolong. Kalau Yang Berhormat beri kepada saya siapakah yang dalam KADUN Penaga itu yang telah mendapat barang-barang ini, saya akan *respon* balik kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak kata *yes* atau tidak atau *no* atau tidak. Itu sahaja. Sebab itulah saya kata *as simple as that*. Kalau hendak minta tolong, katalah perlu tolong, saya tolong. Kalau ia beri itu, saya boleh beri *respon* itu balik. Itu sahaja, terima kasih.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Sungai Puyu mungkin ada tiga minit lagi. Kita akan berhenti rehat dan selepas itu boleh disambung semula.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Di sini saya janji akan beri senarai pada penerima bantuan daripada JKM dan KADUN Penaga. Di sini saya juga difahamkan bahawa satu dapat janji daripada Ahli Yang Berhormat yang akan beri nama 22 keluarga yang dapat RM1.1 juta daripada Kerajaan Pusat.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sekejap, sekejap, saya tidak janji. Bila saya kata saya janji hendak beri nama RM1.1 juta daripada 22 nama itu, bila. Saya tidak sebut ini. ADUN-ADUN

semua ada, pegawai ada, boleh *check*. Saya kata, saya tidak tahu siapa yang dapat, siapa yang pegang duit itu. *Common man*, jangan *put word itu my mouth* ....(dengan izin), *sorry*. Yang saya janji, *you* beri senarai apa yang kerajaan negeri beri bantuan itu dan saya akan bantu *check* betul mereka ini sudah dapat, sudah layak dapat dan patut berhenti dan sebagainya. Jangan berilah JKM, itu JKM, *state* 20% dan 80% daripada kerajaan *federal*. Saya kata ini yang *state* punya.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

*Federal* pun warga Malaysia, negeri pun warga Malaysia. Cukai pun semua kutip pergi sana. Itulah susah. Baiklah Y.B. Tuan Speaker, saya cakap bahawa saya akan beri dan akan janji akan tetapi dia hanya cuba tolong menolong kalau boleh beri nama 22 kerana ada tersingkat atau terhad, dia punya saluran.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak tahu yang itu, saya pun tidak mengatakan ....(dengan izin), saya tidak kata saya tahu. Saya tadi bertanya siapa yang pegang duit itu RM1.1 juta pun saya tidak tahu cuba macam mana mahu kata saya. Jangan Y.A.B. Ketua Menteri tarik muka macam itu. Saya tidak mengatakan yang saya tahu. Saya kata saya tidak tahu. *You* hendak kata saya tahu beri dekat nama, saya tidak tahu.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan sambung selepas waktu rehat. Dewan akan ditangguhkan dan akan disambung semula pada pukul 2.30 petang ini.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.30 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.***

**Y.B. Tuan Speaker:**

Dewan bersidang semula. Saya minta Y.B. Sungai Puyu untuk menyambung semula penggulungan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Y.B. Pulau Betong telah membangkitkan satu soalan bantuan mengikut jenis bantuan dan jumlah penerima 2008 sehingga Mac 2009. Mengikut rekod yang ada bahawanya pada 1 Februari

2008 sehingga 2009 jumlah penerima bantuan dan 9349 kes dan jumlah yang di belanja yang disalurkan dan diagihkan untuk bantuan adalah RM25,425,680. Pada 1 Januari 2009 sehingga 28 Februari 2009 berjumlah adalah 9895 kes dan jumlah yang telah di belanja adalah RM2,425,680.00. Ini bermakna pada tahun 2007, bulan Februari jumlah penerima adalah 7,189 orang. Dari Februari 2009 adalah 9,001 orang. Ini ada satu peningkatan 1,814 kes. Sungai Dua tidak ada di sini. Y.B. Tuan Speaker, saya akan jawab apabila dia masuk.

Saya pergi ke kesihatan dahulu. Masalah kesihatan dibangkitkan oleh Y.B. Permatang Pasir, berkenaan dengan x-ray iaitu di Unit Pengimejan Diagnostik, Hospital Bukit Mertajam terdapat tujuh orang Juru x-ray iaitu empat orang Juru x-ray wanita dan tiga orang Juru x-ray lelaki. Di samping itu terdapat seorang Pembantu Perawatan Kesihatan Wanita dan tiga orang Pembantu Perawatan Kesihatan lelaki.

Dengan itu pada waktu pejabat, terdapat Juru x-ray Wanita yang mencukupi. Walau bagaimanapun, pada waktu selepas pejabat, hanya terdapat seorang Juru x-ray yang bertugas atas panggilan (*on-call*) bersama seorang Pembantu Perawatan Kesihatan. Sekiranya petugas atas panggilan adalah lelaki, seorang anggota kesihatan wanita seperti Jururawat atau Pembantu Perawatan Kesihatan Wanita akan turut dipanggil sebagai pengiring untuk menjalani pemeriksaan ke atas pesakit wanita. Ada ambil kira juga, kalau wanita ada pengiring wanita, lelaki ada pengiring lelaki. Itu jangan bimbang. Ini semua akan diuruskan.

Y.B. Tuan Speaker, berkenaan dengan satu dasar Kerajaan Pusat selalunya kita ada menyatakan apa dasar yang bagus selalunya disokong dengan penuh walaupun ini adalah satu dasar negeri atau pun pusat. Bagus sokong, tidak bagus apa nak kata. Mesti dipertingkatkan. Satu program TAK NAK. TAK NAK adalah satu program di mana kehendak bahawanya diambil kira masalah gejala sosial hari ini. Pada hari ini ada nampak banyak masalah-masalah di masyarakat, ada banyak remaja-remaja yang begitu muda, hisap rokok sana, hisap rokok sini. Itu memang tidak bagus. Dan telah dibuktikan mereka mula daripada rokok. Selepas merokok mereka naik satu peningkatan seperti ganja. Dan selepas itu ada yang kaya dia ada *stimulant pills* atau pil-pil tertentu. Amat berdukacita pada hari ini budak-budak sekolah terlibat diri dalam hisap gam. Dan saya percaya ahli-ahli pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini sekarang tinggal dua sahaja, adakah anda nafi bahawa adakah kita harus bersatu hati membanteras masalah ini iaitu hisap gam.

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Sebenarnya kalau Y.B. Sungai Puyu boleh ingat dalam Dewan yang mulia ini saya bercakap perkara yang sama, orang hisap rokok, gam dan sebagainya. Yang tidak ada peruntukan untuk tangkap budak hisap gam dan sekarang pula boleh guna Undang-undang Akta Racun dan sebagainya. Benda baik kita buatlah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Sila nasihat kepada Ketua Pembangkang kerana dia tidak sokong. Dia tidak sokong kerana apabila saya mengumumkan bahawa *Penang Smoke Free*. Apabila saya umumkan *Penang Smoke Free* itulah langkah yang boleh dibuat supaya Pemimpin Melalui Teladan kerana hari ini semua ibu bapa adalah idle kepada anak-anak di keluarganya. Seorang pemimpin memang ada seorang yang ideal pengikutnya. Kalau dia hisap rokok semua ikut hisap rokok. Hisap rokok itu bagus tak bagus saya tak tahu. Inilah yang dinamakan Pemimpin Melalui Teladan. Saya amat dukacita dan sakit hati adalah bila diumumkan kalau tak mahu sokong senyaplah janganlah buat kenyataan, kenyataan seperti bahawanya walaupun ada undang-undang tertentu di mana memiliki dadah lebih berapa *percent* dihukum mati orang tak takut. Apakah denda RM500.00? *Most uncall for, most uncall for* kerana Pejabat Kesihatan tiap-tiap tahun belanja berjuta-juta ringgit kesedaran dalam TV supaya minta orang tak kan tak kesian pada Pak Lah. Pak Lah pada tahun 2004 setelah pilihan raya diumumkan hendaklah mempertingkatkan satu masyarakat yang sihat, minta orang elak tak usah hisap rokok, kalau tak salah tanya pemberita di perhimpunan UMNO semua hisap rokok dalam bilik *air-cond*, dewan betul dak. Ada nak nafi dak. Seberang Jaya nak minta penjelasan dak. Tak mahu duduklah.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya tak hisap rokok, tengok rambut saya putih macam Sungai Puyu juga.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Apa yang saya kata Pak Lah adalah seorang pemimpin UMNO. Pak Lah juga adalah seorang Perdana Menteri. Walaupun Pak Lah yang dok umumkan jangan hisap rokok...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Peraturan. Bercakap berkenaan seseorang yang tidak ada di dalam Dewan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kalau memburukkan nama dia, peraturan. Kalau puji sama dia macam mana ucap terima kasih, tahniah kepada Tuan Yang Terutama. itu tidak ada peraturanlah. Faham dak. Jabatan Kesihatan habis juta-juta kempen kesedaran jangan hisap rokok, bila perhimpunan UMNO dia keluar semua hisap rokok. Nak nafikah, tak apa *you* tak hisap.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**



Penjelasan. Jadi oleh kerana Ahli Sungai Puyu begitu prihatin berkenaan dengan amalan melarang hisap rokok, pimpinan melalui teladan juga bolehkah kerajaan negeri mengharamkan semua iklan-iklan yang berkaitan dengan rokok di seluruh Negeri Pulau Pinang, 100% kepimpinan melalui teladan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Bagus. Memimpin melalui teladan ini adalah Kerajaan Pusat, bapak *you* punya. Kelmarin dalam Dewan, nak minta apa minta pada bapak minta baik-baik. Kalau bapak *you* punya pergi haramkan semua.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Kuasa kerajaan tempatan sama ada nak bagi kebenaran buat *bill board* kelulusan iklan rokok atau tidak itu kerajaan tempatan. Tidak payah nak minta kepada bapa. La ini anak dah kahwin, dah jadi bapa jaga anak sendiri.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Inilah seorang yang melepasi zaman di mana beliau ada satu *advertisement* merokok. Tadi saya sudah dengar dia *man on the ground*. Tetapi dia *ground* mana, *under ground*. Kesian, kesian, mungkin dalam *basement*.

Y.B. Tuan Speaker, tujuan kesihatan dan mobility kebangsaan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2006 menunjukkan *acute* dewasa dan remaja, perokok pasif dan remaja agak membimbangkan. Di sini tinjauan, yang sama turut menganggarkan sejumlah 2.8 juta perokok di Malaysia membazirkan sebanyak RM10 juta sehari di mana di Pulau Pinang kehendak tidak lebih RM3 juta untuk membasmi miskin tegar di Pulau Pinang tetapi ini satu hari boleh membazirkan RM10 juta. *Whereas* ....(dengan izin), Y.B. Speaker, saya hanya perlu berapa, RM3 juta satu tahun, kerana satu bulan saya belanja RM213,385.00. Oleh yang demikian saya merayulah Ahli Y.B. Seberang Jaya, mintalah tolong nasihat kepada kawan yang hisap rokok terutama barisan pembangkang janganlah kerana jimat kewangan itu boleh serah kepada orang miskin. Objektif untuk mewujudkan Penang bebas asap rokok adalah demi melindungi hak golongan majoriti bukan perokok di mana ancaman dan pencemaran udara oleh asap rokok basi galakkan amalan cara hidup sihat dan tidak merokok di kalangan masyarakat Pulau Pinang. Menggalakkan para perokok untuk henti merokok. Sesiapa yang ingin berhenti merokok, saya memang boleh buat *recommendation* untuk ....

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Tadi Sungai Puyu suruh saya nasihat ketua pembangkang jangan hisap rokok, sekarang orangnya ada cakap teruslah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, saya memang tahu Ahli Y.B. Penaga, Ketua Pembangkang baru masuk. Tadi tak masuk, Y.B. Seberang Jaya senyap macam tikus, takut. Bila dia punya bos mari, dia garang, tunjuk apa ni.

Y.B. Tuan Speaker, Pejabat Kesihatan memang ada program-program tertentu untuk tolong menolong sesiapa yang kehendak dirawat jangan merokok, *free of charge*, percuma. Percuma, program ini ada tiga bulan. Dia bagi ubat perubatan dan ada bilik-bilik tertentu supaya jangan jatuh maruah sesiapa boleh pergi sana. *And it is free of charge*. Saya merayu sebelum terlambat. Ingatlah kepada keluarga.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Minta laluan. Itulah yang saya berkenaan dengan dia. Kalau saya bercakap dia bagi. Sebelum terlambat, saya ingat kalau dulu kalau Yang Berhormat cakap masa muda-muda saya dulu tak apalah. Saya bukanlah membantah tentang larangan. Kalau dalam kawasan ini tidak boleh merokok, saya tidak merokok. Di luar pun saya tidak merokok. Saya pergilah tang ceruk mana dunia saya merokoklah. Jadi itu hak individu Yang Berhormat. Dia merokok dia nak sakit, kalau kata nak merokok dia nak buat undang-undang, orang bukan takut pasal undang-undang. Saya tidak membela orang merokok, saya tahu merokok itu membahayakan kesihatan tapi kalau seseorang itu kalau merokok sampai 40 tahun lebih jadi buat undang-undang apa pun dia hisap juga. Terpulang kepada dialah. Dia nak mati ke, dia nak hidup ke cumanya ialah paksaan. Paksaan melalui undang-undang seperti penagih dadah ataupun pengedar dadah, hukumannya mati, masih lagi orang bawa. Perogol kena 20 tahun 6 sebatan, dia buat juga kerja itu. Nasihat, pandangan yang mahu diikuti itu okey. Bantuan yes, tapi kalau nak buat undang-undang paksaan, dalam dunia ini kalau tidak orang tidak perlu buat jel. Bagi orang Islam dan yang menganut agama masing-masing, di akhirat mungkin kena balasan, orang tidak takut juga. Nak buat merokok, nak melarang merokok *by all means*, nasihat bagus, beri bantuan bagus. Terpulanglah, dia nak hisap rokok dia tak mahu dia punyai pasallah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Itulah yang dikatakan kesedaran, pendidikan. Bila saya buat rayuan bahawa semua pemimpin-pemimpin utama di negeri khususnya Wakil-wakil Rakyat untuk elakkan merokok di Dewan, di kawasan Dewan supaya menjadi pemimpin melalui teladan. Kalau nak merokok, saya tahu 40 tahun sikap tak dapat diubah. ....(dengan izin), Y.B. Speaker dalam bahasa Cina ....(bahasa Cina) saya cakap, sikap tidak boleh tukarlah. Tetapi kalau seorang yang ada keyakinan dalam dirinya sendiri, dengan bantuan kawan seperti saya yang akan *recommend* pergi hospital dapat rawatan, memang boleh. Saya minta ada

keyakinan kepada diri sendiri sahaja, saya akan tolong menolong kerana walaupun lawan di dalam Dewan, di luar kawan juga. Betul dak.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak pernah menganggap mana-mana Ahli Yang Berhormat ini musuh saya. Selalu saya dengan dia, *pairing partner*, sejak tahun 90 dulu. Gaduh bagai nak rak, cuma dalam Dewan. Kawan tetap kawan, lawan tetap berlawan. Sebagai contoh apabila berlaku kebakaran atau banjir dia akan telefon saya. Yang Berhormat, ada kebakaran di kawasan Yang Berhormat dia bagi tahu. Saya juga, *you* ada pokok ni ke *you* hantar kepada saya, pokok untuk ubat. Dia hantar pergi rumah saya. Jadi jangan peduli itu, cumanya nasihat dia bagi pandangan dia itu terpulang kepada individu nak ikut atau tak mahu ikut. Untuk ADUN-ADUN yang baru-baru ini bila keluar tengok muka pusing, tak baiklah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Speaker, selaras dengan Peraturan 6 (a) (i) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya pohon masa persidangan pada hari ini 23 April 2009 dilanjutkan hingga pukul 6.30 petang.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ada sokongan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya mohon menyokong.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6 (a) (i) untuk melanjutkan tempoh persidangan pada hari ini 23 April 2009 dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang terhormat, yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Ahli-ahli Pembangkang:**

"Tidak."

**Y.B. Tuan Speaker:**

“Ya.” Lebih banyak. Usul dipersetujui. Y.B. Sungai Puyu akan terus menyambung, saya harap dapat diringkaskan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Pejabat Kesihatan Daerah telah mempunyai 7 tempat untuk sesiapa yang ingin mendapatkan rawatan untuk berhenti merokok iaitu di Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan, Hospital Pulau Pinang dan Seberang Jaya. Oleh yang demikian, saya merayu kepada kawan-kawan saya jika ada sesiapa ingin untuk mendapatkan rawatan sila jumpa saya dan jika tidak ingin berjumpa saya, tidak mengapa, saya tiada halangan, terus ke sana untuk mendapatkan rawatan.

Y.B. Sungai Dua, tidak jawab padanya tidak bolehlah, sebelum Sungai Dua saya nampak Y.B. Sungai Acheh. Dalam ucapannya kelmarin Y.B. Sungai Acheh ada meminta kepada saya bahawa satu pecahan penerima melalui bangsa dan kefahaman politik. Saya minta maaf, pecahan mengikut bangsa ada, pecahan mengikut kefahaman politik tidak ada kerana sepanjang pentadbiran kerajaan PR tidak ada sekalipun yang mengambil kira bangsa, agama ataupun kefahaman politik. Oleh itu saya tidak ingin menjawab dalam *hansard* ini. Bagaimana hendak minta semua orang bersatu, satu keluarga, datang sini hendak minta satu pecahan kefahaman politik. Jangan macam itu, ada masa untuk politik, khasnya untuk kerja amal seperti membasmi miskin tegar, jangan melibatkan politik. Oleh demikian, saya boleh tunjuk satu bukti begitu banyak dalam kawasan UMNO yang menyokong sepenuhnya, khasnya dan dari wakil UMNO yang tertinggi sekali adalah dari Sungai Dua. Y.B. Sungai Dua ada memberi saya satu senarai.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Minta laluan. Saya cuma minta hak sebagai Ahli Dewan cuma ingin tahu supaya saya dapat menceritakan bahawa Pakatan Rakyat tidak berkefahaman politik, kalau tidak ada bagaimana saya hendak jelaskan, itu sahaja maksud saya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Ariff Shah bin Omar Shah):**

Kadang-kadang lebih baik kita berbaik sangka bermakna kalau ditanya tentang kefahaman politik, bangsa atau agama, kita hendak tahu juga mungkin bangsa kita yang beragama Islam mungkin teruk sangat, jadi kita boleh nasihat melalui imam-imam surau dan masjid, kalau ada pecahan sebegitu ia membantu juga kita. Kita hendak membetulkan diri kita sendiri, kalau ada maklumat. Jika kita lihat ianya ada terlampau banyak bermakna *something has to be done*, kalau cuma sedikit sahaja, mungkin kita perlu bisik-bisik sahaja.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Ini adalah orang yang bercakap melalui pengalaman, pengalaman apabila membuat apa-apa mesti mengikut kefahaman politik, tidak boleh bercerai daripada politik, rela cerai bini tidak rela cerai dari politik dalam kerja amal. Saya rasa kasihan.

Di sini kita lihat, Y.B. Sungai Dua, di mana apabila diedarkan satu senarai katanya senarai e-kasih, di Sungai Dua memang ada 27 orang, daripada 27 orang ini, 15 telah mendapat pendapatan yang lebih, PGK, 9 telah menerima bantuan orang tua dan baki 3 adalah mendapat bantuan am. Semua ada dan ini bukan dari rekod saya, akan tetapi rekod dari e-kasih. Apabila *download* dari e-kasih atau dapat maklumat, sila ambil maklumat yang penuh, jangan datang ke sini dan kata saya tidak tahu dan kata mereka cuba mislead dalam Dewan ini.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan. Saya pun tidak kata, saya kata ini senarai e-kasih, ada sekian-sekian orang, apa yang saya pertikaian kenapa ada senarai baru yang ditambah, yang ditambah dalam senarai baru tetapi dalam senarai baru itu tidak ada dalam senarai, itu yang saya minta. Kenapa senarai ini diketepikan dan senarai baru dikeluarkan melebihi pula, dekat 72 orang, itu yang saya tanya.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Memang dalam senarai e-kasih ada 27 orang dari KADUN Sg. Puyu, akan tetapi bila turun padang di KADUN Sg. Dua terdapat 71 orang yang mendapat bantuan miskin tegar. Ini membuktikan bahawa bagaimana kita bekerja keras di sana, memang bukan angkat diri kerana saya memang tahu ada masalah di e-kasih di mana e-kasih adalah pilih kasih. Tadi sebelum kita rehat untuk makan tengah hari Ketua Pembangkang tidak dapat memberi maklumat lebih lanjut berkenaan dengan 22 keluarga yang mendapat RM1.1 juta itu, saya ingin membuat rayuan sesiapa daripada Barisan Nasional atau dari parti pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini boleh menolong saya untuk mendapatkan nama 22 keluarga tersebut. Siapa yang boleh tolong? Jika mereka telah menerima seorang RM50,000 seperti itu, saya boleh keluarkan nama mereka daripada senarai miskin tegar supaya kewangan ini dapat diagihkan kepada orang lain. Saya minta mereka daripada ADUN UMNO yang boleh menolong dalam hal ini kerana ini telah diumumkan dalam surat khabar oleh siapa? Saya tidak mahu sebut nama kerana ini ada dalam peraturan. Tetapi daripada seorang pemimpin UMNO yang membuat satu kenyataan berkenaan dengan senarai 494 ini dan mengumumkan bahawa agihan telah dibuat sebanyak RM1.1 juta kepada 22 keluarga miskin tegar.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan. Saya ingat Y.B. Sungai Puyu sebagai seorang Ahli EXCO yang menjaga hal-ehwal kebajikan boleh menulis surat secara rasmi kepada

ICU, Jabatan Perdana Menteri dan minta senarai berdasarkan kepada laporan. Itu adalah tanggungjawab Yang Berhormat, kenapa hendak minta dekat kami, kami pun tak tahu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Ya, saya telah tulis surat. Jangan tunggu lama-lama, dia dibawa lari orang, ini RM1.1 juta. Ya, *follow up*, ini membuktikan bahawa di Pulau Pinang juga pemimpin-pemimpin UMNO tidak tahu kepada siapakah kewangan ini disalurkan.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Tuan Speaker, tadi sudah diperjelaskan, saya sendiri tidak tahu, dia ungkit-ungkit dan ulang-ulang macam rekod buruk, dia ulang balik. Bahkan tadi dia tidak sebut nama siapa yang membuat pengumuman, kalau Menteri yang buat pengumuman, sila bawa ke Parlimen, itulah caranya untuk dapatkan jawapan. Kalau *you* asyik tanya kami sendiri tidak tahu, kami hendak bagi jawapan apa? Janganlah suka membuang masa ulang-ulang dari masa sebelum makan sehingga sekarang itu juga yang dia tanya. Dia kata tidak mahu sebut nama, saya pun tidak tanya siapa yang dia berucap, siapa yang buat *statement*, saya pun tidak baca surat khabar hari-hari. Saya tidak tahu dan sudah mengaku tidak tahu, dia masih ulang, cukuplah, janganlah jadi macam rekod buruk, ulang-ulang balik benda yang sama, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Sama-sama. Semua orang di dalam Dewan ini tahu bahawa mereka tidak tahu, mereka tidak tahu siapa yang menerima sebanyak RM1.1 juta yang telah diumumkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Yang g terlibat dengan e-kasih, ini membuktikan pilih kasih, dalam menyelesaikan masalah kemiskinan dalam miskin tegar tidak boleh pilih kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato Haji Azhar bin Ibrahim):**

Y.B. Tuan Speaker, sekali lagi saya katakan kalau ini *federal matter*, yang diumumkan oleh Menteri atau kementerian, sila rujuk ke sana, tidak reti lagi kah? Sudahlah pagi tadi ADUN-ADUN cakap tentang *federal matter* yang sepatutnya dibangkitkan dalam Parlimen, ADUN yang sudah 3 penggal dan jadi EXCO pula, masih ulang benda yang sama. Tadi saya menyesal, Yang amat Berhormat, sepatutnya sudah habis pukul 5.00 ini yang jadi sampai pukul 6.30 petang. Benda yang sama diulang-ulang, 100 kali kita bercakap dia buat tak faham. Kalau budak kecil, tak tahulah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Saya rasa amat kasihan kerana di mana ada ketelusan, di mana ada amanah. Ini adalah untuk Negeri Pulau Pinang, untuk warga Pulau Pinang, untuk orang miskin. Kalau kewangan itu hilang, saya sebagai orang yang bertanggungjawab harus mencari dan mengetahui supaya orang yang tersilap mengambil duit itu minta dikembalikan wang itu demi untuk menolong orang miskin.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ini saja hendak bertengkar, tak amanah. Macam mana boleh tuduh orang tidak amanah, tidak jujur, dalam hati seseorang, adakah boleh mengikut peraturan persidangan mesyuarat ini, kita menuduh orang tidak amanah, tidak jujur dan berniat tidak baik. Bila kita sudah kata tidak tahu ertinya kita tidak tahu. Bahaslah secara kita sama-sama pemimpin, bila diberitahu kita tidak tahu, dia mendesak hendak tahu juga. Buat apa saya hendak bohong kalau saya tahu, kalau saya tahu saya pun boleh rekomen supaya jangan bagi RM1 juta ini kepada orang ini. Pergi tanya di parlimen, banyak wakil kita di sana, Bagan Jermal ada, Perai ada, Padang Kota dan Yang Amat Berhormat sendiri, bangkitkan di Parlimen, mesti Menteri berkenaan akan menjawab.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Terima kasih. Y.B. Sungai Puyu boleh teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, kadang-kadang tidak masuk akal, beliau tidak faham, saya cuba bagi dia faham, supaya kalau tidak tahu, ambil tahu, itu penting, kalau tidak tahu, mesti ambil tahu, kerana semua bertanggungjawab. Saya tidak tuduh bahawa dia tidak ada hak, dia tidak amanah, tidak, saya kata kejadian ini kerana tidak ada ketelusan, tidak amanah, supaya mereka ...(gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

*Message* telah sampai, biar Sungai Puyu habiskan. Teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Saya buat satu rayuan sahaja Y.B. Tuan Speaker, dengan ini saya merayu kepada pemimpin-pemimpin UMNO di Negeri Pulau Pinang. Saya merayu dan meminta, mintalah ambil perhatian peristiwa ini kerana ini kewangan, kalau tidak tahu mintalah ambil tahu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, Y.B. Sungai Puyu hendak minta kami semua bagi maklumat. Kami tidak ada, tetapi kalau minta maklumat berkenaan kawasan saya, saya boleh beri maklum daripada 26 buah rumah yang terlibat 13 rumah telah pun dibaiki dan ada yang dibina baru. Baru ini melibatkan kewangan itu, mungkinlah, itu kawasan saya, saya tahulah. Kawasan Yang Berhormat lain, Yang Berhormat lain tahu kawasan dia, tetapi bagi satu negeri, kami tidak tahu, jadi janganlah Yang Berhormat paksa-paksa.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Baiklah, kalau tidak mahu tolong, saya sendiri pergi carilah, kerana saya tahu *you* orang tidak berani ambil tahu, atau tidak mahu ambil tahu, yang itu saya tidak mahu ambil tahu, tidak mahu ambil tahu, begitu cukup. Isu ini sudah habis.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Isu ini lagi. Yang Berhormat kata tadi saja tidak mahu ambil tahu, kita juga hendak tahu, sebab itu secara rasminya, saya minta sangat Ahli Parlimen yang ada di sini kemukakan dalam Parlimen, jawapan itu adalah dijawab dengan rasmi, itu. Berkali-kali kata empat, lima orang Yang Berhormat yang ada di sini, kerana itu *statement* yang dibuat oleh kementerian. Bukan sahaja secara jawab kerana kita tidak tahu, dia duk pusing kot situ juga. Sudahlah Y.B. letih. *Argue* dengan benda yang sama saja.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kerana RM1.1 milion itu duit banyak.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Sebab itu saya kata bagi memendekkan bagi Ahli Parlimen tanya di persidangan Parlimen, dia akan jawab.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Bila hendak minta, kena minta semua pihak, kemungkinan *you* tahu, saya tidak tahu, *you* tidak tahu. Dan saya tahu *you* hendak ambil tahu, dan saya tahu juga *you* tidak mahu ambil tahu, saya tahu.



**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, saya tidak kata saya tidak mahu ambil tahu, saya kata saya tahu kawasan saya. Kawasan lain orang lain tahulah. Yang tidak mahu tahu Ahli Kawasan Sungai Puyu, dia hendak minta dekat orang, dia tidak mahu ambil tahu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Apakah terjadi kepada RM1.1 milion.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Cukuplah setakat ini, tajuk lain pula.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Atas nasihat Y.B. Tuan Speaker, saya juga hendak bagi tahu pada Y.B. Sungai Dua yang ingin tahu semua jumlah di Tasek Gelugor, melalui e-kasih ini, dia ada bagi saya 104 orang nama. Di sini saya hendak tahu daripada 104, 69 adalah pendapatan yang melebihi PGK, 34 telah dapat bantuan am dan 11 nya sudah dapat bantuan orang tua. Ini sejumlah 104 dan maklumat ini sudah dapat daripada e-kasih. Kalau saya kata pilih kasih dia lagi naik marah, saya tidak mahu.

Y.B. Tuan Speaker, berkenaan dengan Alam Sekitar, yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Lepas. Memang saya akan siasat. Kalau satu tahun yang lepas telah terlepas pandang, saya minta maaf kerana pada tahun yang lepas saya percayakan kepada Barisan Nasional apabila di Dewan Yang Mulia ini bertanya dengan soalan ini berkenaan dengan *seaweed mining* termasuk buangan selut di mana di Pantai Kerachut dicemarkan juga untuk *Gurney Drive*, di sini telah terjadi sehingga sengap-sengap bulan tujuh 2007 baru *impose a band on PPC* yang disyaki terlibat diri. Betul tidak? Oleh yang demikian kalau bagi saya jaminan kalau letak peralatan ini, peralatan ini, tidak akan tercemar semua. *Its come from you I take in good faith*. So, saya akan siasat, jangan bimbang, saya juga merayu kepada semua Ahli Yang Berhormat termasuk daripada Barisan Pembangkang, alam sekitar adalah tanggungjawab kita semua. Saya ada satu program, hari ini saya jemput dengan secara rasmi semua KADUN kena terlibat diri untuk perhatian alam sekitar. Dan satu program yang akan ada daripada 15hb. Ogos di mana ada satu membuang *EM Mud ball* dalam semua-semua perparitan, kotor dan sungai. Saya berharap bahawasanya semua ADUN di KADUN sendiri wujudkan satu *resource centre* buat satu *EM Mud ball* galakan semua orang perhatian kepada alam sekitar. Jika sesiapa khususnya daripada Barisan Nasional dan Barisan Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini, ingin dapat lebih pengetahuan yang selanjut, saya rela turun padang atau hantar pegawai supaya mereka dapat wujudkan satu *resource centre*. Boleh tidak, saya percaya bolehlah.

Kalau Ketua Pembangkang beri arahan, semua mesti ikut, saya merayu kepada Ketua Pembangkang, mari kita semua bersatu hati, bertanggungjawab kepada alam sekitar. *In respect of the earth day* boleh tidak, daripada segi keselamatan saya juga merayu bahawa mintalah Kerajaan Pusat khasnya melalui Jabatan Perpaduan janganlah lagi main politik. Mintalah semua bersatulah dipanggilkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri iaitu kata Datuk Seri Najib, satu Malaysia, janganlah dia berpuak-puak kerana daripada segi keselamatan perondaan, satu tahun tidak dapat bergerak di sini khasnya Rukun Tetangga apa terjadi, telah bagi nasihat bukan arahan secara lisan jangan bagi kerjasama kepada kerajaan negeri. Saya pada bulan Mac, Y.B. Tuan Speaker, saya duk minta, minta, minta mereka hadir supaya dapat mengisi kefahaman macam mana buat rondaan SRS, Skim Rondaan Sukarela. Kerajaan negeri telah siapkan peruntukan sebanyak RM1 juta supaya macam mana hendak buat tetapi tidak ada orang kata *feed back* kerana mereka rasa takut dan bimbang. Daripada hari itu ada, bila saya kata mari, hanya segelintir yang mari, polis ada, Pegawai Perpaduan tidak ada, UPEN panggil baru 2 orang, 45 minit selepas kemudian baru mari dan di sana saya buat rayuan, saya minta sokong dan mereka berpegang kepada hati mereka dan mereka mengatakan bahawa Yang Berhormat bukan kami tidak mahu beri kerjasama, tetapi dapat arahan jangan keluar rondaan. Saya tanya kepada pegawai di Jabatan Perpaduan, betul, dia kata sekarang Pulau Pinang adalah kerajaan tidak serupa dengan pusat, kemungkinan perundangan tidak serupa. Saya cakap tidak apalah, jangan kata kemungkinan, apa yang terjadi, jadi sudah lepaslah, mari kita semua bersatu hati, untuk menjaga keselamatan taman, buat perondaan, ini saya minta. Kalau boleh nasihatkan kepada *you* punya bapa.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Bapa saya sudah mati.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kalau sudah mati *you take over*.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Yang Berhormat kata apa?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kalau bapa sudah mati, iaitu apabila kata Kerajaan Pusat yang menganggap Kerajaan Pusat sebagai bapa.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya punya bapa sudah mati, *you* jangan main-main macam itu. *You* kata nasihat kepada bapa, kata Kerajaan Pusat, Pemimpin Pusat, tidak apa, jangan main-main sama saya punya bapa, ini menimbulkan kemarahan. Bapa saya sudah mati, kawan-kawan tetapi ini boleh jadi lawan. Okey, *you* tidak menghormati bapa saya.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Bukan macam ini.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*You* kata perkataan bapa tadi. Yang Berhormat apa, dia bercakap pasal bapa.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kerana saya kata di Dalam Dewan Yang Mulia ini. Adakah mereka katakan ini bapa.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ini *you* kata pi tanya bapa, *you* jangan main-main.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

*You* jangan main-main juga.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

*You* jangan kurang ajar. Saya sanggup bergaduh.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Kita hentikan setakat, ini. Rujuk kepada Kerajaan Pusat, jangan gunakan perkataan bapa, tadi ada silap faham.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya cuba *control* dari *first time* dulu saya tidak pernah tunjuk marah. Tetapi jangan sampai ada batasan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, bagi saya peluang buat satu penjelasan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Jangan sentuh tentang bapa, kita terus kepada penjelasan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kerana kenapa bapa di timbul kerana mereka kata Kerajaan Pusat adalah bapa kalau hendak minta ini, anak hendak minta, minta kepada bapa.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Kerajaan Pusat jangan duk sebut macam itu. Dia masih lagi berdegil. Katalah Kerajaan Pusat, Pemimpin Pusat. *Saya all this while* duk cakap member Parlimen, cakap di Parlimen dan sebagainya. *You* jangan gatal-gatal.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Kita sentuh tadi pun bahawa menganggap Kerajaan Pusat sebagai bapa.

**Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tidak ada siapa pun sentuh, tidak ada seorang pun dalam istilah. Gunakan itu. Jangan biadab tidak tentu hala.

**Y.B. Speaker:**

Kita berhenti setakat ini. Y.B. duduk. Cukuplah. Saya berhenti di sini. Sila duduk. Saya dengar dua-dua tadi. Tadi mungkin Y.B. Penaga tidak ada di sini, tadi cakap tentang macam bapa angkat Pusat dan kerajaan negeri. Jadi saya hendak berhenti di sini, Y.B. Penaga, Y.B. Sungai Puyu sila teruskan, dan sekarang telah hampir 2 jam, jadi kalau ada ayat yang hendak ditambahkan dalam 2 atau 3 ayat boleh.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanivara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Peraturan, Y.B. Tuan Speaker, perkataan Ketua Pembangkang 'kurang ajar' di tarik balik, tidak boleh dibenarkan. Perkataan tidak boleh, saya bercakap tentang peraturan.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Tadi saya sudah berhenti di sini. Tadi isu silap faham itu sudah jadi sensitif. Jadi saya sudah kata berhenti, terima kasih. Cuba rumuskan sekali lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, saya ada merayu bahawa apabila terlibat orang ramai jangan main politik. Seperti dalam Ahad yang lepas iaitu 19 April, di mana saya pada bulan Mac ada menghantar surat kepada sekolah-sekolah minta sekolah-sekolah mengambil bahagian dalam satu kesedaran berkenaan dengan alam sekitar. Tetapi apa yang terjadi, tidak tahu, apa yang terjadi sekolah-sekolah tidak menerima surat itu walaupun telah dihantar keluar. Selepas itu melalui *press*, selepas itu telah melalui panggilan telefon minta hantar wakil, kerana harapan kita semua adalah budak-budak sekolah supaya mereka faham alam sekitar kerana mereka pada kemudian hari akan menjadi pemimpin masyarakat, pemimpin negara, boleh dikatakan adalah penting untuk cukup mereka hadir, mereka tidak berani hadir kerana ada yang. Kalau hendak jemput mintalah janganlah pada kami, minta daripada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), supaya dia bagi arahan terus kami bagi. Janganlah? Janganlah sesekali main politik tentang ini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahya):**

Y.B. Tuan Speaker, penjelasan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Saya tidak bagi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahya):**

Penjelasan. Saya rasa yang ini adil JPN dia adalah merupakan merupakan institusi yang mengawal perjalanan pentadbiran sekolah. Kami.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Saya tidak bagi.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahya):**

Kami sendiri pun hendak minta untuk apa-apa program sekolah juga melalui JPN.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Y.B. Permatang berangan laluan tidak diberi.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Ini TST, tahu sama tahu lah. Cukuplah apa yang terjadi yang lepas. Saya buat rayuan di sini, apa yang lepas, biarlah yang lepas. Saya minta di sini semua bersatu hati. Mewujudkan satu masyarakat penyayang. Boleh atau tidak?

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahya):**

Penjelasan, boleh? Saya tidak puas hati dengan penjelasan Y.B. Sungai Puyu, dengan menyatakan bahawa seolah-olah macam ada satu ketidakikhlasan di pihak sekolah dan sebagainya dalam membantu mana-mana kerajaan pun. Tapi kalau kita lihat dari segi peraturan Kementerian Pelajaran memang itu *standing order* yang *standard* untuk semua orang. Seinggakan kami sendiri pun bukan mendapat *privilege* pun. Kami sendiri terpaksa memohon kalau hendak buat apa-apa program di atas Kerajaan Barisan Nasional juga kena melalui JPN sehingga mendapat kelulusan JPN barulah pihak sekolah membenarkan apa-apa yang dipohon. Jadi saya rasa ini tidaklah satu benda yang *common*. Kenapa hendak di tuduh pihak sekolah, pihak pentadbiran JPN dan lain-lain, seolah-olah *bias*. Itu tidak adil, mereka tidak ada di sini untuk menjawab. Tetapi apa yang saya sebutkan tadi adalah merupakan pengalaman yang dilalui oleh semua orang. Dan Jabatan Pelajaran Negeri bertindak dengan cara yang cukup adil. Semua mesti merujuk kepada JPN barulah kita boleh laksanakan. Jadi janganlah Y.B. Sungai Puyu dengan hati yang tidak senang, mudah-mudah saja menuduh mana-mana pihak dalam keadaan yang sedemikian. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Saya percaya dalam hati sendiri tahu. Boleh kata hati itu sendiri tahu, boleh kata sendiri yang tahu. Saya ada bilang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)**

Minta penjelasan. Y.B. Sungai Puyu, boleh bagi tahu, kalau kita hendak pergi sekolah kita melalui Jabatan Pendidikan ambil kelulusan daripada situ Jabatan Pendidikan. Adakah ini isu atau pun kerja begitu, sebelum 308 ada syarat-syaratnya?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Saya juga ada satu pengalaman. Pengalaman saya apabila, dulunya saya sebagai seorang daripada Ketua Pembangkang telah dijemput oleh pihak PIBG sekolah-sekolah untuk menghadiri satu majlis makan malam. Selepas saya hadir di sana, walaupun dari PIBG, selepas itu apa terjadi? Pengetua-pengetua di sekolah sana apa terjadi, mereka dikenakan amaran daripada siapa? Daripada orang yang tertentu, selepas itu dia tidak berani jemput saya dan dia minta maaf kerana tidak boleh menjemput. Walaupun hari ini saya dalam

kerajaan mereka pun tidak boleh jemput saya, kerana ada masalah-masalah tertentu saya ada biasa dalam Dewan yang mulia ini bercakap di sini, masing-masing kubur, masing-masing jawab. Saya tidak bagi jalan, penjelasan sila duduk.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahya):**

Y.B. Speaker, minta penjelasan. Saya mahukan penjelasan itu hak saya juga, saya mahu penjelasan. Okey saya minta tadi tuduh, buktikan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Sekarang saya *on the floor*. You duduk, you duduk.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Sudah lama sangat Y.B. Sungai Puyu. Saya kata tiga ayat tadi.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Y.B. Tuan Speaker, oleh itu saya merayu, mari kita semua ketepikan perbezaan bangsa, agama dan fahaman politik. Marilah kita semua buat satu di mana Malaysian First. Malaysian First di mana semua orang dapat dilayan dengan adil dan saksama. Oleh yang demikian untuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang, jikalau ikhlas hati, suci hati bila dijemput datanglah ke mari. Sekian Y.B. Tuan Speaker. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat seterusnya.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Y.B. Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam penggulungan di sidang Dewan mesyuarat pertama, penggal kedua Dewan Undangan Kedua belas hari ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan portfolio saya.

Y.B. Tuan Speaker, Gerge Town mempunyai sejarah pertukaran kebudayaan dan perdagangan antara rantau timur dan rantau barat yang telah pesat berkembang sejak beberapa ratus tahun dahulu. Pengaruh dari rantau Asia dan Eropah jelas kelihatan dengan ujudnya warisan kebudayaan majmuk yang ketara dan tidak ketara. Bandar raya warisan ini kini dikenali ramai

pelancong kerana seni bina dan reka bentuk bangunan warisan unik serta landskap kebudayaan indah yang jauh lebih menarik berbanding landskap kebudayaan di rantau Asia.

Y.B. Tuan Speaker, sejak penganugerahan George Town di anugerahkan sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO pada 7hb. Julai tahun lalu. Jumlah pelancong ke Pulau Pinang kian meningkat dan Pulau Pinang juga telah menerima pelbagai pengiktirafan. Dalam jangka masa enam bulan sahaja Pulau Pinang telah muncul sebanyak tiga kali sebagai lokasi pilihan pelancong dan ekspatriat. Pada bulan Disember tahun lepas Majalah Travel dan Lessor dari Amerika Syarikat telah menyenaraikan Pulau Pinang sebagai salah satu daripada Pulau yang terunggul untuk dilawati di Asia. Menjelang bulan Januari tahun ini pembaca akhbar dari New York Times...(dengan izin) telah mengundi Pulau Pinang sebagai destinasi kedua di antara 44 tempat untuk di lawati, seperti dalam tahun 2009 dalam kategori makanan yang enak dan baru-baru ini pada bulan Mac tahun ini George Town telah berjaya menduduki tangga yang kesepuluh dalam tinjauan lokasi tahunan ECA iaitu Employment Condition International ...(dengan izin). Menurut tinjauan tersebut George Town merupakan antara lokasi di Asia untuk bekerja dan tinggal yang menjadi pilihan orang Eropah kerana kos kehidupan yang rendah dan kerana terdapat kemudahan-kemudahan awam yang setaraf dengan bandar raya-bandar raya yang maju. Sememangnya penganugerahan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada 7hb. Julai pada tahun lalu datang tepat pada masanya dan telah terbukti membawa kebaikan bagi Pulau Mutiara ini. Penganugerahan ini telah mengharumkan nama George Town dan Pulau Pinang secara keseluruhannya. Seperti yang telah dijangka jumlah pelancong ke Pulau Pinang kian meningkat.

Y.B. Tuan Speaker, peningkatan kedatangan para pelancong ke Pulau Pinang sepertimana yang telah saya nyatakan dalam Jawapan Lisan yang pertama Pulau Pinang telah merakamkan lebih 6.3 juta pelancong berbanding tahun lepas berbanding dengan tahun 2007 di mana hanya 5.1 juta pelancong telah melawat Pulau Pinang ianya menunjukkan peningkatan sebanyak 21 peratus.

Y.B. Tuan Speaker, menyentuh kepada soalan tambahan Y.B. Pulau Tikus....(gangguan).

**Y.B. Tuan Speaker:**

Minta laluan dari Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):**

Yang Berhormat saya ingin tahu dalam 63 juta pelancong yang datang ke Pulau Pinang ini beritahu dalam Dewan ini berapa yang lokal dan berapa yang datang dari luar antarabangsa? Kita juga nak tahu perkiraannya bagaimana? Adakah *registered* atau yang telah didaftar di hotel atau bagaimana?



## **Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Tuan Law Heng Kiang):**

Angka-angka ini adalah didapati daripada Kementerian Pelancongan dari segi pendaftaran hotel dan saya tidak ada maklumat terperinci seperti yang kita tahu tahun yang lepas, separuh daripada pelancong asing dan separuh lagi dari pelancong dalaman. Jadi seperti yang telah saya mengenai soalan tambahan dari Pulau Tikus, memang mempunyai *direct flight* atau penerbangan terus dengan syarikat-syarikat penerbangan Syarikat Fire Fly dengan Air Asia dan kerajaan negeri juga amat menghargai kerjasama pihak swasta yang juga telah berusaha untuk turut menyumbang peningkatan pelancong ke Pulau Pinang dengan mengadakan penerbangan *shuttle* ....(dengan izin), dari bulan November 2008 hingga Mac bulan ini. Sebanyak 9 penerbangan *shuttle* ditempah khas dari Finland untuk membawa pelancong ke Pulau Pinang.

Purata pelancong yang menaiki penerbangan *shuttle* ....(dengan izin), adalah seramai 224 orang. Agensi pelancongan tersebut menerima sambutan yang baik dan telah membuat keputusan untuk merancang 7 lagi penerbangan *shuttle* dan ditempahkan khas dari Finland dan akan membawa dari Pulau Pinang hingga hujung tahun ini. Selain itu terdapat juga 3 penerbangan tempah khas Cendu, Chechuan di Negeri China ke Pulau Pinang dari 10hb, 17hb. dan 24hb. di dalam bulan Oktober tahun ini. Setiap *shuttle flight* akan membawa seramai 100 penumpang dan di antara aktivitinya adalah yang akan dirancang ialah majlis perkahwinan beramai-ramai yang disambut bersama-sama ahli-ahli keluarga.

Sejajar dengan usaha keputusan ini kerajaan negeri juga giat merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti tahunan serta aktiviti-aktiviti baru di Pulau Pinang dengan kerjasama pihak-pihak tertentu atau anjuran pihak kerajaan sepenuhnya, para pelancong yang ke Pulau Pinang juga datang ke Pulau Pinang untuk ambil bahagian atau untuk menyertai aktiviti tahunan di Pulau Pinang. Antara aktiviti dan acara tahunan yang lain ialah yang menarik pelancong dari luar dan dalam negara ialah seperti Rumah Terbuka Wasaki dan akan dilangsungkan pada 25hb. April ini iaitu di Kota Cornwallis. Nombor 2, seterusnya Pesta Perahu Naga antarabangsa juga akan berlangsung dari 22 hb. sehingga 24 Mei di Empangan Telok Bahang pada 27hb dan 28hb. *Korea Tourist Organization* ....(dengan izin), juga merancang satu persembahan Korea iaitu *Break Out Dance Young Modern Dance* yang akan dilaksanakan di Dewan Sri Pinang.

Kemudian Pesta Bunga Pulau Pinang juga akan berlangsung pada 30hb. Mei hingga 7hb. Jun tahun ini di Taman Botani. Manakala Penang Bridge *International Marathon* pula akan diadakan pada 22 November 2009 tahun ini dan manakala Pesta Pulau Pinang akan diadakan di Tapak Pesta Sungai Nibong serta di luar Tapak Pesta juga dianjurkan bersempena pesta tersebut pada hujung tahun ini.

*Penang World Music Festival* berkemungkinan akan diadakan pada akhir tahun ini. Aktiviti yang lain seperti *Concert Penang Symphonic Band* yang merupakan konsert muzik kontemporari yang akan dilangsungkan pada 16hb. Mei tahun ini di Dewan Sri Pinang.

*Voice of Spring* iaitu konsert muzik klasikal yang merupakan konsert gabungan penyanyi opera serta para pemuzik dari Malaysia, Jepun, Amerika, China, Macau dan Singapura yang akan berlangsung pada 5hb. Jun tahun ini di Dewan Bandaraya. Sambutan *People's of Indian Origin ...*(dengan izin), di mana pelbagai aktiviti telah dirancang dari 11 haribulan sehingga 14hb. September tahun ini di *Little India*, PISA dan di Dewan Sri Pinang.

Antara aktiviti yang dirancang termasuk pertandingan drum pelbagai kaum di mana terdapat peserta dari Jepun dan Korea juga kita akan dijemput dan aktiviti yang lain seperti seperti go-kart, Pesta P. Ramlee, Visit Penang Heritage Celebration akan berlangsung mulai Julai tahun ini dan juga pertandingan wau dan lain-lain lagi.

Y.B. Tuan Speaker, mengenai Malaysia *My Second Home* sejak beberapa tahun yang lalu Pulau Pinang telah berjaya menjadi di antara negeri pilihan utama peserta Malaysia MM2H ... (dengan izin), berbanding dengan negara-negara lain seperti Singapura serta Hong Kong, kos kehidupan Malaysia terutamanya di Pulau Pinang adalah amat rendah lebih-lebih lagi Pulau Pinang cukup dengan kemudahan-kemudahan asas, kemudahan perubatan serta taraf pendidikan sekunder serta setaraf dengan negara-negara maju. Selain itu Pulau Pinang kaya dengan kebudayaan, keindahan alam sekitar semula jadi serta makanan tempatan yang enak. Y.B. Tuan Speaker, rancangan mempromosikan warisan kebudayaan walau digelar rakyat Malaysia setiap kaum di Malaysia tidak kira Melayu, India, Cina dan juga kaum-kaum yang lain masih lagi mengamalkan tradisi, budaya serta seni kraf tangan masing-masing.

Warisan kesenian dan kebudayaan masyarakat Pulau Pinang yang unik dan bersejarah perlu dipelihara dan dipupuk agar tidak pupus ditelan zaman walaupun berdepan dengan pemodenan sedunia yang pesat. Oleh itu kerajaan negeri sedang giat memperkasakan serta mempromosi persembahan kebudayaan dan kesenian negeri kebudayaan Negeri Pulau Pinang di peringkat nasional dan antarabangsa dan menjadikan Pulau Pinang sebagai hab kebudayaan.

Antara cadangan yang sedang dalam perancangan termasuk mengadakan kelas-kelas latihan yang kerap untuk sesiapa yang berminat mempelajari seni persembahan kebudayaan. Kota Cornwallis amat sesuai digunakan sebagai pusat persembahan kebudayaan dan kesenian kerana ianya lengkap dengan fasilitet seperti pentas dan di kelilingi dengan tempat duduk untuk membolehkan penonton menyaksikan persembahan. Seperti di Senzhen, China, di mana terdapat tiga persembahan kebudayaan setiap hari. Persembahan kebudayaan diadakan dua hari seminggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad di Kota Cornwallis mulai bulan Jun atau bulan Julai tahun ini akan

diadakan. Padang Kota Lama berkedudukan strategik di Bandar Warisan George Town dan berhampiran dengan tempat tarikan pelancong seperti Kota Cornwallis dan bangunan-bangunan bersejarah seperti Gereja St. George, Tokong Kuanyin, Masjid Kapitan Keling dan banyak lagi. Dewan Bandaraya yang juga bangunan warisan negeri Pulau Pinang ini boleh digunakan untuk persembahan tertutup seperti persembahan tarian, muzikal, drama dan juga konsert para pemuzik dan penyanyi antarabangsa dari luar dan dalam negara. Ianya kini tidak digunakan sepenuhnya dan hanya digunakan untuk tujuan mengadakan majlis-majlis kerajaan negeri. Y.B. Tuan Speaker.....(ganguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta laluan. Minta laluan. Terima kasih Y.B. dari Batu Lancang. Saya, dalam ucapan saya ada bangkitkan. Terima kasih kerana kerajaan berusaha untuk mengadakan pelbagai persembahan dan sebagainya. Tetapi saya rasa kalau dalam ucapan saya, saya ada bangkitkan isu kalau kita nak jadikan global city. Kita perlu ada muzium-muzium yang daripada *Traditional Art Museum* dan juga *Museum of Modern Art* dan sebagainya supaya benda-benda boleh diinstitusikan, diinstitusikan, supaya ia menjadi satu tarikan yang lebih besar lagi. Minta komen. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):**

Soalan daripada Y.B. Pantai Jerejak akan sentuh baru-baru ini. Kerajaan negeri telah mempunyai Muzium Pulau Pinang yang mempamerkan nilai sejarah dan kebudayaan negeri ini. Kewujudan muzium ini cukup menarik, bersejarah dan mempunyai nilai tersendiri bagi menarik minat pelancong. Oleh itu, kerajaan negeri masih belum mempunyai sebarang perancangan untuk mewujudkan muzium baru yang lain. Tetapi Lembaga Muzium telah membuat penyediaan untuk menjadikan bangunan 57, nombor 57, di Jalan Macallister bertujuan untuk mempamerkan banyak lagi bahan pameran kerana muzium yang, dan Galeri Seni Lukis yang wujud sekarang mempunyai ruang yang terhad. Namun begitu, keperluan dan kepentingan penubuhan muzium baru secepat seperti cadangan *Museum of Art* akan diteliti dengan lebih mendalam agar ia memberi manfaat kepada kerajaan negeri. Pulau Pinang sedia ada dengan *Penang Heritage ...* (dengan izin), laluan ini sememangnya diguna pakai dalam kerajaan negeri dalam mempromosi dan memperkenalkan kawasan-kawasan warisan kepada pelancong. Usaha mempromosikan *Heritage Trail*, menerima sambutan baik dari pihak swasta juga di samping menjalankan aktiviti di kawasan-kawasan tersebut dan menyediakan peta dan risalah. Kerajaan negeri juga memberi sokongan padu terhadap aktiviti sihat yang memberi manfaat dan kesedaran komuniti dan juga usaha promosi pelancongan di kawasan-kawasan warisan.

Y.B. Tuan Speaker, sepertimana yang telah saya bantangkan dalam jawapan kepada soalan lisan yang pertama, kerajaan negeri ini juga menumpukan perhatian kepada menaik taraf kawasan pelancongan di negeri ini untuk menarik lebih ramai lagi pelancong bukan sahaja untuk tahun ini malah dengan untuk tahun-tahun akan datang. Oleh demikian, saya juga ingin memohon untuk menyokong.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat seterusnya. Y.B. Bagan Jermal.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima Kasih Y.B. Tuan Speaker. Y.B. Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Penaga, Y.B. dari Padang Lalang, Y.B. dari KOMTAR, Y.B. dari Paya Terubong dan Y.B. dari Sungai Pinang, yang telah membawa isu berkenaan dengan portfolio saya.

Y.B. daripada Penaga ada membangkitkan kes curi arus TNB dan beliau meminta kerajaan negeri menolong menyelesaikan perkara ini. Operasi mengenal pasti kes kecurian arus adalah kerja-kerja berkala pihak TNB di seluruh negara. Tidak dinafikan memang ada pelanggan-pelanggan yang melakukan kecurangan ini. Kepada mereka yang terlibat dengan kegiatan ini, pihak TNB sentiasa mengambil sikap terbuka untuk menemui mereka dan membincangkan cara-cara penyelesaiannya. Ada kes-kes di mana pelanggan di beri pengurangan amaun yang dituntut dan juga dibenarkan membayar tuntutan itu secara beransuran. TNB hanya akan memulakan sebarang tindakan mahkamah bagi kes kecurian arus apabila ianya berpuas hati dengan wujud bukti yang kukuh dan dapat dibuktikan sebelum tindakan ini di ambil. Pengguna di beri pilihan untuk membayar balik kerugian yang berpunca dari kes ini. Setakat Mac 2009, sebanyak 1,048 kes yang melibatkan sejumlah RM11 juta telah di buat pelantikan panel peguam. Dari bilangan berkenaan, 213 kes sedang menunggu tarikh sebutan kes mahkamah. Jumlah melibatkan 213 kes ini adalah RM5.8 juta.

Tuan Yang Di-Pertua, Y.B. Padang Lalang ada membangkitkan masalah jalan berlubang-lubang di taman dan bandar. Ingin saya menjelaskan, penyelenggaraan jalan-jalan dibahagikan kepada tiga bahagian. Misalannya, di Seberang Perai, jalan-jalan di taman perumahan adalah di jaga oleh MPSP, jalan-jalan negeri oleh JKR dan jalan-jalan persekutuan di jaga oleh konsesi swasta iaitu Belati Wangsa Sdn. Bhd dan jalan-jalan kampung adalah di jaga oleh Pejabat Daerah. Manakala di pulau, dalam bandar adalah MPPP dan di luar bandar adalah JKR. Memang dari masa ke semasa, agensi kerajaan ini menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan jalan yang rosak dan berlubang. Saya telah memberi arahan kepada agensi-agensi kerajaan ini, menjalani pemantauan dan kerja-kerja pembaikan lebih kerap lagi khasnya dalam musim hujan. Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Paya Terubong ada menyentuh berkenaan lampu isyarat

berhadapan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kuang Ming. Ini adalah jawapannya, JKR Pulau Pinang sememangnya sedar tentang keperluan untuk memasang lampu isyarat di kawasan SRJKC (Cina).

Untuk makluman, pihak JKR telah memohon peruntukan tersebut pada tahun 2007 dan tahun 2008 tetapi tidak diluluskan. Walau bagaimanapun, pihak JKR telah membuat permohonan semula pada tahun 2009 dan kerja-kerja akan dilaksanakan setelah permohonan diluluskan. Mengenai penggantian *main hole* longkang, kerja-kerja menggantikan *main hole* longkang telah dilaksanakan. Namun begitu, ianya telah rosak akibat jalan tersebut menjadi laluan kenderaan berat yang telah menyebabkan kerosakan *grating*. Sebagai langkah untuk jangka masa pendek, *steel plate* telah diletakkan di kawasan tersebut. Penggantian kekal akan di buat kelak.

Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Padang Lalang juga telah memuji pihak berkuasa air atas prestasi dan kejayaan yang cemerlang.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Sentuh pasal jalan tadi, saya nak 2 perkara. Yang pertama, jalan di kawasan Permatang Nibong yang bengkok-bengkok tu. Kalau boleh kita minta seperti yang diperkatakan dalam soalan saya sebelum ini iaitu kita buat jajaran baru. Jalan tu teruk sangat pusing. Kalau nak buat pengambilan balik tanah, anugerah semula, susun semula dan sebagainya, tolong buatlah, Jalan PERDA. Nombor dua, berkenaan dengan Jalan Sungai Lembu, jalan semua teruk. Jawapan yang diberikan kepada saya, di sepanjang jalan sungai itu terdapat 25 selekoh yang merbahaya. Kalau bolehlah, di jalan itu buat dulu dia punya lebai ka bagi besar sikit ka sementara. Terutama sebelum sampai musim 'Poh Tow' ni lah. Dalam kepercayaan orang Cina, musim 'Poh Tow' ini dalam jalan raya ini lagi kena jaga.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Y.B. dari Seberang Jaya. Memang Y.B. dari Seberang Jaya ada mengemukakan soalan bertulis berkenaan dengan kedua-dua tempat ini dan jawapan secara bertulis telah di bagi kepada Y.B. Seberang Jaya dan jawapannya adalah, memang JKR sentiasa ada melakukan kerja-kerja untuk meluluskan projek-projek kalau diperlukan. Tetapi, memandangkan kerana kesuntukan peruntukan, ia tidak dapat dilaksanakan sekali gus dan ia perlu di buat atau dijalankan secara berperingkat. Yang Berhormat, saya pasti itu Jalan Sungai Lembu yang berbengkok-bengkok 25 lokasi itu memang di pantau oleh pihak JKR. Terima kasih.

Saya yakin dan percaya Yang Berhormat, Yang Berhormat dan juga rakyat Pulau Pinang pun bersetuju bahawa PBA memang membuat kerja yang baik. Y.B. Tuan Speaker, semenjak PBA ditubuhkan ia telah memperoleh ISO9001 dan 2000 dan juga pengiktirafan daripada Germany dan United Kingdom. Antara kecemerlangan prestasi adalah:

1. Kadar harga air adalah termurah sekali di Malaysia iaitu untuk kediaman adalah RM0.31 untuk 1000 liter berbanding dengan purata Negara RM0.65 untuk 1000 liter dan untuk perusahaan di Pulau Pinang adalah RM0.94 untuk 1000 liter tetapi di purata negara ialah RM1.32 untuk 1000 liter.
2. Kadar *non revenue water* atau dikatakan NRW adalah terendah di Malaysia iaitu 16.9% pada tahun 2008 dan kalau di banding dengan purata negara iaitu 37.5%, Pulau Pinang adalah yang terendah sekali.
3. Peratusan bekalan air kepada penghuni adalah 100% di Bandar dan 99.5% untuk luar bandar.
4. Kawalan kualiti air di iktiraf dan diperakui selamat di guna oleh Jabatan Kesihatan baik dari segi kandungan kimia, logam atau kuman.

Y.B. Tuan Speaker, walau bagaimanapun pihak bekalan air tidak rasa selesa dengan prestasi cemerlang ini dan akan berusaha dengan gigih untuk menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.

1. Kapasiti simpanan air. Projek pembesaran Empangan Mengkuang yang akan dilaksanakan nanti akan menambah kapasitinya dari 22 juta meter padu kepada 78 juta meter padu iaitu satu peningkatan 56 juta meter padu atau penambahan 25.4%.
2. Kempen mengurangkan penggunaan air - sebanyak 285 liter sehari untuk seorang kepada 257 liter iaitu sekiranya dapat boleh mengurangkan 10% penggunaan air untuk seorang sehari.
3. Dalam usaha mengurangkan NRW iaitu *None Revenue Water*, kerajaan merayu kepada rakyat Pulau Pinang supaya memberitahu PBA sekiranya mendapati ada pecahan paip atau kebocoran air dari paip-paip saluran. Rakyat boleh menghubungi PBA melalui telefon nombor 5096509 yang beroperasi 24 jam. Nanti saya akan bekalkan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta penjelasan. Minta maaf kepada Y.B. Tuan Speaker dan minta maaf tadi terlepas dengan *double track*, saya pergi ke sana. Di SPT, *double track* itu sebab saya terima surat daripada selingan mereka terima surat arahan daripada KAMUDA kena dipindah di awal bulan ini dan saya tidak tahu adakah tindakan supaya mereka boleh melanjutkan apa-apa pesanan dan apa yang senang hati kepada mereka.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Saya cuba menjawab soalan ini walau pun ia tidak dibangkit sebentar tadi. Setahu saya pihak KTMB telah membatalkan notis untuk mengosongkan tapak yang mereka menduduki pada masa sekarang dan sepatutnya ada taklimat pada 30 hari bulan April ini telah dibatalkan. Ini adalah disebabkan kerajaan negeri kerana prihatin kepada penduduk-penduduk di sepanjang landasan kereta api maka kerajaan negeri meminta supaya Kerajaan Pusat memberi satu kaedah pampasan yang lebih memuaskan kepada semua penduduk-penduduk di sepanjang yang terlibat ini. Jadi apa-apa notis supaya mengosongkan tapak mereka yang mereka mendiami sekarang telah dibatalkan sehingga satu pemberitahu yang lanjutnya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya ( Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Ini bermakna kita boleh ambil apa yang dikatakan oleh Ahli Bagan Jermal sebab saya pun terima banyak ini. Saya pun telah merayu kepada KAMUDA tetapi tiada jawapan dan kita terima pakai itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Memang saya ada terima sepucuk rasmi dari mereka bahawa pemberitahu mengosongkan tapak telah dibatalkan sehingga diberitahu kemudian.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Penjelasan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Baik.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Terima kasih Y.B. Timbalan Tuan Speaker, saya hendak balik ke cerita air ini. Saya hendak tanya kepada Y.B. Bagan Jermal, kenapakah kualiti air yang dibekalkan kepada kita sekarang ini sejak akhir-akhir ini amat tidak memuaskan terutama sekali pada setengah-setengah masa terutama sekali di sebelah malam. Kadang kita balik kerja dan lewat hendak mandi, keluar air macam karat. Jadi kalau boleh ditingkatkan dan dibaiki kualiti air sebab bila sudah pakai *water filter* pun penapis air masih lagi kotor.

Keduanya, tentang tekanan air, *water pressure* juga perlu dilihat kerana terpaksa pakai *booster* pula untuk memberi tekanan air yang mencukupi untuk kita mandi. Jadi kalau boleh ini diperbaiki. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih Y.B. dari Telok Ayer Tawar, memang ini adalah satu masalah yang sering dibangkitkan oleh pengguna-pengguna dan berkenaan dengan air keruh ini, ia ada dua puncanya. Ada satu yang mereka tinggal di rumah pangsa ini kebanyakannya disebabkan oleh tangki yang terlampau lama tidak diselenggarakan sehingga mendapan atau *residue* di bawah tangki itu dan tangki itu pun mungkin telah karat dan itu menjadikan air keruh. Untuk rumah-rumah yang tidak bertangki, ini adalah mungkin kerana ada kerosakan paip-paip di peringkat mana-mana dan telah diselenggara atau diperbaiki tetapi dalam paip yang telah bocor itu ada tanah-tanah atau air-air yang kotor dan ini bukan selalu berlaku. Ini mungkin berlaku pada satu-satu masa sahaja dan berkenaan dengan tekanan air, PBA memang perlu *maintain* satu tekanan yang tidak begitu terlampau kerana sekiranya pressure terlampau maka paip pecah berlaku di mana-mana tempat yang lemah tetapi memang ada satu piawaian untuk *maintain* tekanan air itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):**

Penjelasan Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker, ini Y.B. Bagan Jermal ini memang kawan baik saya. Saya kalau boleh tidak mahu ganggu dia tetapi dalam hal ini saya hendak tanya sedikit sahaja. Kita tahu Negeri Pulau Pinang memang *water stress stage*. Mungkin dijangka pada dahulu tetapi sekarang tidak tahu. Dahulu dijangka bahawa sehingga tahun 2010 mungkin Penang telah tidak cukup air dan bekalan air daripada Pedu *Damp*. Nasib baik Menteri Besar Kedah tidak potong pokok itu. Kalau potong langsung tiada air.

Jadi hari ini, Yang Berhormat kata, kapasiti simpanan air akan dipertingkatkan, pembesaran Mengkuang *Damp* akan diperbesarkan tetapi sumbernya daripada sungai yang sama iaitu Sungai Kulim. Jadi maknanya besar macam mana pun, kalau sumber satu saja mungkin tidak akan mencukupi pada masa akan datang. Apa jadi dengan cadangan rancangan dahulu untuk hendak dapatkan bekalan air daripada Sungai Rue, Perak, ada *progress* ke tidak?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih Y.B. dari Telok Bahang, sebab itulah tadi saya ada menyentuh berkenaan dengan penjimatan air. Pada masa sekarang setiap orang di Pulau Pinang, purata menggunakan 285 liter sehari dan sekiranya kita berbanding dengan Singapura hanya 157 liter sehari seorang dan di Hong Kong ialah 219 liter sehari. Sebab itu kita sasarkan supaya rakyat boleh menjimatkan penggunaan air demi untuk .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya ( Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan.



**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Nanti, saya habiskan ini. Demi untuk *maintain* atau *sustence* bekalan air yang seimbang dan berkenaan dengan punca air yang boleh didapati dari Negeri Perak, memang ini adalah satu rancangan yang telah dirancang oleh PBA iaitu mendapat bekalan air dari Sungai Kerian dan lain-lain *source* di sempadan di Negeri Pulau Pinang dengan Perak. Itu adalah rancangan yang sedang dirancang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Hendak beritahu berkenaan dengan orang keluarga ini. Keluarga orang Malaysia kadang-kadang empat orang, lima orang dan 10 orang anak. Keluarga orang Hong Kong seorang, dua orang, Singapura seorang dan dua orang. Jadi jumlah kegunaan air kadang-kadang lebih. Sebab itu budaya pula orang Melayu kadang-kadang pakai lebih, orang Cina pakai kurang dan ini semua kena ambil kira. Oleh sebab itu, apabila Y.A.B. Ketua Menteri kata hendak dikenakan macam surcaj kepada pengguna-pengguna, kadang-kadang tidak boleh dan kena tengok juga. Penggunaan itu di mana, rumah itu keluarga ada berapa orang dalam rumah dan sebagainya. Sesuatu harus dilakukan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya, tadi saya kata penggunaan air 285 liter seorang sehari. Jadi, kebanyakan kita memang kalau sehari mandi dua kali, pergi tandas mungkin dua, tiga kali dan kebanyakan air ini diguna pakai untuk menyiram bunga dan juga membasuh kereta. Itulah masalahnya. Jadi niat kerajaan negeri khususnya dari Y.A.B. Ketua Menteri adalah menggalakkan rakyat kita supaya menjimatkan penggunaan air. Sebentar tadi saya telah kata, harga air kita adalah terendah sekali di negara ini. Jadi kalau mereka tidak mahu mendengar nasihat dari kerajaan maka mungkin kita akan menaikkan kadar air pada satu paras yang melebihi apa yang ditentukan. Mungkin itu sahajalah.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmed)**

Saya minta penjelasan tentang yang dikatakan per head, 280 liter. Jadi adakah angka ini diguna pakai atas *base on bil* atau *individual house* punya bil atau kegunaan daripada *resolver* itu sendiri. Kenapa saya tanya soalan ini kerana kalau atas kegunaan secara *resolver* itu sendiri kemungkinan besar yang katakan 280 liter ini mungkin ada *linkage* atau *linking* daripada paip-paip yang besar yang kata di Pulau Pinang banyak masih paip yang belum ditukar. Paip zaman British pun ada lagi. Adakah ini salah satu sebab punca di mana kegunaan itu lebih atau kerana *base* atas bil sahaja.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Yang Berhormat, perkiraan ini diambil mengira bil domestik sahaja tidak termasuk perdagangan atau perusahaan dan tidak termasuk kilang. Bil-bil untuk domestik diambil untuk diguna untuk *divide by population*. Itu sahaja.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan tadi. Tadi kita cerita fasal air kegunaan rumah-rumah domestik dan sebagainya. Sebab itu kita hendak tanya kerajaan negeri ada ambil inisiatif tidak berkenaan dengan *stor management system* di mana apabila sesuatu pelan perancangan diluluskan, bangunan nanti design terutamanya *public building* dia buat takungan untuk *recycle* kegunaan air untuk siram pokok, hendak cuci kereta dan sebagainya. Di samping itu juga di bahu-bahu jalan seperti di Europe, mereka buatkan satu *store management system* di mana di bahu jalan dia ada juga dia panggil *proferated plastic* yang mereka buat. Kalau perkara-perkara itu semua kalau ada telah dilakukan maka ini juga akan dapat menjimatkan dan menambahkan air. Begitu juga di kawasan-kawasan perumahan, *retention pond* yang besar dengan *thrillian liters of water* boleh dibuat dengan kawasan-kawasan yang baru. Jadi semasa waktu bah, dia jadi serampang dua mata. Satu, banjir dia datang, air dia *thaivert*, dia ada satu pintu. Dia *kaveat* masuk ke *retention pond* yang tertentu. Bila kemarau boleh guna sebahagian walaupun dia ada *the drying factors* tetapi kegunaan air itu masih ada selain daripada takungan-takungan daripada empangan dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya, sebab itulah kalau harga air rendah sangat mereka cuma pakai satu bulan RM20 sahaja. kalau setiap keluarga, mereka perlu membayar satu kadar air yang tinggi maka mereka akan memikirkan cara-cara daripada mana mereka mendapat air yang percuma. Saya pernah tengok ada tempat-tempat di kawasan terpencil, apabila mereka membuat rumah, mereka kena korek satu tangki di bawah rumah mereka dan menyimpan air hujan dari bumbung salur masuk ke tangki itu dan diguna pakai untuk minuman dan basuhan. Itulah sekiranya kita kekurangan air, maka macam-macam cara mereka akan memikirkan dan sekarang kita hanya buka sahaja, ada dan murah sahaja. jadi manusia perangai memang macam itulah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):**

Terima kasih Y.B. Bagan Jermal, Y.B. Tuan Speaker, kelmarin dalam ucapan saya, saya telah bangkitkan isu simpanan air hujan dan saya juga ada cadangkan kalau boleh kerajaan negeri memberi rebat kepada mereka yang memasang tangki-tangki hujan atau sistem yang dikenali sebagai *grey water system* di mana air hujan yang telah *distorage* kan akan di kitar semula dan

digunakan untuk *gardening* dan sebagainya dan saya menyerulah kalau boleh Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan ini, terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Sebab itulah sekiranya kita mengingatkan membina sebuah tangki bawah tanah berapa kosnya? Penggunaan air untuk sebulan berapa belanjanya, jadi semua ini *human being* dia akan kira seperti *solar energy*, kalau kita pasang satu *solar panel* di atas bumbung berapa ribu ringgit kena belanja tetapi sekiranya memakai *water heater* secara *electricity* mungkin dia akan ambil 10 tahun untuk mendapat balik yang kita belanja itu. Ini adalah sebab itu, sebab itu adalah satu cara yang baik di mana Kerajaan Tempatan apabila meluluskan satu rancangan pelan perumahan sekiranya syarat yang dikatakan oleh Y.B. dari Kebun Bunga diambil kira maka ini akan memaksa pemaju membina loji atau tangki-tangki di bawah tanah dan diguna pakai untuk kegunaan selain daripada minuman. Ini adalah satu cara lain yang baik, terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):**

Minta laluan, terima kasih Y.B. Tuan Speaker, katakan bekalan air saya memang amat berminat. Saya masih ingat lagi sebelum saya bertanding pada tahun 2004, 2005 saya selalu nampak mana-mana jalan ada tercicir air atau mana-mana *leaking* air, saya asyik telefon pada PBA. Yang seperti tadi Y.B. Bagan Jermal sebut *hotline* itu 5096509 itu memang itu selalu terima panggilan saya. Saya memang kena puji PBA kakitangan mereka memang amat cekap berbanding dengan MPSP yang segelintir *department*. Memang mereka ada sistem dalam dua jam kena sampai tempat yang di *complaint*. Ini memang saya ucap terima kasih banyak lah sebab mereka memang amat cekap. Yang penting seperti tadi Yang Berhormat kata air memang murah di Pulau Pinang sebab itu kita tidak sayang sebab kita mampu membayarnya. Di sini saya hendak menyeru walaupun Malaysia satu negara yang ada banyak sumber dan hujan yang cukup tetapi air ini akan terkering dan masa depan amat mencabar. Di dunia ini ada banyak negeri-negeri yang tiada sumber ini sampai tong di bilik air mandi pun tidak ada, yang mesin tempat kita tarik itu pun memang tidak ada. Jadi kita kena ambil sayang ini semua di Malaysia kita. Di sini saya menyeru di mana kita nampak *leaking* kita telefon *hotline* ini dan minta aduan nombor yang hujung 4, terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih, memang kerajaan telah mengenal pasti cabaran-cabaran masa depan sebab itu tadi saya ada membaca bahawa menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan dengan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi perkara ini, terima kasih.

Y.B. dari Telok Bahang ada membangkitkan rebet air. Rebet air diberi kepada keluarga berpendapatan bawah RM1,500 sebulan. Ini bermakna penduduk-penduduk rumah pangsa kos rendah mereka ini layak secara automatik. Rumah-rumah kampung diberi borang permohonan dan selepas itu diselidik sama ada mereka layak atau tidak. Sejumlah 170 ribu buah keluarga disasarkan untuk diberi rebet ini melalui bil air iaitu RM100 dan diberi pada 4 peringkat iaitu pada suku pertama tahun 2009 mereka diberi RM25 dan selepas 3 bulan akan diberi lagi RM25 sehingga RM100 ini dipenuhi dan ini melibatkan kerajaan negeri sejumlah RM17 juta. Selain daripada keluarga yang saya sebutkan tadi, bangunan-bangunan agama seperti masjid, kuil dan tokong turut mendapat rebet air. Bagi mereka yang mahu bil air kurang daripada RM50 diberi RM5 rebet, manakala bil air yang lebih daripada RM50 diberi RM10 rebet. Ini akan melibatkan sejumlah lebih kurang RM64 ribu untuk tujuan ini dan kesemua ini adalah jelas menunjukkan Kerajaan Negeri prihatin dengan keluarga yang miskin dan ini adalah sesuatu yang tidak dapat dibuat oleh Barisan Nasional walaupun 51 tahun memerintah.

Y.B. dari KOMTAR, beliau bertanya berkenaan dengan *rebate touch & go card Penang Bridge Sdn. Bhd. Penang Bridge Sdn. Bhd* ingin memaklumkan bahawa *card touch & go* yang dibeli di Penang Bridge sebelum 1 April 2009 akan terus menikmati 20% diskaun yang sedia ada. Tujuan asal pemberian diskaun tersebut yang telah dilaksanakan sejak 1985 sebagai satu insentif kepada penduduk Pulau Pinang yang sering menggunakan jambatan. *Penang Bridge* mendapati keistimewaan diskaun yang diberikan kepada penduduk Pulau Pinang khususnya telah tersasar daripada tujuan asal apabila terdapat penyalahgunaan kad diskaun ini dan oleh yang demikian *Penang Bridge* berpendapat penjualan kad diskaun secara berterusan adalah wajar diberhentikan dengan kadar segera bagi mengelakkan terjadinya pertambahan penyalahgunaan kad diskaun ini. Walau bagaimanapun pihak *Penang Bridge* akan mempertimbangkan untuk mengkaji semula penjualan kad diskaun tersebut di masa hadapan.

**Ahli Kawasan KOMTAR (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Minta penjelasan, saya rasa ini satu perkara yang amat penting di mana selepas ucapan yang saya sampaikan kelmarin apabila disiarkan di dalam surat khabar, saya ada menerima panggilan telefon di mana ada rakyat Negeri Pulau Pinang yang inginkan rebet ini diteruskan dan mereka mahukan Kerajaan Negeri memainkan peranan yang lebih proaktif untuk berunding dengan pihak Penang Bridge Sdn. Bhd. supaya kad diskaun itu diteruskan. Walaupun terdapat penyalahgunaan kad diskaun ini, saya rasa bahawa ini tidak adil untuk menghukum orang-orang lain yang ingin mendapatkan rebet itu. Mengapakah pihak Penang Bridge Sdn. Bhd. Tidak boleh mengambil tindakan untuk menamatkan mereka yang menyalahgunakan kad-kad ini dan bukannya terus membatalkan terus skim ini, sekian terima kasih.

### **Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Terima kasih kepada Y.B. KOMTAR. Apa yang saya baca tadi adalah kad-kad yang dibeli sebelum 1 April akan terus menikmati 20% ini. Mereka cuma menangguhkan penjualan kad baru diskaun mulai 1 April menangguhkan penjualan kad diskaun dan apa yang telah dijual itu akan terus menikmati diskaun ini dan saya telah melalui telefon berbincang dengan pihak LLM iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia dan mereka sedia berbincang dengan Penang Bridge Sdn. Bhd. oleh kerana segala keputusan dan langkah-langkah yang diambil oleh *Penang Bridge Sdn. Bhd* perlu mendapat kelulusan dari pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia. Jadi perkara ini belum sampai ke tahap muktamad dan ia masih ada ruang untuk dikaji semula, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan sedikit sebanyak berkenaan dengan Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak RM250 juta untuk memperbesarkan atau menaik taraf Lapangan Kapal terbang Antarabangsa Bayan Lepas. Perkara-perkara yang melibatkan naik taraf Bayan Lepas International Airport yang diberi RM250 juta dari Pakej Perangsangan itu adalah

- (i) *Passenger Terminal Upgrading and expansion*
- (ii) *Terminal Upgrading and renovation*
- (iii) *Facade improvement*
- (iv) *Departure curb side expansion*
- (v) *Arrival and departure segregation*
- (vi) *International and Domestic segregation*
- (vii) *Online hold baggage screening*
- (viii) *Multy-storey carpark*
- (ix) *New Central Utility Building*
- (x) *Security fencing*
- (xi) *Infrastructure work*
- (xii) *Parking apron expansion*

Jadi jelaslah dari apa yang saya terima dari Malaysia Airport adalah Pakej Perangsangan ini bukan untuk membina sebuah lapangan kapal terbang yang baru tetapi adalah satu kerja-kerja atau projek menaik taraf apa yang sedia ada. Jadi inilah menjelaskan apa-apa sering ditanya kawan-kawan baik di dalam Dewan ini atau di luar Dewan ini, terima kasih.

### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Jadi Ahli Bagan Jermal bersetujulah Kerajaan Persekutuan banyaklah juga bagi kepada Negeri Pulau Pinang kita ini untuk berbagai-bagai hal termasuk infrastruktur, lapangan terbang dan lain-lain dan mungkin ratusan juta dan mungkin melebihi satu bilion kut kalau di campur. Maknanya pembayar cukai juga dijagalah oleh Kerajaan Pusat.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Y.B. Tuan Speaker, memang kita semua ini rakyat Malaysia. Tidak dapat dipisahkan dari siapa-siapa pun. Janganlah kita lupa Pulau Pinang adalah satu negeri yang menyumbangkan 30% *taxation* di dalam negara kita ini dan ini adalah seekor angsa yang boleh bertelur emas. Sekiranya angsa ini disembelih, mana dapat telur emas itu? jadi Pulau Pinang ini adalah sebuah negeri yang strategik dan sekiranya Pulau Pinang mendapat infrastruktur-infrastruktur yang bermutu antarabangsa akhirnya Kerajaan Pusat juga akan mendapat keuntungan dan manfaat dan juga nama harum Malaysia.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Jadi Yang Berhormat setujulah macam jari ini ada besar ada kecilkan jadi Kerajaan Kedah dia biarkan air masuk ke Pulau Pinang tak caj jadi kita kadang-kadang Kerajaan Pusat bagi kepada Pulau Pinang kita dapat. Ada cukai lebih kita seimbangkan, tengok ini kalau kita angkat dengan jari ini tidak cukup kuat, bila ada ibu jari satu pegang dengan apa pun dia kuat “ *The philosophy of the thumb*”

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):**

Memang ini adalah hasrat semua rakyat. Ingat nak berbaik-baik dengan sesiapa pun. Jadi cuba bayangkan hasil Kerajaan Negeri hanya bergantung kepada hasil tanah sahaja dan lesen-lesen hiburan juga terhad, itu sahaja hasil negeri. Segala hasil lain dipulangkan kepada Kerajaan Pusat dan sekiranya Kerajaan Pusat tidak mahu memberi kepada kerajaan negeri, ini dia tidak akan *recycle* lah, dia tidak akan menjadi *recycle* yang seimbang. Jadi dari kerajaan negeri kita sentiasa cuba kerjasama dengan sesiapa pun baik di portfolio saya, saya selalu berhubung dengan kementerian dan untuk semua-semua maklumat yang hendak diperolehi dan juga memberi kerjasama baik dari segi *public relation* atau segala-segala kerja yang tidak memberi kerjasama supaya kerja-kerja *state land expansion* untuk *Penang Bridge, second Bridge construction* kita kerjasama, kereta api berkembar kita bekerjasama dan nanti Empangan Mengkuang dan pembesaran lapangan kapal terbang, semua akan diberi kerjasama yang penuh supaya menjayakan kerjasama kerja-kerja projek yang besar-besar ini demi untuk kepentingan dan manfaat rakyat jelata. Sekian, terima kasih, saya memohon menyokong.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Terima kasih Ahli Bagan Jermal. Dipersilakan Ahli Batu Maung.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Bismillahir Rahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahlah hiwabarakatuh. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.B. Speaker dan Y.B. Timbalan Speaker yang telah berjaya sekali lagi memimpin Dewan yang mulia ini dengan bijaksana. Saya ingin mengucapkan tahniah dengan ucapan T.Y.T Tun pada perasmian yang pertama bagi penggal yang kedua Dewan Undangan Negeri yang kedua belas. Ucapan tahniah saya juga di atas pelantikan semula T.Y.T Tun oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan Y.B. Dato' Zainal Rahim sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Jamaluddin Hassan yang telah menjalankan tugas yang profesional dan membanggakan dan saya berharap usaha yang telah dimulakan oleh Dato' Jamaluddin Hassan bagi mengubah minda memperbaiki prestasi kerja dan imej perkhidmatan awam Pulau Pinang bagi mencerminkan imej baru kerajaan negeri dalam usaha menerapkan prinsip CAT di bawah prinsip 5K, Kebebasan, Keadilan, Kebenaran, dan Ketakwaan kepada tuhan dan cara proaktif pentadbiran negeri dapat diteruskan malahan dipergiatkan oleh Y.B. Dato' SUK yang baru.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang profesional menjalankan tugas seperti Pegawai Kewangan Negeri, Y.B. Datuk Supiah dan juga Penasihat Undang-Undang Negeri iaitu Y.B. Puan Faiza dan semua Ketua-ketua Jabatan dan seluruh warga kakitangan kerajaan negeri Pulau Pinang mahupun Kerajaan Pusat yang telah menjalankan tugas dengan baik. Masih terdapat beberapa masalah hubungan *Work Culture* ...(dengan izin), dan *Work Critic* yang perlu ditangani oleh semua pihak. Saya mengalu-alukan kritikan dan pandangan *constructive criticism* oleh semua pihak tidak kira yang Y.B. kerajaan mahupun pembangkang bagi menambah baik prestasi pentadbiran kerajaan negeri.

Y.B. Tuan Speaker, menjawab soalan Y.B. Penaga, Pulau Pinang ternama dengan perdagangan sejak awal sejarah negeri ini dan telah berjaya mengangkat nama Negeri Pulau Pinang menjadi mashur di suatu masa dahulu. Satu perbincangan *Brainstorming session* ...(dengan izin), telah diadakan pada bulan Februari baru-baru ini sebahagian daripada strategi portfolio perdagangan untuk tahun 2009. Bagi mengembalikan kemasyhuran negeri ini, semua *State Holder* dijemput hadir termasuk dewan-dewan perniagaan Melayu, Cina, India, Islam termasuk persatuan pengimport, pengeksport Pulau Pinang, persatuan-persatuan dan juga *Consortium Bather Trade Centre Sdn. Bhd.* sebuah syarikat usaha sama JKP Sdn. Bhd. termasuk bentangkan kertas kerja oleh *Bather Business Net Work* bertajuk "*Penang International Train Exchange Be Tex Original Clearing House For Bather Trade*" ...(dengan izin), IMTGT Malaysia juga turut hadir bagi memberi input Penang Port Sdn. Bhd., *Penang Port Commercial* hadir bagi memberi sokongan sepenuhnya bagi memajukan sektor

*Bather Trade*. Hubungan *Bather Trade* dijalankan di antara Malaysia dengan negara-negara seperti Myanmar, Indonesia, perdagangan ini dijalankan oleh Lembaga Perai sekarang terutamanya dengan Wilayah Aceh. Hubungan dagangan dilaksanakan dengan melalui *Cross Border Trade* Malaysia, Indonesia, di antara barang-barang didagangkan adalah hasil pertanian seperti getah, sayuran kopi hasil perikanan kayu bergaji dan gula. Hasil usaha semua pihak dan lawatan kerja Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama pedagang-pedangan Negeri Pulau Pinang dan terutama sekali Dewan Perniagaan Melayu IMTGT tahun lepas sebuah kapal MV Melisa akan dilancarkan tidak lama lagi bagi *Bather Trade* atau *Costal Trade* di antara Aceh Utara dan Pulau Pinang. Menurut sumber dari Kastam Diraja Malaysia nilai perdagangan bater di antara Malaysia, Myanmar dan Indonesia pada tahun 2008 adalah seperti berikut, Indonesia importnya adalah 67.129 juta berbanding dengan eksportnya 8.179juta. Myanmar 38.120 juta berbanding eksportnya 25.719 juta. Manakala bagi nilai perdagangan *bather* tahun 2009 maklumat dari pihak Kastam diperoleh mengikut pecahan secara bulanan iaitu Januari hingga Mac seperti berikut, bulan Januari Indonesia tidak ada import, eksportnya 206 ribu, Februari importnya 153 ribu, eksportnya 600 ribu, importnya pada bulan Mac 1.5 juta, eksportnya 439 ribu. Myanmar pula bulan Januari nya importnya 2.4juta, eksportnya 4.2juta. Februari importnya 1.9juta, eksportnya 2.6juta. Import bulan Mac 4.1juta dan eksport 3.5juta. Walau bagaimanapun maklumat mengenai jumlah rakyat Pulau Pinang yang terlibat dalam perdagangan ini masih tidak dapat diperoleh daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan. Merujuk maklumat yang diperoleh dari pihak Kastam setakat ini tiada kes penyeludupan berlaku.

Walaupun bagaimanapun terdapat para pedagang yang datang dari Negara lain yang membuat aduan prosedur ketat yang dijalankan oleh pihak Imigresen di mana mereka tidak dibenarkan keluar dari pelabuhan semasa berdagang dan tiada kemudahan dan hiburan yang disediakan untuk mereka mengisi masa yang lapang. Merujuk pada maklumat dari pihak Imigresen beberapa masalah juga turut semasa kapal dagangan berlabuh kerana terdapat pendatang-pendatang haram menaiki kapal tersebut secara tidak sah untuk masuk ke Pinang dan juga pulang ke tanah air.

Sehubungan daripada itu pihak Imigresen juga mencadangkan untuk membincang dengan pihak-pihak kerajaan negeri berkenaan dengan perkembangan dagangan bater serta masalah-masalah yang wujud serta langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah ini. Bagi masalah kesihatan kuarantin, pihak Kastam menjalankan pemeriksaan untuk setiap item yang memasuki pelabuhan bagi perdagangan *bather* bagi melepaskan dari kawalan pihak Kastam iaitu pemeriksaan kawalan mutu makanan bagi barangan berbentuk makanan, pemeriksaan dari Lembaga Kayu-Kayan bagi barangan berbentuk kayu-kayan dan pemeriksaan berbentuk pertanian bagi barangan berbentuk hasil pertanian.



Walau bagaimana pun, operasi perdagangan bagi sistem bater ini tidak begitu rancak ia harus dipergiatkan lagi supaya menjadi salah satu sumber utama ekonomi Negeri Pulau Pinang pada masa akan datang. Aktiviti-aktiviti perdagangan bater perlu dipertingkatkan oleh kerana ia merupakan satu platform bagi peniaga pedagang kecil bagi melibatkan diri dalam perdagangan wilayah sebelum bergiat dalam perdagangan antarabangsa ia lebih memudahkan pedagang-pedagang kecil, pedagang-pedagang antarabangsa bagi meningkatkan peraturan dan undang-undang antarabangsa merupakan satu halangan kepada pedagang kecil untuk melibatkan diri dalam *Cross Boarder Trade*. Aktiviti ini juga boleh dan akan membolehkan dapat mengurangkan impak *Global Fanatical Melt Door* kepada pedagang-pedagang di Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, menjawab soalan Y.B. Penaga berhubung kebebasan akhbar, berkenaan dengan keputusan kerajaan negeri yang telah dibuat baru-baru ini. Apa yang ditekankan oleh kerajaan negeri ialah kebebasan yang bukan kebebasan mutlak dan ianya adalah kebebasan yang adil dan kebebasan untuk semua dan bukan sahaja kepada akhbar dan juga kepada semua pihak. Setiap orang yang dibabitkan mestilah diberi peluang dengan seluas-luasnya untuk menjawab sekiranya ianya berlaku percanggahan kenyataan. Akhbar sepatutnya memberi gambaran yang jelas kepada rakyat tentang apa sebenarnya yang cuba disampaikan oleh wakil rakyat. Berhubung dengan masalah cas fizikal yang dikenakan oleh Kerajaan Indonesia, Timbalan Ketua Menteri II telah mengadakan perjumpaan dengan Naib Presiden Indonesia, Ketua Menteri juga dengan delegasi Pulau Pinang termasuk saya sendiri telah berjumpa dengan Gabenor Sumatera Utara untuk mengutarakan masalah ini dan telah mendapat penjelasan. Kerajaan Indonesia sedang dalam proses mengemas kini sistem pengenalan melalui *income tax* mereka dan dijangkakan keadaan ini akan kembali seperti biasa bagi mereka yang hendak keluar Negara mendaftar dengan Kerajaan Malaysia.

Y.B. Tuan Speaker, menjawab soalan Y.B. Pantai Jerejak pada tahun 2008 kerajaan negeri telah menerbitkan 2 edisi Tabloid Suara Rakyat dengan kos sebanyak 85 ribu untuk edisi pertama dan 81ribu untuk edisi kedua. Pada tahun 2009 kerajaan negeri bercadang untuk menerbitkan 6 edisi dan kos penerbitan tersebut akan diketahui melalui proses tender di mana tarikh tutup tender tersebut adalah pada 6 April 2009. Kerajaan negeri sentiasa berusaha supaya agihan Tabloid Suara Rakyat kepada rakyat akar umbi. Oleh yang demikian, selain daripada agihan yang dibuat kepada jabatan-jabatan seperti Jabatan Daerah, Tabloid Suara Rakyat juga diedarkan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan seterusnya. Antara lain terdapat juga rancangan seperti versi digital juga dimuatkan ke dalam portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mereka yang tidak berpeluang untuk memperoleh tabloid tersebut masih juga dapat membaca melalui portal tersebut. Kerajaan negeri akan sentiasa berusaha untuk memperbaiki medium pengedaran tabloid tersebut dari masa ke semasa agar pengedaran dapat sampai ke peringkat akar umbi. Tentang web portal yang

akan dilancarkan oleh kerajaan negeri iaitu *Interactive Web Portal* Suara Rakyat ini adalah untuk kita memberi peluang kepada rakyat supaya dapat berinteraksi dengan pemimpin-pemimpin kerajaan melalui *Interactive Web Portal* ini. Menjawab soalan Y.B. Tanjung Bunga, Jawatankuasa Kebebasan Maklumat telah mengadakan beberapa inisiatif dan telah perjumpaan berbagai pihak bagi mendapat pendapat dan pandangan orang ramai tentang kebebasan maklumat sebelum keputusan *freedom of information act* ini difikirkan. Antara pihak-pihak terlibat di dalam sesi perjumpaan tersebut termasuklah pihak media, badan-badan bukan kerajaan, ahli-ahli akademik. Tujuan tersebut adalah untuk membincangkan kesesuaian dan keberkesanan *freedom of information act* berkuat kuasa di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, keputusan *freedom of information act* ini dikuatkuasakan beberapa perkara perlu dikaji dengan teliti dan perlu dibuat penilaian secara berperingkat. Sebagai permulaan kerajaan negeri telah membuat beberapa penambahbaikan kepada beberapa maklumat. Contohnya mewujudkan beberapa ruangan di dalam tabloid suara rakyat membolehkan rakyat mengemukakan pendapat, kritikan dan cadangan serta membuat cara langsung di *web premix* Persidangan Dewan Undangan Negeri. Pihak kerajaan negeri berpendapat pendekatan untuk membuka lebih luas kebebasan maklumat ini adalah strategi pertama sebelum kita pergi kepada ideal untuk *freedom information act* ini.

Walau bagaimanapun, keputusan untuk menguatkuasakan *freedom of information act* dilaksanakan beberapa perkara perlu dikaji dengan teliti dan perlu dilayan secara berperingkat. Sebagai permulaan kerajaan negeri membuat beberapa penambahbaikan terhadap kebebasan contohnya mewujudkan ruangan khas di dalam tabloid rakyat membolehkan rakyat mengemukakan pendapat dan cadangan serta membuat secara langsung *wide screaming* Dewan Undangan Negeri. Pihak kerajaan negeri berpendapat yang pendekatan untuk membuka lebih luas kebebasan maklumat ini adalah strategi pertama sebelum kita pergi kepada idea untuk idea *freedom of information act* ini. Walau bagaimanapun, beberapa idea-idea tentang *freedom of information act* ini pun diutarakan dan beberapa format-format dan juga draf-draf sedang diteliti oleh pihak kerajaan negeri.

Menjawab soalan Y.B. Paya Terubung, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Maklumat yang telah diadakan pada 30 Mac 2009 telah membincangkan tentang pelaksanaan TV. Iaitu medium penyampaian berita berkaitan Pulau Pinang melalui laman web. Walau bagaimanapun, perkara ini masih di peringkat perbincangan dan akan diputuskan setelah kajian terperinci dijalankan segala maklum balas positif akan diambil kira bagi mengelakkan sebarang ketidakpuasan berkenaan perkara ini.

Kedua, kita sedang memikirkan tentang bajet kos untuk mengeluarkan *web TV* yang dicadangkan ini. Soalan Y.B. Penaga tentang *hypermarket*. Pihak kerajaan negeri telah mengambil pendekatan untuk mengadakan pertemuan dan juga perbincangan dengan semua pihak dan kita telah mengadakan

perbincangan dengan kumpulan-kumpulan yang telah membantah pelaksanaan pembinaan, pelaksanaan ataupun keputusan untuk permohonan *hypermarket* di Seberang Perai Tengah dan Selatan. Setelah kita mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan semua pihak kerajaan negeri setelah mengambil kira beberapa faktor di dalam peraturan-peraturan Kerajaan Pusat dan juga garis panduan yang telah dilaksanakan. Pihak kerajaan negeri telah menyerahkan keputusan ini kepada Kerajaan Pusat dan kita telah melihat bukan saja di padang *angle* ataupun pada sudut pihak peniaga tetapi kita juga telah berbincang dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan-kawasan berkenaan dan juga ahli-ahli Parlimen di kawasan-kawasan berkenaan untuk mendapat *feedback* daripada pengundi dan rakyat. Setelah diteliti kita telah menyerahkan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk membuat keputusan atas lesen yang hendak dikeluarkan kepada *hypermarket* ini. Sungguh pun kerajaan negeri ada sebarang bantahan kerana setelah melihat di semua sudut kita menyerahkan kepada pihak kementerian membuat keputusan.

Y.B. Speaker, pembangunan tanah yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Saya hendak menegaskan di sini iaitu sudah terdapat beberapa kes di mana kita dapati penyelewengan ataupun salah guna tanah yang telah dilakukan kerajaan yang lepas terutama sekali apabila tanah-tanah diberi ataupun dibeli oleh JKP Sdn. Bhd. Setelah JKP memperoleh tanah-tanah ini dan mereka telah diberi kepada pemimpin-pemimpin kerajaan lepas dan maka kita dapati beberapa salah guna dan juga beberapa masalah yang telah berlaku seperti di Sungai Dua. Y.B. Sungai Dua ada membangkitkan tentang masalah pemindahan kepada EXCO atau pun keluarga EXCO semalam. Nampaknya Y.B. begitu prihatin masalah tanah tetapi saya ingin menarik perhatian di Dewan ini Yang Berhormat juga telah menggunakan Koperasi Orang Melayu, Koperasi Tasek Gelugor Berhad pada masa itu untuk berusaha sama Syarikat Hayana Sdn. Bhd., Projek ini diberi atas nasihat kerajaan yang lepas dan dengan sokongan Y.B. Sungai Dua pada tahun 1997.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Sungai Dua):**

Penjelasan. Saya ingat maklumat itu tidak betul kerana pada ketika itu saya bukan Pengerusi Koperasi berkenaan. Saya ingat ini tidak betul. Pasal apa. Koperasi Serba guna Tasek Gelugor pada ketika itu saya bukan pengerusi dia. Pengerusi dia pada itu orang lain. Jadi jangan buat tuduhan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Okey Y.B. Sungai Dua. Saya tidak kata Y.B. pengerusi. Y.B. pada masa itu dengan nasihat Yang Berhormat maka koperasi itu telah mendapat tanah ini. Okey saya ingin habiskan *information* ini. Projek ini diberi ke atas kerajaan dulu dengan sokongan Y.B. Sungai Dua pada tahun 1997. Projek ini adalah pembangunan Mukim 16 SPU Sungai Puyu dan Y.B. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Ya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Y.B. Batu Maung, memandangkan dibuat di atas sokongan Y.B. daripada Sungai Dua. Apa imbuhan diberikan kepada Y.B. Sungai Dua hasil daripada keputusan tersebut, menyokong projek tersebut.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Y.B. Seri Delima apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah masalah yang berlaku dengan JKP Sdn., Bhd., JKP Sdn Bhd ialah satu badan yang telah ditubuhkan untuk membangun perumahan untuk orang-orang Melayu terutama sekali di luar bandar, tetapi apa yang saya ingin bangkitkan di sini iaitu beberapa projek yang telah diberi kepada pemimpin-pemimpin kerajaan yang lepas atau pun pemimpin-pemimpin daripada kerajaan yang lepas yang telah di, macam seperti projek ini. Projek ini telah terbengkalai dan projek ini seterusnya diberi kepada pemaju bukan Melayu dan pemaju ini telah pun menyiapkan projek itu dan menjual. Projek ini mesti dijual 70% ke atas orang-orang Melayu seperti mana yang diperlukan oleh JKP. Jadi ini adalah satu masalah-masalah yang sedang berlaku di JKP yang kita kerajaan negeri meminta supaya JKP bekerjasama dengan kerajaan negeri supaya kita dapat membangunkan tanah-tanah JKP untuk kegunaan orang-orang Melayu yang memerlukan perumahan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Sungai Dua):**

Penjelasan. Boleh? Okey. Saya ingat bagi dekat koperasi tidak ada masalah. Koperasi adalah menjaga kepentingan orang ramai. Apa masalahnya Koperasi? Jadi, bukan bagi kepada pemimpin mana-mana pemimpin. Saya pun masa itu tidak terlibat dengan koperasi berkenaan. Koperasi berkenaan untuk orang ramai dan jadi tidak ada masalah. Saya hendak berbalik di mana moral kita sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negeri kita meluluskan permohonan tanah oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negeri sendiri. Di mana moral dia? .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Tidak kena mengena.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Sungai Dua):**

Ini pasal bangkit pasal tadi Y.B. Batu Maung membangkit balik isu ini. Saya sudah tidak mahu bangkit isu ini kerana saya tidak mahu hendak memanjang isu ini tetapi oleh sebab Y.B. Batu Maung isu kata saya membangkitkan masalah pemberian tanah kerajaan di beri kepada salah seorang ahli EXCO dan bukan saja ahli EXCO isteri dia pun dibagi. Mana dia moral dia dan tanah itu pula dengan ini.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Y.B. Sungai Dua tentang hal ini saya ingat Ahli Bukit Tambun beri keterangan tadi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Sungai Dua):**

Ya, saya faham Y.B. Tuan Speaker Ahli Bukit Tambun telah berikan keterangan.

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Tidak perlu dibangkitkan lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Sungai Dua):**

Saya pun tidak mahu tetapi disebabkan telah dibangkitkan oleh Ahli Batu Maung. Ahli Batu Maung membangkitkan isu ini. Jadi saya. Jangan saya sudah cuba *cool down* tidak mahu memanjangkan Ahli Bagan Jermal tetapi Ahli Batu Maung cuba hendak memanjangkan. Saya sekarang hendak menyentuh tentang moral Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam puak mereka meluluskan untuk beliau dan isteri beliau. Ini tidak betul dan kemudian dengan *dominan* seringgit.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih Yang Berhormat, so ini adalah sebab yang saya ingin membangkitkan isu ini isu bukan ini saja isunya bukan masalah beri kepada koperasi tetapi oleh sebab perkara ini selepas koperasi tidak dapat projek ini di sub kan kepada satu syarikat yang lain di mana masalahnya hasrat JKP dan hasrat kerajaan negeri pada masa itu untuk memberi kepada rakyat Bumiputera tidak tercapai oleh sebab masalah ini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Sungai Dua):**

Penjelasan.

### **Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Sekejap saya habis dan ini bukan satu saja masalah. Masalahnya ada banyak lagi dan kita negeri sekarang sedang cuba melihat projek-projek yang telah diberi kepada pemimpin-pemimpin UMNO daripada JKP Sdn Bhd ini yang telah disalahgunakan. Oleh sebab lima peratus yang diambil oleh pihak JKP daripada pemaju perumahan sepatutnya tanah-tanah dibeli itu patut diberi kepada golongan-golongan yang memerlukan perumahan kos rendah dan sebagainya. Saya ingin *touch* setakat itu dan teruskan kepada isu yang lain.

Y.B. Speaker, soalan Y.B. Pinang Tunggal berkenaan soalan bertulis yang diterima. Pengambilan tanah Lot 242 Mukim 9 yang ini saya ini *touch* kerana disentuh oleh Ketua Menteri kerana dua perkara dibangkit. Satu ialah tentang pengambilan tanah sebahagian Lot 242 Mukim 6 dan satu lagi tentang masalah Masjid Paya Keladi. Beliau mengatakan Y.B. Pinang Tunggal mengatakan yang kedua-dua ini adalah satu pembohongan. Untuk menjawab ini Masjid Paya Keladi ini yang telah dibangkitkan mengenai pembaikan bumbung Masjid Arifi Paya Keladi yang diperuntukkan telah dimohon oleh Yang Berhormat sendiri kepada Kerajaan Persekutuan. Dakwaan ini dilaksanakan oleh kerajaan negeri oleh Jabatan Agama Islam so Y.B. Pinang tunggal kata dia pohon daripada Kerajaan Pusat tetapi ini peruntukan ini datang daripada kerajaan negeri. Bagi makluman Y.B. Jabatan Agama Islam Pulau Pinang telah membuat kerja pembaikan kubah masjid yang bocor dengan pagar adalah di atas permohonan pihak masjid bernilai RM14,966.50. Pihak Jabatan Agama Islam telah dimaklumkan pengerusi kariah bahawa pihaknya telah memohon peruntukan keseluruhan bumbung kepada Y.B. Pinang Tunggal memandangkan keadaan bumbung kubah yang telah pudar dan ada kebocoran di sekelilingnya. Pihak jabatan telah menjalankan kerja berkenaan dan terpaksa membaiki pagar seperti yang diminta oleh pengerusi masjid dengan peruntukan yang sediakan itu sebanyak RM15,000.00. Itu menunjukkan apa yang telah dikatakan oleh DUN Y.B. Pinang Tunggal itu tidak benar. Peruntukan bumbung dan pagar masjid di Paya Keladi ini adalah peruntukan daripada kerajaan negeri.

Menjawab persoalan Y.B. Sungai Dua berkenaan Medan *Fair*. Medan *fair* ini satu perkara yang penting sebab ialah tuduhan yang liar oleh sebab perbelanjaan sepenuhnya Medan *Fair* pada tahun ini ialah berjumlah RM146,828 tetapi perbelanjaan ini adalah perbelanjaan keseluruhannya tetapi Y.B. Sungai Dua mengatakan perbelanjaan ini adalah perbelanjaan untuk membawa peserta dan sebagainya. Saya ingin memberi pecahan pada tahun 2007, VIP yang mengikut Medan *Fair* ini 9, petugasnya 23, jumlah keseluruhannya perbelanjaan penerbangan RM21,760.00, penginapan RM19,970 pengangkutan RM45,500, pengangkutan kargo RM70,000, jumlah RM157,000 ini adalah cuma pengangkutan tidak termasuk lain, berbanding 2008 apabila kerajaan negeri mengambil alih pada bulan Mac, Medan *Fair* ini bulan April maka kita tidak sempat untuk membuat pengurangan tapi alhamdulillah, VIP itu kita potong VIP tinggal 3 sahaja, petugas 15 orang sahaja kita sempat potong petugas. Penerbangannya masih guna MAS, masih *business class* pada masa itu

RM12,348.00. Penginapan RM16,970.00 pengangkutan VIP RM20,000.00, kita potong buat, buang segala mercedes, pakai bukan kancil dan pengangkutan kargonya RM49,000.00. tetapi 2009 apabila kita melihat program ini keseluruhan, maka 2 VIP sahaja yang pergi. Petugasnya turun dari 23 turun 15 turun, turun 12, 2009 hanya 12 petugas, kita naik dengan harga RM6,300.00 sahaja dan penginapan kita potong separuh tinggal RM8,670.00, kenderaan VIP RM20,000.00, pengangkutan kargo RM49,000.00. Jumlahnya RM84,180.00. Itu hanya pengangkutan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, tadi Y.B. Batu Maung kata tahun 2008, saya mendapat maklumat tahun 2008, saya bercakap tentang 2008, pada tahun 2008, RM164,222.00. Ini jawapan yang diberi kepada saya. Anggota rombongan tadi kata 3 orang daripada VIP dan 15 orang dan jawapan yang diberi kepada saya 2 orang sahaja, VIP dan 15 orang pegawai dan jumlah semua RM164,222.00, Y.B. Batu Maung kata RM140 lebih tadi.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Itu 2008, ini 2009.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya bercakap dalam Dewan 2008, melibatkan 17 orang termasuk VIP dan 15 orang anggota pegawai berjumlah RM164,000.00 dan kalau kita kira berdasarkan itu satu kepala RM9,000.00 lebih, ini yang saya timbulkan, yang Y.B. cakap pasal tahun lain buat apa, saya bukan cakap tahun ini.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Itu silap angka pula.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Jawapan yang diberi oleh Pegawai

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

RM164,000.00 itu termasuk bukan sahaja penginapan, perjalanan, termasuk seperti penyediaan tapak, promosi makanan dan sebagainya

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Soalan saya, dijawab, lawatan keluar negara dan ini jawapan dia, perbelanjaan kepada VIP dan 15 orang petugas, termasuk pengangkutan, ini salah siapa, adakah Yang Berhormat mengaku jawapan ini salah.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Keseluruhan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Ini jawapan untuk lawatan, kenapa tidak dimasukkan lain-lain perkara.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik b. Abul Kassim):**

Itu mungkin tidak ada perinciannya, tidak ada perincian.  
Kita akan bagi perincian.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Kos lawatan untuk 2 VIP dan 15 pegawai sahaja yang diberi kepada saya.  
Kalau salah bagi jawapan, saya boleh terima, senang.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Jawapan itu tidak salah, tapi perinciannya tidak ada, saya mengarahkan pihak pegawai untuk memberi perincian, macam mana RM164,000.00 sampai.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Jangan bercakap saya tidak betul, saya bercakap berdasar kepada angka yang diberi. Sebab itu, kalau salah bagi jawapan mengaku salah, kata kami akan perbetul.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Terima kasih, berhubung dengan satu lagi soalan Y.B. Sungai Acheh berhubung masjid Batu Kawan, sememangnya dalam perancangan PDC dalam pelan induk Batu Kawan telah dirancang 2 tapak masjid dan tapak perkuburan untuk penduduk orang Islam. Perkara ini telah dirujuk dan dipersetujui oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang pada tahun 1996 lagi, pembinaan masjid tersebut akan dibuat oleh PDC bila terdapat keperluan, pada masa ini ,pembangunan Batu Kawan hanya berpusat di Fasa 1 sahaja, penduduk-penduduk Fasa 1 telah mendapat kemudahan masjid yang sedia ada iaitu di kawasan Kampung Masjid Batu Kawan yang berdekatan.

Berhubung dengan jawapan daripada soalan Telok Ayer Tawar, bagi jawapan kepada soalan DUN Y.B. Telok Ayer Tawar jawapan daripada usaha HUB Halal Antarabangsa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti kawasan perindustrian Bukit Minyak bagi pembangunan industri halal. Pada Fasa 1 plot tanah seluas 131 ekar telah dikenal pasti. Beberapa syarikat yang akan dibina di kawasan itu di antaranya Halal Jel Sdn. Bhd. adalah merupakan permulaan perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memajukan



perindustrian halal ini. Syarikat-syarikat ini menghasilkan produk-produk halal teknologi tinggi seperti penghasilan gelatin halal untuk *farmer stikter* dan sebagainya. Selain daripada pembinaan dan operasi kilang tersebut pusat inkubator juga akan turut dibina di kawasan ini. Ini merupakan satu usaha kerajaan negeri memberi peluang kepada industri kecil dan sederhana serta peniaga-peniaga bumiputera yang berminat dalam pembangunan industri halal berteknologi tinggi. IKS ini juga akan dimasukkan ke dalam sistem inkubator bagi melatih dan memberi pengalaman yang mendalam dan meluas untuk melaksanakan perniagaan ke peringkat antarabangsa. Dalam segi ini kerajaan negeri berhadapan mendapat *stimesless package* rangsangan yang telah diumumkan baru-baru ini.

Ini adalah di antara agenda atau usaha-usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan usaha untuk melibatkan IKS dan penglibatan bumiputera ke tahap antara bangsa. Seperti yang diutarakan oleh Y.B. Telok Ayer Tawar berkenaan *low hand sector, high hand sector*, kerajaan negeri sedang memberi perhatian yang tegas, sedang memberi perhatian dalam segi ini dan kita melalui pihak Penang Development Corporation (PDC) *Invest Penang* dan juga Penubuhan Halal Penang untuk membangunkan industri-industri kecil dan sederhana, terutama sekali industri kecil sederhana bumiputera.

Berhubungan dengan Y.B. Permatang Berangan, tentang tanah yang diambil alih dan didaftar di bawah SSI yang telah dibangkitkan tentang Seksyen 89, pihak kerajaan negeri akan memberi perhatian ini dan mementingkan usaha untuk menaikkan bilangan tanah-tanah wakaf di Negeri Pulau Pinang. Y.B. Permatang Pasir telah bertanya telah MAIPP, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pihak saya sebagai EXCO Agama, pendekatan baru adalah untuk berbaik-baik dengan semua pihak, satu dan kedua rancangan kita untuk mengutamakan perpaduan ummah, pembangunan ummah tanpa mengira parti agar pembangunan ummah syiar Islam dapat dipertingkatkan dan diutamakan.

Soalan Y.B. PulauTikus, berhubung dengan masalah ekonomi negara sekarang, pihak saya sedang berusaha untuk membentuk *business-business council* yang kita melawat negara-negara yang mempunyai hubungan dagangan dengan pihak-pihak Negeri Pulau Pinang. Dengan *business council* ini kita berharap memperhebat dan mempererat dapat menyelesaikan masalah-masalah yang timbul perniagaan dan perdagangan di negara-negara ini.

Pendekatan yang seterusnya untuk kita adakah banyak lagi *twin-twin city* ini. *Twin-twin city* ini kita akan memberi pendekatan tentang ekonomi dan perdagangan, bukan sahaja kebudayaan dan juga perhubungan antara *twin-twin city* ini tetapi kita mementingkan usaha untuk melibatkan lagi usaha perdagangan dan peniagaan. Usaha mendapatkan penerbangan terus juga untuk kita memperbaiki hubungan peniagaan di antara negara-negara.

Y.B. Pulau Betong juga membangkitkan tentang M10 iatu Majlis Tindakan Ekonomi Negeri dan strategi Negeri Pulau Pinang. Insya-Allah setakat ini kerajaan negeri memang proaktif dalam menangani masalah-masalah ekonomi,

dan masalah-masalah global *map down* yang sedang kita hadapi dengan Majlis Tindakan Ekonomi ini dan pendekatan-pendekatan proaktif yang sedang dijalankan oleh kerajaan negeri kita berharap supaya kita dapat keseluruhan tidak mengira parti, menggembelng tenaga untuk kita menghadapi dan mengurangkan impak *global map down* yang sedang kita hadapi.

Pertanyaan Permatang Pasir tentang Sekolah Agama Rakyat. Sekolah Agama Rakyat sekarang ini sedang mendapat perhatian yang sentral yang kuat oleh kerajaan negeri. Tahun sudah Y.A.B. Ketua Menteri supaya satu jawatankuasa di tubuh, dan satu jawatankuasa di tubuh pada tahun sudah untuk kita merancang, memikirkan dan berusaha untuk kita mempertingkatkan perancangan kita, masa pendek, masa pertengahan, masa panjang tentang pembangunan Sekolah Agama Rakyat. Justeru itu pada tahun ini kerajaan negeri telah memperuntukkan RM1.5 juta dengan agihan kepada sekolah-sekolah agama rakyat. Pada 2008 sebanyak RM962,230 telah diperuntukkan pada 2009 sebanyak RM3.668 juta telah diperuntukkan untuk agama rakyat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Bolehkah Y.B. Batu Maung menyenaraikan, kalau tidak ada senarai itu, bagi saya kemudian, senarai sekolah-sekolah agama yang diberi bantuan kepada RM1.5 juta tadi.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Sekolah-sekolah yang kita sampaikan bantuan ialah Sekolah Madrasah Manatul Ulum, Madrasah Al-Irsyad Al-Wataniah, Madrasah Al-Aminiah, Sekolah Menengah Islam Al-Diniah, Sekolah Tahfiz Al-Islah, Maahad Al-Islamiah, Institut Pengajian Al-Radzi, SABK Kariah Al-Islamiah, SABK Al-Masyriah, SABK Wanjah, SABK Fa'qiah Daimiyah, SABK Al-Hasmadiah, SABK Darul Maarifil, SABK Dahratul Wataniah 2, SABK Al-Mashoor Islami, SABK Sarati, SABK Imam Al-Nawawi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, adakah sekolah yang diberi adalah sekolah-sekolah berdaftar dengan Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Kalau tidak berdaftar Yang Berhormat kita tidak akan dapat senarai ini. Mereka ini semua berdaftar okey..

Menjawab soalan Sungai Acheh, Jawatankuasa Tindakan Daerah JKTD, ini sepertimana saya menjawab semalam kerajaan negeri sebuah kerajaan negeri yang berpegang dengan keterbukaan memikirkan cadangan ini dan sokongan yang diberikan oleh Permatang Pasir tentang perkara ini. Apa yang saya utarakan di sini iaitu bukan sahaja peringkat Jawatankuasa Tindakan

Daerah patut diperlihatkan sokongan oleh ahli-ahli pembangkang, kita patut memikirkan usaha untuk melibatkan diri sepenuhnya untuk membangun dan untuk melihat supaya negeri dan rakyat Pulau Pinang dapat melalui masalah ekonomi dan sedang kita hadapi sekarang ini.

Berhubung dengan hubungan Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri banyak diperkatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat pembangkang Tentang pasar malam Sungai Acheh ini, sedang kita meneliti serupa juga dengan dewan Sungai Chenang insya-Allah. Berhubung dengan hubungan kerajaan persekutuan dan negeri banyak diperkatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang dan juga kerajaan pendekatan kerajaan negeri adalah pendekatan untuk baik-baik dan sebab itulah banyak perkara dapat diselesaikan dan ini dapat kita memberikan penghargaan dan juga satu tahniah kepada Y.A.B Ketua Menteri kerana Y.A.B Ketua Menteri dengan kepimpinan beliau telah membawa kerajaan negeri bekerjasama dengan rapatnya dengan kerajaan persekutuan dan insya-Allah saya rasa dengan kerjasama ini banyak perkara-perkara dapat diselesaikan termasuklah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang dalam masalah membasmi kemiskinan. Sekianlah saja saya mohon untuk menyokong.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Mohon penjelasan. Terima kasih sebelum habiskan penggulungan Y.B. Batu Maung jadi saya ingin tau apakah *road map* atau bilakah FOI (*Freedom of Information*) itu Pulau Pinang yang dinanti-nantikan itu akan direalisasikan?

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Okey, seperti mana Y.B. Tanjung Bunga telah ketahui pihak pendekatan kerajaan negeri, kita lebih berminat lebih suka untuk kita mengimplementasikan usaha-usaha untuk kebebasan maklumat daripada memikirkan tentang undang-undangnya jikalau kita dapat mengatasi dan membaikkannya kebebasan maklumat saya rasa itu sudah cukup baik dan apabila sampai masanya kita sudah bersedia untuk kita membawa undang-undang itu kepada dewan, so kita mestilah menyediakan diri kita minda kita bukan saja peringkat kerajaan negeri, pihak pembangkang, pihak jabatan-jabatan kerajaan supaya di *except* ataupun... (dengan izin), usaha kebebasan maklumat ini dapat kita terapkan daripada sekarang...(gangguan), dan kita sedang usaha banyak pendekatan-pendekatan kita supaya perkara ini dapat dilaksanakan tanpa-tanpa kita *register* satu undang-undang sekarang ini dan semua pun begitu pihak kerajaan negeri sudah mendapatkan beberapa draf daripada pihak NGO dan juga pihak-pihak dan orang-orang perseorangan yang berminat dan yang memandang penting tentang. Ini dan insya-Allah saya pihak kerajaan negeri akan meneliti draf-draf ini untuk kita bincang bersama dan ini tidak boleh dilakukan *over night* kita perlu masa untuk melakukannya. Sila.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ahli dari Batu Maung. Adakah benar bahawasanya surat khabar Utusan Malaysia dilarang untuk diedarkan di dalam jabatan-jabatan kerajaan, pertama. Kedua, bilakah akan ditarik balik kebebasan kepada Utusan dan New Strait Times untuk dijadikan sebagai bersesuaian kebebasan maklumat dan kebebasan akhbar yang dilaung-laungkan oleh kerajaan negeri supaya tidak ada lagi membawa rotan menghukum mana-mana surat khabar yang kononnya tidak mengikut sesuatu arahan ataupun kononnya dituduh memutar belit maklumat dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Y.B. Seberang Jaya bila kita berbincang berbicara tentang kebebasan. Kebebasan ini bukanlah kebebasan mutlak kalau kebebasan hendak kita berikan ita mesti juga kepada orang yang di hadapan kita itulah yang maksud kebebasan jikalau Utusan hanya memutar belitkan berita-berita hanya memutar belitkan dan berita-berita itu tidak memberi kebebasan dan juga keadilan kepada pihak yang lagi satu so inilah apa yang maksud saya jawapan saya kebebasan saya adalah mutlak...(ganggung), kebebasan mestilah dengan keadilan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

lalah kalau dia kata kebebasan dan keadilan kalau surat khabar tertentu ada buat silap ka atau memutar belitkan maklumat kebebasan juga kepada kerajaan negeri untuk ambil tindakan mahkamah dan sebagainya. Kebebasan harus diberi dia kena ada dua hala kalau *you* rasa tak betul pun *you* kena bagi ruang-ruang tertentu bukan terus sekat sedemikian maknanya itu bukan nama kebebasan itu maknanya dah bagikan peraturan-peraturan yang telah diberikan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Penjelasan-penjelasan. Terima kasih kerana Y.B. Seberang Jaya kata kebebasan dia mesti ada peraturan so inilah kalau pihak Utusan dapat berubah dapat membuat perubahan kepada satu kebebasan yang diterima maka kita akan membuka kembali serupa juga dengan surat khabar yang lain dan bila kita memberi kebebasan, kebebasan ini mestilah diguna pakai dengan baik supaya tidak disalah gunakan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):**

Terima kasih Y.B Tuan Speaker, Y.B. Batu Maung saya ingat tindakan yang diambil ataupun Y.B. Seberang Jaya sebelum itu harus perelaskan tindakan kerajaan persekutuan Barisan Nasional yang telah mengharamkan Harakah dan Suara Keadilan tindakan itu perlu dijelaskan dahulu tindakan itu lebih drastik ini surat khabar Berita Harian, Utusan dan sebagainya saya ingat tak kena pada tempatnya perkara yang penting adalah adakah Y.B. Seberang

Jaya sedar Barisan Nasional pernah mengambil tindakan kerajaan Barisan Nasional mengharamkan Harakah dan Suara Keadilan. Adakah beliau kata itu tindakan yang betul dibuat.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Itulah yang dikatakan tadi kerajaan Barisan Nasional mengamalkan kebebasan yang terbuka iaitu jika ada sesuatu yang diberikan kebebasan dan jika ada sesuatu kebebasan itu disalah guna ia akan diambil tindakan tetapi ada faedahnya bukan orang kata gantung tak bertali yang dibuat oleh kerajaan negeri. Patutnya kena *release* dah cukuplah Utusan apa ni Keadilan dan Harakah dah ditarik balik apa lagi nak di *penalise* kan Utusan dan New Strait Times yang pertama. Yang kedua, masih mempunyai hak kepada kerajaan negeri mengambil tindakan undang-undang satu lagi kebebasan terhadap kerajaan negeri untuk melakukannya jadi tolong ah realisasilah dua *paper* ini.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Kalau nak direalisasikan benda ini kebebasan saya rasa jauh sangat bezanya kerajaan Barisan Nasional dengan kerajaan PKR so itu saya rasa bukan la forum untuk kita berbicara tentang kebebasan berbanding kedua buah negeri ini so kalau tidak ada apa-apa lain saya ingin pohon menyokong.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Terima kasih Ahli Batu Maung. Dipersilakan Ahli Padang Kota.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker kerana menjemput saya untuk memberi penjelasan bagi pihak portfolio kerajaan tempatan dan juga pengurusan lalu lintas. Sebelum itu, saya juga ambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada T.Y.T. Tun atas lanjutan perkhidmatan Tun oleh D.Y.M.M. Yang Dipertuan Agung dan juga tahniah kepada Dato' Zainal Rahim bin Seman atas pelantikan beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru mudah-mudahan sebagai bekas Y.D.P. MPPP dia juga Datuk juga memberi perhatian yang lebih banyaklah kepada MPPP dan juga MPSP sebab BPT dapat memainkan peranan yang amat penting untuk menyokong usaha kerajaan negeri menjadi Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa. Y.B. Tuan Speaker, saya akan cuba buat dengan sedaya upaya memberi pandangan dan penjelasan atas isu-isu yang dibangkitkan oleh hampir setiap ahli Dewan Undangan Negeri yang prihatin terhadap peranan dan fungsi BPT dalam usaha membawa perkhidmatan yang lebih baik kepada pembayar-pembayar cukai, menaik tarafkan kemudahan-kemudahan asas dan mewujudkan satu suasana hidup dan taraf kehidupan yang lebih baik dan pembangunan yang lebih mampan supaya Negeri Pulau Pinang ini akan menjadi satu contoh yang disegani kepada lain-lain negeri. Pertamanya, berhubung isu

pilihan raya tempatan saya rasa selama 3 sesi tahun ini dan tahun lepas isu-isu berhubung pilihan raya tempatan ini pihak berkuasa tempatan ini lebih jernih isu-isu yang terbabit berhubung dengan halangan-halangan perundangan iaitu melainkan akta kerajaan tempatan ini dipinda seksyen 10 nya hasrat kerajaan negeri untuk mengadakan pilihan raya di peringkat PBT tidak mudah dilaksanakan tetapi bagi NGO-NGO dan orang-orang yang prihatin terhadap pilihan raya di peringkat BPT ini mereka dijemput untuk bersama-sama berusaha dengan pihak kerajaan negeri dalam mereka dijemput bersama untuk menggubal *road map* ke arah pilihan raya pihak berkuasa tempatan yang menambah pihak berkuasa negeri ini amat menghargai sumbangan daripada pihak-pihak bukan pertubuhan bukan kerajaan atas isu ini, kita masih perlu sokongan daripada pihak pertubuhan bukan kerajaan dari kerajaan sendiri dari pihak pembangkang juga untuk menjayakan *road map* yang digubal oleh kumpulan kerja yang ditubuhkan semasa forum perundingan kerajaan tempatan pada tahun lepas juga tahun ini.

Di samping itu, saya rasa walaupun ita lebih jelas halangan-halangan perundangan ini tetapi masih ada tuntutan daripada pihak NGO dan rakyat jelata yang prihatin untuk melihat pihak berkuasa negeri untuk menggunakan kuasa yang ada walaupun mereka tak ada halangan-halangan perundangan tetapi ada perkara yang boleh dilakukan oleh pihak berkuasa negeri untuk menambah baik prestasi pihak berkuasa tempatan misalnya dalam beberapa syor-syor yang dikemukakan oleh kumpulan kerja kerajaan akan diberi perhatian dan juga akan dilaksanakan satu perkara yang dibangkitkan oleh kumpulan kerja adalah berhubung penglibatan komuniti terhadap proses membuat keputusan jadi *portfolio* atau jawatankuasa saya sedang merangka satu majlis perundingan KADUN di mana di setiap KADUN akan ditubuhkan satu majlis perundingan yang membabitkan wakil-wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan, tokoh-tokoh tempatan dan sesiapa jugalah yang berminat atas isu pengurusan dan urus tadbir pihak berkuasa tempatan yang dicadangkan akan diketuai oleh seorang adun sendiri dan forum sedemikian boleh diadakan 2 3 kali setahun di mana wakil-wakil ini akan merupakan wakil dari akar umbi yang prihatin terhadap apa yang berlaku di peringkat akar umbi di kawasan adun sendiri saya rasa dengan penglibatan mereka dalam majlis perundingan adun ini banyak masalah dapat diutarakan pandangan-pandangan yang bernas mungkin dapat disampaikan untuk perhatian Majlis Perbandaran dan juga pihak berkuasa negeri sampai juga kepada Kementerian Perumahan dan juga tempatan dan juga memberi peluang kepada adun dan juga Ahli-ahli Majlis Perbandaran untuk lebih dekat dengan *expiration* akar umbi satu perkara yang dibangkitkan adalah mengapa Pegawai Daerah tidak dilantik sebagai ahli majlis pada tahun ini?

Sukacita saya menjelaskan bahawa dalam seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan sememangnya tidak ada peruntukan bahawa seorang DO perlu dilantik sebagai Ahli Majlis tetapi amalan ini dipraktikkan di Negeri Pulau Pinang, tetapi di banyak negeri amalan ini tidak diteruskan sehingga amalan untuk melantik Pegawai Daerah sebagai YDP Majlis Daerah pun sudah dihentikan sebab kita sedar bahawa beban kerja seorang Pegawai Daerah sudah mencukupi, cukup berat mentadbir isu-isu tanah dan isu-isu setempat

masyarakat cukup berat bagi Pegawai-pegawai Daerah kalau dirangkap menjadi YDP Majlis Daerah susah untuk seseorang Pegawai Daerah untuk menguruskan dua perbadanan agensi kerajaan yang cukup penting dengan secara berkesannya. Walaupun Pegawai Daerah tidak dilantik sebagai Ahli Majlis lazimnya sebarang permohonan pembangunan di kawasan PBT ini dirujuk kepada agensi-agensi luar, iaitu termasuk juga Pejabat Daerah dan Tanah atas isu-isu tanah dan lagi pun YDP-YDP di PBT kita ini kebanyakannya berlatar belakang Pejabat ataupun Pegawai Daerah sebelum menjadi YDP yang sememangnya mempunyai kepakaran, pengetahuan atas isu-isu tanah, jadi Pejabat Daerah masih memainkan peranan yang penting atas urusan tadbir di peringkat PBT dan peluang ini diberikan kepada perwakilan daripada parti dan juga dari NGO yang semestinya secocok dengan peruntukan seksyen 10 ini untuk membabitkan orang-orang dari akar umbi yang duduk dalam kawasan PBT yang berkenaan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Terima kasih Ahli Padang Kota, sedarkah Ahli Padang Kota bahawa sebenarnya Pegawai daerah ini bukanlah hanya menumpukan pentadbiran, masalah tanah dan sebagainya tetapi Pegawai-pegawai Daerah ini mempunyai *assesbility* juga dengan banyak juga input-input daripada Kerajaan Pusat, No. 2 apabila berlakunya mesyuarat Majlis Tindakan Daerah Pegawai daerah adalah Pengerusi kepada mesyuarat Majlis Tindakan Daerah dan akhirnya banyak input-input daripada Majlis Tindakan Daerah tersebut dapat dianalisis yang penting itu dapat dibawa bersama semasa dalam mesyuarat Ahli Majlis, ini sebenarnya membantu kerajaan negeri dan bagi semua Pegawai Daerah saya rasa mereka tidak rasa ianya sebagai satu bebanan ianya sebenarnya sepatutnya perkara ini harus diberikan perhatian kalau sudah tersilap langkah tak apa beri balik kepada mereka itu sahaja.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Kita sudah memikirkan semasak-masaknya atas isu ini dan merujuk kepada beban kerja mereka yang mungkin menjadikan peratusan kehadiran mereka dalam mesyuarat di Majlis Perbandaran tidak berapa tinggi kehadiran mereka itu pun salah satu faktor yang dipertimbangkan tetapi pihak kerajaan negeri mengamalkan sikap terbuka kalau selepas satu tahun kita tidak melantik Pegawai Daerah sebagai Ahli Majlis dan menimbulkan apa-apa kecacatan dan kekurangan kita ambil sikap terbuka untuk kaji semula keputusan ini.

Isu yang kedua yang dibangkitkan Y.B. Tuan Speaker adalah berhubungan dengan *star rating* pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan selepas penilaian yang dibuat pada bulan Jun lalu MPPP dan MPSP diberi anugerah ataupun tiga bintang atas prestasi mereka yang diukur atas empat kriteria iaitu dari segi pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan, penyertaan komuniti dan pandangan penduduk. Ada pihak yang mengkritik Kerajaan Pakatan Rakyat atas *rating 3 star* ini yang mereka anggap bahawa sepatutnya MPPP dan MPSP boleh mencapai bintang yang lebih tinggi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, yang kritik itu bukan daripada pejabat Y.A.B. Ketua menteri sendiri, yang membandingkan semasa beliau berada di subang dan sebagainya adalah lebih baik.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Pengkritik dari Pejabat Ketua Menteri adalah tertumpu kepada Majlis Perbandaran, dia tidak menyalahkan Kerajaan pakatan Rakyat bagi dia ada kesinambungan Majlis Perbandaran tetapi bagi pihak lawan dia kritik Kerajaan Pakatan Rakyat yang saya rasa tidak cukup jujur sebab penilaian ini cuma dibuat tiga bulan selepas Pakatan Rakyat ambil alih jadi kalau penilaian dibuat atas empat kriteria ini adalah prestasi dan pencapaian Majlis Perbandaran selama ini sebelum Pakatan Rakyat ambil alih saya rasa kalau hendak kritik haruslah berasas tetapi kita memandang kritikan atau pengiktirafan 3 bintang ini dengan cukup serius saya amat gembiralah sikap yang ditunjukkan oleh MPPP dan MPSP yang begitu semangat mereka kata dalam tiga bulan mereka akan melakukan kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dalam penilaian ini dan mengambil langkah-langkah yang proaktif dan menjemput pula pasukan penilaian untuk kembali buat penilaian dalam tiga bulan itu sikap yang amat positif walaupun kita dititikkan tetapi kita memandang serius terhadap prestasi yang boleh ditunjukkan oleh PBT ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, apabila kita melihat kerusi Penanti kosong saya bukan hendak sentuh, maknanya secara tidak langsung kemudian Setiausaha Kerajaan Negeri dilantik daripada MPPP lepas itu MPPP kosong pula tidak YDP dia, jadi tidak adakah satu perancangan kalau dah tahu bekas YDP MPPP hendak jadi SUK dan sebagainya segera diberikan supaya MPPP juga ada YDP supaya komitmen yang kata hendak beri tiga bulan itu hendak perbetulkan kelemahan itu tidak jadilah ada *vaccum* dan sebagainya inikah dikata cekap akauntabiliti kerajaan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

*Vaccum* saya rasa kekosongan ini akan diumumkan esok kalau pengisian kekosongan ini kalau boleh. Antara langkah-langkah yang diambil oleh MPPP untuk menambahbaikkan adalah melaksanakan perkara-perkara seperti berikut, meneruskan perancangan pelaksanaan sebenarnya dalam penilaian ini bukanlah semua yang buruk ada kekuatan-kekuatan di MPPP dan MPSP cuma di bahagian-bahagian tertentu perlu ditambah baik, misalnya mereka akan meneruskan perancangan dan pelaksanaan program-program keutuhan pengurusan dan integriti pengurusan kewangan dan sebagainya itu perkara yang perlu diberi perhatian oleh PBT kita di MPSP pun beberapa perkara akan diberi perhatian misalnya mempercepatkan permohonan di peringkat OSC pengurusan



kewangan melaksanakan perkara yang secara berhemah mengamalkan prinsip *value for money* mengadakan dan memperbanyakkan program *local agenda 21* dan sebagainya. Inilah satu sikap yang haruslah kita supaya memberi sokongan supaya dalam usaha kita menegaskan peranan PBT untuk menyokong visi kerajaan negeri untuk menjadikan negeri yang bertaraf antarabangsa kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat perlulah memberi sokongan dari segi peruntukan bajet yang lebih besar sebab setiap perkara yang ingin dilakukan oleh PBT membabitkan perbelanjaan sedangkan hasil adalah terhad itulah cabaran yang perlu dipikul oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan saya menerima baiklah sikap yang ditunjukkan oleh beberapa Ahli berhubung dengan perkara ini misalnya Ahli daripada Paya Terubong menyuruh kitalah melihat *star rating* kali ini sebagai satu cabaran untuk kita membaiki prestasi PBT.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ini bermakna daripada pendapatan yang diperolehi perbelanjaan apa yang banyak sekali berkenaan dengan pengurusan kebersihan, pengurusan sampah dan jikanya berkenaan sampah adakah kerajaan negeri bersedia untuk menyerahkan pengurusan sampah kepada Kerajaan Persekutuan ataupun kalau tidak bersedia adakah ianya dipaksa mengikut perundangan tertentu yang tidak boleh kena bagi juga kepada Kerajaan Persekutuan di dalam pengurusan sampah ini atau apakah keputusan yang akan dibuat ataupun nak dibiarkan saja begitu sehingga.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Saya ada ulasan berhubung dengan pengambilalihan sisa pepejal saya rasa perbelanjaan yang amat besar bagi PBT pertamanya emolument dan keduanya pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan kebersihan itu dua perkara yang menjadi bebanan ataupun tanggungan yang terbesar sekali bagi

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sikit saja, maknanya kalau keputusan dibuat bahawasanya hendak serah kepada Kerajaan Persekutuan *emolument* juga akan kurang maknanya saiz MPSP akan jadi lebih kurang ramai juga di kalangan pegawai-pegawai akan diberhentikan ataupun kalau hendak diteruskan maknanya mungkin banyak lagi menggunakan kewangan untuk perkara yang sama.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Sebenarnya kalau meninjau akta itu dia tidak beroperasi semacam itu apa yang ditetapkan adalah apakah peratusan perbelanjaan yang digunakan oleh Majlis pada masa ini untuk urusan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini akan juga PBT perlu menyerahkan kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal walaupun pengambilan aset kakitangan yang tertentu sudah melalui satu proses opsyen dan sebagainya tetapi hakikatnya jumlah yang perlu dibayar

adalah berdasarkan rekod perbelanjaan PBT atas perkara pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam ini.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng We Aik):**

Minta laluan, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi kerajaan negeri atau PBT ingin menjemput panel supaya membuat penilaian semula dalam tempoh tiga bulan jadi apakah syarat-syarat yang telah digariskan oleh kerajaan negeri supaya kedudukan MPPP dan MPSP *star rating* itu dapat dipertingkatkan atau dinaikkan ke tangga yang lebih baik.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Untuk menjawab Y.B. Komtar. Sebenarnya dalam penilaian ini ada beberapa perkara yang dianggap oleh MPPP sebagai tidak menggambarkan keadaan yang sebenar walaupun begitu di *highlight* kan oleh pasukan itu tetapi dianggap PBT ada sebab tertentu mengapa tidak dapat mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian misalnya dari segi Pengurusan Sumber Manusia diwajibkan 1% daripada hasil digunakan untuk latihan pegawai dan kakitangan sepanjang tahun ini 1% daripada hasil perlu, tetapi MPPP sudah mengambil tindakan untuk berjimat cermat dan tidak dengan sebaiknya memperuntukkan 1% yang ditetapkan oleh garis panduan kementerian.

Jadi perkara ini ditolak, maka satu perkara lagi didapati lemah dari segi *land scaping* kita sedar bahawa perbelanjaan *land scaping* adalah amat besar bagi setiap PBT, saya rasa sejarah MPSP pembayaran untuk menukar bunga-bunga *annual* itu membabitkan perbelanjaan yang begitu besar dan banyak PBT tidak mampu untuk memikul bebanan ini. Jadi di MPPP misalnya pada masa-sama lampau mungkin dua hingga juta ringgit digunakan untuk *land scaping* tetapi tahun-tahun kebelakangan ini dikurangkan sehingga RM600,000.00 sahaja. Jadi perbezaannya adalah amat ketara, jadi dari segi ini satu atau dua markah ditolak daripada pencapaian MPPP

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Terima kasih Ahli dari Padang Kota, sebab menyentuh sebab *land scaping* saya dapat perbezaan yang ketara di antara MPPP dengan MPSP. Bila kita datang ke kawasan MPSP ini, kita rasa *very dry*, *land scap* tidak elok langsung, tidak rasa satu suasana *greens* tetapi kita datang ke Pulau Pinang, kita lihat MPPP, yang puji, saya kena puji, yang tidak elok saya cakap. Kita tengok suasananya *hard skap*, *soft scap* dia dari segi pokok-pokoknya, kehijauannya rasa seronok. Jadi kalau dapat hari ini MPSP mempertingkatkan, tidak perlulah meletakkan bunga-bunga yang sering diubah-ubah, saya sendiri pun membantah telah lama seperti itu.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

MPPP tidak faham mengapa markah rendah dari segi ini, kita semua menganggap bahawa di sebelah pulau ini *land scaping*, selesa sangat, tetapi pasukan penilaian mungkin tidak membuat pemantauan di beberapa tempat di mana *land skipping* MPPP dilakukan saya rasa cukup baik berbanding dengan MPSP yang membelanjakan dengan begitu banyak pada masa-masa yang lalu atas *land scaping* ini. Jadi itu isu-isu yang akan diberikan perhatian oleh kedua-dua majlis supaya kita harap memperbaiki prestasi kita ini. Walaupun kita merasa kita boleh mencapai prestasi yang lebih baik kita terlalu mengamalkan sikap yang terbuka dan sebenarnya maklum balas yang kita terima dari 3 golongan yang sering mempunyai pandangan-pandangan terhadap retasi PBT. Pertamanya golongan pemaju, golongan ke dua profesional, *surveyor, planning, engineer*, arkitek dan sebagainya yang berurusan dengan majlis dengan begitu kerap kerana pelan-pelan pembangunan dan juga NGO dan wakil penduduk. Maklum balas adalah amat positif, walaupun jangka tempoh satu tahun sahaja jelas ada perubahan Majlis Perbandaran sekarang lebih cekap, lebih peka terhadap rungutan dan sedia untuk membuat perubahan untuk melicinkan lagi proses kelulusan apa juga pelan yang saya rasa amatlah penting kalau kita dapat menggerakkan pembangunan ekonomi kita dalam masa ekonomi yang gawat ini.

Isu yang seterusnya Y.B. Tuan Speaker adalah berhubung dengan tuduhan penyelewengan yang salah guna dan sebagainya yang diutarakan oleh Ahli-ahli Pembangkang yang dikatakan menjejaskan moral kerja pegawai-pegawai dan kakitangan. Pihak kerajaan negeri dan Majlis sendiri memandangi berat tentang tuduhan-tuduhan ini. Kita mengamalkan sikap bahawa sebagai agensi kerajaan kita terbuka kepada sebarang kritikan termasuk tuduhan-tuduhan sedemikian, tetapi kita memandangi serius terhadap setiap tuduhan dan mengambil langkah atau melaksanakan program aktiviti yang dapat memupuk kesedaran mengenai integriti misalnya mengadakan bengkel integriti, seminar integriti, agensi penguatkuasaan, adakan forum pelan integriti nasional dan sebagainya, dan kita berharap walaupun kita sedia menerima sebarang tuduhan, tetapi ini tidak bermaksud orang yang membuat tuduhan itu boleh berbuat sedemikian tanpa apa-apa bukti supaya berlaku adil kepada sesiapa yang dituduh itu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, sebenarnya sebab mula-mula Y.A.B. Ketua Menteri yang mengatakan bahawa deposit yang teruk di MPSP kerana mungkin sesuatu yang berlaku dan kemudian dihantar pakar *forensics* akaun audit pergi *check*, apakah keputusannya sekarang ini? Adakah benar-benar ada masalah dalam MPSP ataupun semuanya berjalan dengan elok itu sahaja.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Pakar *forensics* walaupun digelar pakar, tetapi tidak semestinya boleh mencari bukti-bukti, sebab orang yang kalau lakukan itu pun dia juga pakar, tidak meninggalkan apa-apa kesan yang boleh dikesani. Jadi walaupun begitu audit di MPPP dan kajian di MPSP, draf awalnya telah siap, sebenarnya pada petang ini kita ada mengaturkan satu perbincangan berhubung dengan kedudukan kewangan. Kalau nampak prestasi pengurusan kewangan di MPSP mencatat satu kelebihan RM3 juta selepas beberapa tahun deposit menunjukkan usaha adalah berhasil dan kita berharap ini akan menaikkan semangat warga MPSP lebih komited dalam menawarkan perkhidmatan dan menjadikan MPSP dan MPPP sebagai pihak berkuasa tempatan tanpa disegani.

Seterusnya Y.B. Tuan Speaker, prestasi PBT dalam mengatasi masalah rakyat ataupun kekurangan PBT dalam mengatasi masalah rakyat dan menyediakan kemudahan prasarana dan masyarakat di utarakan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini sebab, PBT adalah agensi yang paling dekat berdamping dengan masyarakat awam dan setiap perkara yang dilakukan oleh PBT atau tidak dilakukan oleh PBT, akan membawa impak kepada kehidupan orang awam dan pembayar-pembayar cukai.

Satu perkara yang diberi tumpuan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berhubung dengan kebersihan alam sekitar yang menjadi isu yang perlu ditangani oleh PBT. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah memberi satu tugas kepada supaya dapat menangani isu kebersihan sampai ada pelan induk kebersihan negeri, supaya isu-isu kebersihan ini dapat ditangani dengan sebaik-baiknya dan berkesan. Salah satu fokus ataupun masalah yang dihadapi oleh Y.A.B sendiri adalah 3C, *Congestion, Cleanliness* dan *Crime*, dan negeri Pulau Pinang masih terperangkap dengan satu gelaran Pulau ataupun Negeri Darul Sampah yang susah dibersihkan sehingga kini, walaupun sudah 15 tahun bekas Perdana Menteri membuat kenyataan itu. Kerajaan Negeri mementingkan isu-isu kebersihan seperti kita tahu isu kebersihan amat berkaitan isu sikap sebenarnya, MPPP dan MPSP peka terhadap isu ini dan telah banyak kali berusaha membersihkan jalan, longkang melalui kontraktor yang dilantik.

Selepas sesuatu kerja yang diusahakan sahaja rakyat jelata membuang sampah lagi di tempat-tempat yang sama. Ini menunjukkan kalau kita hendak menang di dalam peperangan, kebersihan ini, ubah sikap kita semua adalah satu pra-syarat yang amat penting tanpa mengubah dalam sikap terhadap dalam kebersihan ini apa juga usaha yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pihak Kerajaan Negeri mungkin tidak akan berhasil secara *Sustainable* untuk satu tempoh yang panjang mungkin gotong-royong diadakan di sini, di situ cuma membuat kesan yang sementara sahaja.

### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, dahulu kita ada seorang memakai baju putih, dia panggil sebagai *Health* Inspektor, kerjanya dia akan memusing semua dalam taman, sekarang tidak ada, ya seperti di dalam kawasan Dewan Undangan ini, dia ada. Jadi saya berharap kalau boleh pada kali ini semua kedua-dua PBT adakan satu pegawai RNR, bukan *relax* di *haiway* itu. RNR dia punya kerja Ronda dan *Report*, dia akan pergi sesuatu kawasan dia akan report, sama ada di jambatan, dia akan pergi ke satu kawasan dan dia akan report kalau hendak denda orang, pun dia akan buat juga, so satu pegawai RNR dengan motor pun motonya lain sedikit, kalau motor warna bomba *orange*, kita tahu itu adalah bomba. Kalau kita lihat kita boleh tahu itu dia RNR daripada PBT telah tiba, dan kita pun boleh berikan maklumat supaya dia boleh membantu dan menambahkan kecekapan.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Saya rasa dalam dua, tiga tahun ini PBT menghadapi satu masalah yang amat serius iaitu tarikh pengambilalihan pengurusan sisa pepejal tidak dapat dimuktamadkan. Sesi lalu saya laporkan mungkin dalam bulan Januari, tetapi Januari sudah berlalu tidak terjadi juga. Baru-baru ini hadir mesyuarat dengan Kementerian, diberitahu pada Jun pula, tetapi kita tidak pasti ianya akan berlaku pada bulan Jun. Oleh kerana ketidakpastian ini, dan arahan yang terlebih dahulu berhubung dengan pengambil pekerja-pekerja ataupun penawaran kontrak-kontrak dibekukan dan sebagainya, menjejaskan prestasi PBT dalam hal ini.

Jadi tidak hairan kita sering mendengar rungutan-rungutan ada sesuatu yang tidak kena dalam perkhidmatan yang diberikan. Saya rasa ketidakpastian ini merupakan satu unsur di mana kalau PBT tidak dapat beroperasi secara biasa menambah pekerja kalau diperlukan dari segi kontrak yang lebih panjang tempohnya supaya *investment capital* tapak dilakukan untuk mengadakan mesin pembersihan secara mekanikal berbanding dengan manual itu menjadi halangan terhadap perkhidmatan yang lebih baik.

Jadi pengambilan selepas akta ini diluluskan dan ini akan menjadi satu masalah, tetapi ini tidak bermakna bahawa PBT dalam menunggu pengambilan alihan dan selepas pengambilan alihan PBT harus juga mempergiatkan lagi aktiviti pemantauan terhadap syarikat yang dilantik supaya kerja-kerja ini mengikut KPI yang disediakan. Pihak PBT juga hendak memainkan peranan penting dalam mengadakan program pendidikan dan kesedaran rakyat supaya rakyat jelata memahami betapa pentingnya kita harus menjaga kebersihan di Negeri Pulau Pinang dan program-program seperti 3R, kitar semula, teknologi pelupusan sampah, penggunaan EM teknologi EM pembersihan sungai dan sebagainya adalah langkah-langkah yang boleh dilakukan pihak Kerajaan Negeri menunggu *longterm measure* atau polisi perkara-perkara yang amat mendesak juga perlu dilakukan supaya akhirnya kita dapat mengubah dasar-dasar yang dapat merangkumi (EMS) *Environment Management System*. Memberi tumpuan kepada penguatkuasaan adalah satu perkara yang amat penting tanpa penglibatan masyarakat dalam usaha ini adalah amat penting. Satu isu lagi yang dibangkitkan terhadap PBT adalah pengurusan dan penguatkuasaan atas

penjaja perniagaan kilang-kilang yang haram beberapa ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara ini sebab nampak .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bayan Lepas ( Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Tentang pembersihan tadi kalau boleh saya cadangkan kita bagi keutamaan dulu walaupun kita ada pegawai-pegawai tergantung kita paham tadi. Masalah kita penyerahan tentang *federal* jadi kalau ada kita *priority* dulu contohnya kawasan mana harus bagi keutamaan dulu. Baru ini saya ada sebut dalam maksud saya dalam laut di Batu Feringhi, sampah bukan hanya di tepi pantai dalam laut pun ada sampah jadi kalau kita boleh bagi keutamaan tempat-tempat yang agak dapat membuat banyak pelancongan lagi bagus lah, ini pandangan saya.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Chow Kon Yeow):**

Cadangan Bayan Lepas memberi impak amat berat sebab darat pun tak selesai laut pun cukup berat juga...(ketawa) Y.B. bayan Lepas juga membangkitkan keadaan di Batu Feringhi kalau mengikuti laporan akhbar kita dapat tahu bahawa sememangnya pelancong-pelancong asing banyak membuat aduan kepada tahap kebersihan di Batu Feringhi ada yang menyebarkan e-mel-e-mel ini dan menasihati kawan jangan lah datang ke Pulau Pinang, Batu Feringhi kerana pengalaman yang tidak begitu selesa apabila mereka mengunjungi ke Batu Feringhi kebanyakan mereka adalah *long staying guest* mereka bukan datang satu dua hari tapi mungkin menginap di hotel 2 minggu atau 6 minggu tetapi mereka ada *understanding* dengan lebih dekat sebab duduk di sana untuk satu tempoh yang agak panjang jadi Kerajaan Negeri telah mengambil tekad supaya kita membersihkan Batu Feringhi satu sasaran oleh pihak Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran supaya aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan imej Batu Feringhi sebagai satu tempat pelancongan dapat dipulihkan dan dilindungi. Kita seharusnya semua menganggap Batu Feringhi sebagai satu khazanah kita kalau dirosakkan habis juga lah. Dan peniaga-peniaga itu pun sudah sedar melalui *engagement* dengan *state holder* di sana mengadakan beberapa mesyuarat dan melibatkan pengusaha-pengusaha sendiri yang menunjuk yang mana struktur yang patut di roboh. Kita membenarkan yang mana harus di roboh pejabat daerah dan Majlis Perbandaran melalui proses *engagement* ini kita dapat melancarkan fasa pertama dengan berjayanya di mana ada beberapa struktur dirobohkan benda-benda yang terbiar usang di alihkan di buang tetapi usaha yang seterusnya lebih mencabar sebab sememangnya ada pencerobohan tanah kerajaan di sepanjang Batu Feringhi ini pun masalah yang rumit di atasi dulu kawasan ini kawasan bekas Ketua Menteri tak dapat diselesaikan lagi juga pada masa itu dan saya berharap agensi kerajaan termasuk Pejabat Daerah, Majlis dapatlah mempertahankan kewibawaan Kerajaan Negeri kerana pencerobohan berlaku atas tanah-tanah kerajaan walaupun ini melibatkan nafkah setengah-setengah pihak di sana tetapi kalau yang apa kita bincangkan tadi, kalau khazanah itu

dirosakkan orang tidak mahu datang melawat siapa yang buat gerai atau pun kedai di sana pun tidak bermakna lagi.

Y.B.Tuan Speaker berhubung dengan pengurusan dan penguatkuasaan terhadap penjaja-penjaja kilang-kilang yang haram ini juga satu perkara yang mencabarkan. PBT ikut dasar - dasar yang ditentukan akta-akta seperti *Local Government Act and Country Planning, Straight and Building Act, Uniform Building by Law* dan sebagainya termasuk perintah-perintah dan peraturan-peraturan dan garis panduan yang dapat mengawal pembangunan dan *land use* sekiranya undang-undang ini dan juga perintah dan peraturan serta garis panduan ini tidak dipatuhi dan sememangnya tidak dipatuhi oleh sektor-sektor yang saya katakan tadi selama ini memang sikap mula peniaga tanpa hirau keperluan untuk mematuhi undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan jadi wujudnya masalah penjaja perniagaan – perniagaan yang haram kilang-kilang yang haram dan sebagainya. Cadangan yang dikemukakan oleh Y.B. Pulau Tikus amat prihatin terhadap isu ini sebenarnya dia bukan atas fahaman saya ingin melihat dalam usaha menjadikan negeri Pulau Pinang sebuah negeri dan bandar raya ini sememangnya perkara-perkara ini haruslah ditangani tetapi dalam menangani isu ini kita perlu mengambil tindakan yang mungkin perlu menjejaskan mata pencarian penjaja perniagaan kilang-kilang yang haram dan sebagainya oleh itu Y.B. Pulau Tikus lebih suka melihat perkara ditangani dengan perancangan yang teratur dengan alternatif-alternatif sebelum tindakan yang berterusan di ambil untuk menyelesaikan.

Sebenarnya setiap tahun majlis perbandaran mengeluarkan pelbagai kategori lesen bukan PBT mengamalkan sikap yang terbuka untuk memberikan lesen sekiranya pengusaha-pengusaha ini mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan misalnya pada tahun 2007 MPSP keluarkan 2670 lesen, 2008 2076 lesen MPPP 1,225 lesen 2008 1,118 lesen ini menunjukkan memang PBT ini tidak tutup pintu atau pun menganggap penjaja menganggap perniagaan kilang-kilang sebagai musuh mereka tidak tetapi mungkin akan isu pematuhan sektor-sektor ini menghadapi masalah ini pun sangkut paut *zoning* garis panduan *zoning* dalam struktur pelan kurangnya lokal pelan menjadi keadaan lebih sulit jadi saya amat setuju pendekatan yang harus di ambil PBT dan kerajaan negeri ada perancangan yang rapi menawarkan alternatif bereskan perkara-perkara pokok ini dan seterusnya ambil tindakan yang berpatutan penguatkuasaan yang berpatutan supaya pengusaha-pengusaha ini tidak dapat mengadu bahawa mereka tidak diberikan peluang dan masa yang mencukupi untuk menyelesaikan atau pun mematuhi perkara-perkara yang ditetapkan oleh pihak Majlis ini dan sukacita saya maklumkan dewan yang mulia ini bahawa Y.B. Pulau Tikus ada menanya bilakah USM akan menghabiskan kajian itu kajian ini di peringkat akhir dan kita berharap selepas kajian ini dapatlah diberi cadangan –cadangan kepada MPPP kepada MPSP bagaimana kemudahan-kemudahan penjaja ini di kompleks pasar tapak penjaja sementara tapak membuka peluang yang seluasnya kepada warga negeri Pulau Pinang ini untuk menceburi dalam kegiatan perniagaan di samping itu agensi kerajaan yang lain perlu memainkan peranan yang sama misalnya UDA, PDC, Pejabat Pembangunan Negeri Pejabat Daerah dan Pemaju haruslah memainkan tanggungjawab untuk menyediakan

lebih banyak ruang yang mematuhi undang-undang untuk dijual disewa atau dipajakkan kepada pengusaha-pengusaha sebenarnya di PBT kita menyedari ada *a smasth* atau 23 ribu penjaja yang tidak berlesen, masa yang sama ada 23 ribu tapak gerai di kompleks pasar tidak di isi jadi antara langkah yang dia ambil ialah untuk diswastakan tapak-tapak yang terbiar ataupun tidak menarik minat penjaja-penjaja yang tidak berlesen ini untuk masuk berniaga di dalam tapak yang kira sempurna berbanding dengan menjaja di tepi jalan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, oleh kerana kadang lokasi tertentu itu hanya sesuai untuk mereka buat peniagaan jika dibandingkan dengan pusat-pusat penjaja tertentu. Sebab itu PBT kalau boleh juga mengujudkan statik kios di sudut tertentu dengan mengikut garis panduan dari segi trafik dari segi kebersihan dan sebagainya kalau kita tengok di *Dolve di Jermany* di tepi jalan kadang-kadang ada beberapa statik kios, 2 3 penjaja duduk lagi satu statik kios ada di tempat lain

**Ahli Kawasan Padang Kota ( Y.B. Chow Kon Yeow ) :**

Kita sedia menerima apa juga yang boleh menyumbang kepada pembaiknya usaha PBT untuk menangani isu-isu penjaja perniagaan dan juga kilang-kilang yang haram. Ada satu jawatan *adhoc* yang melawat kilang yang haram dan menasihati mereka membantu mereka mohon untuk mensahihkan pemutihan perniagaan mereka,itu yang membolehkan mereka boleh di ambil tetapi pada akhirnya penggubalan dasar dan pendidikan adalah amat penting kita ada orang yang baru mahu ceburi dalam perniagaan tak sedar mereka perlu mematuhi pelbagai syarat sebelum tempat itu diluluskan sebagai tempat perniagaan. Y.B. Tuan Speaker satu isu yang menarik perhatian beberapa orang ahli ada berhubung dengan tapak warisan UNESCO diberi pengiktirafan kepada George Town pada 7 Jun 2008 ini beberapa soalan di timbulkan beberapa langkah-langkah atau usaha-usaha yang sudah diambil oleh pihak kerajaan mahupun MPPP untuk memelihara tapak warisan ini sebab khususnya selepas berita berhubung dengan 4 projek bangunan tinggi yang diluluskan yang mungkin melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh UNESCO yang boleh menjejaskan taraf kita kalau kurangnya mungkin menyenaraihitamkan atau memberi amaran kalau tidak mungkin di *listed* daripada senarai warisan dunia UNESCO ini merupakan satu cabaran yang hebatlah kepada kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran. Semasa permohonan ini dibuat disertakan pelan pengurusan warisan dan usaha-usaha kerajaan negeri dan MPPP jabatan perancangan dan desa adalah pembantu kepada pelan pengurusan warisan in yang mengesyorkan wujudnya beberapa struktur seperti *state heritage commitee* yang memantau dan mengurus semua perkara yang berkaitan dengan tapak warisan UNESCO yang menubuhkan *world heritage office* bagi menguruskan tapak warisan menubuhkan teknikal *review office* dan mewujudkan *heritage department* itu unit warisan di MPPP akan di naik taraf untuk jawatan penuh agar



warisan untuk meneliti dan mengulas permohonan kemajuan yang terletak di dalam tapak warisan dan di samping itu baru –baru ini Kerajaan Negeri sudah pun membuat permohonan kepada Kementerian untuk mendapatkan peruntukan sebanyak 25 juta itu sebahagian atau pun separuh peruntukan yang diumumkan oleh Tun Abdullah Badawi semasa beliau menjadi Menteri Kewangan pembentangan bajet pada tahun 2009 ini dan antara peruntukan ini akan digunakan untuk menunjukkan *intergrated geographical information system listing and inventory heritage zone* iaitu satu perkara yang amat penting sebab di tapak warisan ada 4,663 unit rumah di tapak ini tetapi kalau selama ini tak ada maklumat yang mencukupi tentang ciri-ciri bangunan ini hak ke milikan yang menjadi satu isu apabila bangunan-bangunan ini terbiar PBT tak dapat mengesan pemilik sebenar untuk melakukan kerja-kerja pembaikan. Lain-lain digunakan untuk melaksanakan pelan *intergrated* pengurusan dan juga menyediakan *home honest manual* dan *repair maintenance* itu pun satu perkara yang penting sebab kalau tidak dikawal sesiapa pun boleh melakukan kerja-kerja membaiki yang mungkin menjejaskan *outstanding universal value* yang kita utarakan dalam permohonan kita dan menubuhkan satu pejabat *heritage* yang sudah pun dilakukan dan mengenai bangunan–bangunan yang usang saya rasa PBT ada melakukan sesuatu tetapi secara peribadi secara selaku EXCO, saya rasa PBT haruslah melakukan dengan lebih banyak usaha untuk memastikan rumah ini dapat dibaikpulih walau pun kita sedar kebanyakan tanah ini milik oleh persendirian ataupun pertubuhan-pertubuhan tetapi kita tidak menangani isu ini yang akan menjejaskan imej George Town sebagai tapak warisan dan insiden-insiden anggaran bangunan yang runtuh membabitkan kehilangan nyawa akan terus berlaku jadi saya berharap ini akan menangani isu ini dan menghapuskan kacau ganggu yang timbul akibat daripada bangunan usang yang terbiar menjadi keprihatinan Y.B. Pengkalan Kota, Komtar dan saya sendiri sebagai wakil rakyat di kawasan George Town ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, penjelasan. Ada perundangan tak supaya masuk ke dalam bangunan yang sudah usang itu dibiarkan di dalam satu taman perumahan 3 tahun dengan lalang entah apa yang ada dekat dalam, ada perundangan tak, kalau tak dak bagaimana cara untuk di usahakan oleh ahli kawasan Padang Kota di peringkat diadakan perundangan sedemikian memudahkan kita.

**Ahli Kawasan Padang Kota ( Y.B. Chow Kon Yeow ) :**

Ada, Padang Lalang kata kalau setuju kata ya,, ya ada ...(ketawa), itu di bawah akta Kerajaan Tempatan, akta yang merangkumi banyak perkara *acting escape from the local act* jadi notis boleh dikeluarkan di bawah seksyen 82 dan seterusnya ada sesi *enkuiiri* 8 Majlis Perbandaran kalau tidak seterusnya notis di bawah seksyen 83 akta jalan parit dan bangunan boleh dilakukan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Premis yang *owner* pun tak dapat cari atau pun bank dah lelong kita tak tahu siapa.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Chow Kon Yeow):**

Bank lelong boleh dikesan sebab pemilik bank... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Pemilik pun tak dapat di kesan

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Pemilik tak dapat dikesan memang ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Dia orang dah bagi *substitute services*.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Perselisihan faham antara ahli-ahli keluarga *distribute* dalam wasiat dan sebagainya ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Problemnya sebab tak dapat dikesan *missing in action*.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Minta penjelasan, Y.B. , saya memang tertarik dengan apa yang Y.B. sedang laksanakan dalam rancangan untuk membangunkan kawasan warisan itu cuma sekarang ialah tentang tanah-tanah dan lot-lot tetapi sekiranya keluarga tak kemampuan untuk nak buat *repair* mengikut *home honest manual* mengikut apa yang telah digariskan dalam manual ini adakah MPPP Kerajaan Tempatan atau kerajaan negeri mahu memberi sedikit sumbangan supaya tiap-tiap yang dibuat *renovasi* akan mengikut kehendak yang tertulis dalam *home honest manual*. Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

MPPP digalakkan untuk membaik pulih bangunan ini dengan memberi insentif seperti *maintenance* geran ataupun *waiver* dalam sumbangan-sumbangan tertentu *like car parking contribution* sebagainya pelan pengurusan juga mengesyorkan satu tabung warisan di wujudkan di mana saya rasa *solve loan* dapat diberikan kepada pemilik-pemilik. Apabila kawalan *saver* dimansuhkan dalam proses pengalihan itu pun wujudnya satu tabung RM100 juta ringgit tetapi pada masa itu mungkin tak ramai orang menunjukkan minat, tetapi kalau tabung ini dapat diwujudkan lagi oleh Kerajaan Pusat, kementerian sekarang mungkin tak ada warisan mungkin masuk dengan budaya kalau ianya ditubuhkan saya rasa ini patut di....(gangguan), sebenarnya dalam akta 2006 apabila saya bahas akta ini di parlimen memang ada tabung yang disyorkan diwujudkan supaya untuk menangani kes-kes sedemikian.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sebentar, sebab itu dalam soalan, adakah kerajaan negeri bersedia mengambil alih kawasan-kawasan yang terbiar yang tidak berkemampuan pemilik dan sebagainya kalau dapat diwujudkan satu tabungan dan sebagainya baguslah, kalau tak dibiarkan usang, dia bukan jadi antik dia lebih daripada antik dah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat, tentang tabung, cuma tentang segi kos perbelanjaan, dulu kita buat rumah budak-budak pakai kayu la ni apabila ada anai-anai kita pakai besi aluminium, jadi kalau ikut *owner manual* mungkin tak pakai besi atau kayu agak mahal sikit, jadi minta penjelasan tentang kos.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Pemantauan tentang MPPP amat lemah dari segi ini sebab diperhatikan oleh NGO warisan ini yang beri maklumat dalam satu tempoh yang selepas pengiktirafan diberikan bulan Julai tahun lalu sehingga sekarang mungkin ada saya agak lah mungkin 20 tau 30 bangunan diubahkan tanpa kelulusan. Mereka buat apa yang mereka anggap betul kemungkinan tak betul mengikut garis panduan warisan itu, itu pun satu cabaran kepada PBT. Kita sedia maklum bahawa setakat ini unit warisan itu pun tak ramai pakar kerja ada jabatan warisan dengan JPA meluluskan lebih banyak perjawatan dari segi ini, ianya wajib dilakukan, sebab kalau tidak ada satu pengurusan yang sempurna kita bukan setakat tidak mampu naik taraf tapak warisan kita tetapi ia akan *generated*, dan saya rasa pihak swasta haruslah digalakkan memainkan peranan dan kita memerhatikan di Bandaraya George Town ada bangunan-bangunan

yang di baik pulih oleh pihak swasta tetapi mereka pun menghadapi masalah tertentu berhubung dengan pematuhan garis panduan warisan tiba-tiba kementerian mengatakan sebarang permohonan perlunya *heritage impact assessment study* tanpa memberi apa-apa garis panduan bagaimana ia dilakukan dan pengusaha ataupun pihak swasta terperangkap dan pelan-pelan mereka mungkin tidak dapat dengan meneruskan dengan segera. Jadi walaupun selepas hampir dekat satu tahun kita terima *heritage* ini tapi dari segi pengurusan saya rasa banyak lagi perlu dilakukan dan penglibatan kementerian amatlah penting tanpa kementerian tempat ini tidak dapat dikekalkan dan mungkin *outstanding value* terjejas. Berhubung dengan 4 bangunan yang dinyatakan oleh Y.B. Pengkalan Kota pasukan *icomos* akan membuat lawatan ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya terlupa, masa pendek nak tanya satu nak mencelah. Mengenai polisi burung walid ini la, difahamkan PBT dah bekukan ka macam mana kah? walhal ini kerajaan pusat menggalakkan pemeliharaan burung walid bagi sumber ekonomi negara. Cuma bagi penjelasan

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Selepas pengiktirafan George Town sebagai *world heritage site* ini industri burung walid ini di tempat ini pada pandangan MPPP dan unit warisan adalah satu kegiatan yang tidak digalakkan. Sememangnya kerajaan lepas sudah memberi tempoh 3 tahun mandatori semua pengusaha burung walid keluar dari George Town itulah masa yang ditetapkan oleh itu tidak nampak banyak tambahan bilangan pengusaha-pengusaha di George Town ini mungkin di luar di Seberang bilangan itu bertambah tetapi di George Town masih kekal dengan angka itu. Walaupun jawatankuasa yang dipimpin oleh Y.B. Batu Maung sedang merumus satu dasar yang tepat pengusahaan ini dapat digalakkan tanpa menjejaskan khususnya tapak warisan ini George Town ini tanpa mengambil kira kepentingan penduduk-penduduk berdekatan dengan rumah-rumah burung walid ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ini bermakna sehingga Batu Maung membuat polisi yang memelihara burung walid ini janganlah kita *finalised* bagi dia orang teruskan dulu sementara polisi, sebab ini satu sumber pendapatan negara.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Itu sudah saya utarakan, itu prinsip pemimpin kita buat keputusan ... (gangguan).

### **Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan, mengenai masalah burung walid, bagaimana dengan masalah permit yang telah dibekukan pada awalnya, bolehkah sambung semula permit baru untuk tahun 2009 dan tahun seterusnya.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Saya rasa PBT sedang menunggu keputusan muktamad daripada pihak Kerajaan Negeri. PBT setakat ini mematuhi apa yang diputuskan dahulu sehingga satu keputusan mengenai garis panduan yang baru. Tuan Speaker saya juga sambung dengan beberapa isu yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat dalam dewan ini, adanya yang berhubung dengan jenayah, sukacita dimaklumkan bahawa memang ada cadangan untuk memasang *cctv* dan juga *Penang Intergrated Public Safety System* fasa kedua di bahagian pulau dan juga di Seberang Prai di mana kamera dan lokasi-lokasi yang telah dikenalpastikan, apa yang boleh menjayakan pemasangan sistem PIPS ini adalah bergantung kepada peruntukan, semua boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat kalau dapat peruntukan sepenuhnya daripada Kerajaan pusat yang dianggarkan RM53 juta sememangnya 210 tapak yang dipasang dengan *cctv*. Tetapi jika peruntukan tidak dapat ia akan Cuma dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Dan saya dimaklumkan oleh pihak polis setiap hari mereka menggunakan imej yang ditangkap oleh *cctv* untuk mengeluarkan saman kepada orang-orang yang melanggar peraturan lalu lintas sebanyak melebihi 500 keping saman boleh dikeluarkan cuma dibantu kepada *images* yang ditangkap oleh *cctv* yang sudah pun dipasang di Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Y.B. Penaga ada menyebut tentang hutang MPPP dan MPSP terhadap Tenaga Nasional. Dia kata MPSP boleh kejar UMNO untuk bayar tunggakan 10 tahun bagaimana pula dengan PBT sendiri yang ada tunggakan, saya dimaklumkan bahawa sememangnya ada tunggakan dengan Tenaga, bagi MPSP dalam lingkungan 1 lebih juta dan MPPP pula adalah 6 juta, tapi ini masih dalam proses, masih ada pertikaian terhadap apakah sebenarnya tunggakan yang perlu dibayar oleh MPSP dan MPPP. Di MPSP didapati bil-bil sepatutnya perlu ditanggung oleh pihak-pihak yang lain, agensi-agensi yang lain dan bukan dengan MPSP dan usaha sedang dilakukan untuk menapis sebenarnya apa yang patut di tanggung oleh MPSP. Di MPPP pula pertikaian penyelesaian perlu dicapai atas bil-bil yang perlu ditanggung oleh MPPP apabila meminta tenaga untuk *request on job* untuk membuat *repair* dan sebagainya, tetapi MPPP sememang sudah membuat peruntukan untuk menjelaskan tunggakan ini dan ianya akan di bayar selepas dua pihak adakan rundingan jumlah yang sepatutnya ditanggung di MPPP. Pasar awam di Batu Uban, Y.B. Batu Uban sudah beberapa kali menimbulkan perkara ini, dia balik pun kena jawab, tetapi amatlah panjang lebar ia sebahagian dari jawapan itu. Pernah disampaikan oleh Yang Berhormat. Pemaju Hamna diberikan sehingga esok untuk membukakan konsep pembangunan baru, kalau ianya gagal mungkin Kerajaan Negeri SSI dan MPPP perlulah membuat keputusan untuk membatalkan *agreement* dengan Hamna ini, mungkin diperlukan membayar kos kerana tidak bina pasar awam

dan tapak itu sebagai ganti rugi kegagalan pembinaan dewan serba guna tersebut dan mungkin selepas dapat sumbangan itu kerajaan negeri boleh menggunakan wang itu untuk mengadakan pasar awam tersebut. Berhubung dengan pencerobohan pasar awam MCA di tapak berdekatan saya rasa perkara ini adalah maklumat dan tindakan pejabat daerah Timur Laut yang perlulah ambil tindakan pemberi milik TOL dan mengikut Seksyen 46 Tanah Kanun Negara ianya jadi tanah kerajaan dan pentadbir tanah Timur Laut akan keluarkan notis di bawah Seksyen 425 ini Kanun Tanah Negara untuk tujuan mengosongkan kawasan tersebut termasuk merobohkan cawangan MCA yang sememangnya tidak digunakan untuk beberapa tahun dah, dia pun bukan pemegang tol. Pemegang tol sewa kepada dia bina bangunan, tol itu sudah reput bangunan juga tidak digunakan jadi perkara ini ialah satu perkara yang jelas lah jadi pejabat daerah perlulah buat apa yang perlu dibuat.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):**

Minta penjelasan. Adakah bangunan itu mereka ada hutang cukai tanah atau pun cukai pintu, bolehkah bagi penjelasan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Saya tidak dapat maklumat dan mohon kebenaran memberi jawapan secara bertulis. Y.B. Sungai Pinang ada membangkitkan *kafe internet*, sukacita dimaklumkan bahawa tindakan yang diambil untuk negeri terhadap premis *internet kafe* yang mempunyai lesen tetapi membenarkan murid-murid sekolah menggunakan *internet* pada waktu sekolah telah memberi amaran supaya mematuhi syarat-syarat perlesenan pusat *internet* ini, sekiranya amaran tidak dipatuhi maka tindakan denda dan menarik balik lesen akan dikenakan, ia juga ada beberapa syarat yang sedia maklum oleh Y.B. Sungai Pinang yang kata mengunjungi *internet kafe* selalu lah. Tetapi mengikut garis panduan kementerian perumahan dan kerajaan tempatan memang tidak ada garis panduan berhubung dengan syarat pusat *internet kafe* ini dengan sekolah walau bagaimanapun cadangan...(gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker:**

Ahli Padang Kota, penggulungan masih panjang lagi atau tidak

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Saya memerlukan masa sedikit, ada satu *portfolio* sahaja, pengurusan lalu lintas belum sentuh lagi. Saya minta sambung.....(gangguan).

**Y.B. Tuan Timbalan Speaker :**

Ahli Padang Kota sambung semula pada hari Isnin

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Okey, terima kasih

**Y.B. Timbalan Speaker:**

Dewan ditangguhkan sehingga 27hb. April 2009 jam 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.***